

PENERBITAN PENYELIDIKAN

(SIRI 1)

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

PENERBITAN PENYELIDIKAN MAIS
(SIRI 1)

SIDANG EDITOR

Penasihat

Dr. Ahmad Shahir Bin Makhtar

Ketua Editor

Dr. Suhaili Bin Sarif

Editor

Mohd. Hafiz Bin Abdul Salam

Pembantu Editor

Fardarina Binti Mokhri
Nureen Syamila Binti Mohd. Sanusi Badilah

Pusat Penyelidikan
Majlis Agama Islam Selangor
Wisma MAIS, Seksyen 3, Shah Alam

2023

PENERBITAN PENYELIDIKAN MAIS
(SIRI 1)

Pusat Penyelidikan
Majlis Agama Islam Selangor

Diterbitkan Oleh:
Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5514 3400

Dicetak Oleh:
Print Expert Sdn Bhd
20, Jalan Bunga Tanjung 2/16
Seksyen 2, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

@ Hak cipta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-2381-62-4

KANDUNGAN

PRAKATA **II**

FATWA HIBAH SELANGOR: PENYELESAIAN ISU-ISU FIQH DALAM PELAKSANAAN HIBAH **2**
(Nasrul Hisyam Nor Muhamad)

KEBERKESANAN MODUL TRANSFORMASI EHSAN DARI ASPEK PERUBAHAN TINGKAH LAKU PELATIH DI RUMAH PEMULIHAN MAIS **24**
(Salasiah Hanin Hamjah, Fitri Munawaroh Zailani, Rosmawati Mohamad Rasit, Muhamad Faisal Ashaari, Zuliza Mohd. Kusrin, Muhamad Adib Samsudin & Mohd. Izwan Md. Yusof)

PELAKSANAAN PENDIDIKAN KHAS UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR KELOLAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS) **38**
(Norshidah Mohamad Salleh, Khadijah Abdul Razak, Manisah Mohd Ali, Harun Baharudin, Mohd. Khairi Haji Hussin & Siti Muhibah Hj. Nor)

KAJIAN PROJEK PEMBINAAN MODUL PENGAJIAN MASJID BERSTRUKTUR NEGERI SELANGOR **62**
(Mohd Noh Abdul Jalil, Shukran Abd Rahman, Majdan Alias, Ismail Mamat, Muhammad Ayman Al-Akiti, Aliza Alias@Mayah & Che Mahzan Ahmad)

PENDOKUMENTASIAN AMALAN PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN (RADHA'AH) DALAM MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR **84**
(Nurhidayah Muhammad Hashim, Zuliza Mohd. Kusrin, Rafeah Saidon, Salasiah Hanin Hamjah, Nora'inan Bahari, Latifah Abdul Majid & Norshamlina Che Abdul Rahim)

PENILAIAN TERHADAP ISU PERLAKSANAAN TA'WIDH DAN GHARAMAH: SEBUAH KAJIAN KES DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) **100**
(Rusni Hassan & Fatimah Mohamad Noor)

BIODATA KETUA PENYELIDIK **120**

PRAKATA

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam yang memberikan kita nikmat yang tidak terkira banyaknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pesuruh Allah dan hambaNya, menyinari alam dengan risalah Islam.

Alhamdulillah, bersyukur kita di atas kejayaan menerbitkan Buku Penerbitan Penyelidikan MAIS yang julung-julung kali dihasilkan bertujuan untuk menyebar luas dan memberikan kefahaman serta maklumat terkini berkenaan isu hal ehwal Islam di Selangor masa kini.

Penerbitan buku ini juga merupakan himpunan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh pihak penyelidik yang dilantik oleh MAIS. Hasil penyelidikan ini telah dijadikan panduan bagi MAIS dalam menyelesaikan isu-isu umat Islam di Negeri Selangor. Pemilihan, saringan dan semakan artikel di dalam buku ini dijalankan melalui kumpulan editor yang telah dilantik.

Adalah diharapkan bahawa Buku Penerbitan Penyelidikan MAIS ini mengorak langkah awal dalam penghasilan penerbitan yang berkualiti oleh MAIS. Usaha ini adalah penting dalam menyampai dan menyebarluaskan maklumat berkaitan pengurusan dan pentadbiran Agama Islam di Selangor khasnya dan Malaysia amnya.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penerbitan buku ini. Semoga hasrat dan tujuan utama penerbitan buku ini berjaya dicapai dan sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

Sidang Editor

FATWA HIBAH SELANGOR: PENYELESAIAN ISU-ISU FIQH DALAM PELAKSANAAN HIBAH

Nasrul Hisyam Nor Muhamad

FATWA HIBAH SELANGOR: PENYELESAIAN ISU-ISU FIQH DALAM PELAKSANAAN HIBAH

Nasrul Hisyam Nor Muhamad

Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK

Penawaran produk-produk hibah di pasaran pada ketika ini sangat memberangsangkan. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor permintaan dalam kalangan masyarakat Islam sendiri. Sungguhpun demikian, produk-produk ini ditawarkan dalam keadaan yang serba kekurangan dari segi dasar dan garis panduan yang sepatutnya dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Oleh kerana itu, tidak hairanlah timbulnya pelbagai isu dalam pelaksanaan hibah di Malaysia. Artikel ini menganalisis isu-isu yang dianggap penting bagi pihak industri dan seterusnya bagi pihak yang berkepentingan. Artikel ini seterusnya mengetengahkan Fatwa Hibah Selangor dijadikan sebagai rujukan dan penyelesaian terhadap isu-isu tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data diperoleh dari sumber bertulis perundangan Islam dan undang-undang semasa. Artikel ini mendapati bahawa isu-isu berkaitan fiqh dalam pelaksanaan hibah ini boleh diselesaikan dengan langkah pewartaan Fatwa Hibah di peringkat negeri.

Kata kunci: *Undang-undang Islam, Fiqh Semasa, Hibah, Fatwa Hibah*

PENDAHULUAN

Hibah merupakan salah satu akad dalam muamalat yang dijadikan instrumen perancangan harta selain daripada instrumen lain seperti wasiat, wakaf, amanah dan pelengkap kepada sistem faraid. Maka, wujudnya isu-isu yang berkaitan dasar atau *shariah compliance* dalam pelaksanaan hibah. Sejak awal 2000 hingga masa kini, prinsip hibah semakin signifikan dalam pelbagai institusi pengurusan harta, termasuk syarikat-syarikat takaful, syarikat amanah dan tidak terkecuali firma-firma guaman sama ada syarie atau sivil yang telah menawarkan hibah sebagai 'produk' kepada umat Islam berdasarkan dimensi institusi masing-masing. Situasi ini sedikit sebanyak mewujudkan ketidakseragaman dan perbezaan dalam kalangan institusi-institusi tersebut, khususnya dari segi dasar (isu *shariah compliance*) atau dari segi modus operandi produk-produk yang ditawarkan. Perkara ini seterusnya menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan mengenai prinsip hibah itu sendiri.

Walau bagaimanapun, ketiadaan undang-undang substantif dan kaedah pentadbiran berkaitan hibah agak menyukarkan lebih-lebih lagi produk hibah kini telah dikembangkan dalam sektor-sektor kewangan Islam, takaful dan pengamanahan. Dengan demikian, satu enakmen khusus mengenai hibah perlu diwujudkan di peringkat negeri, sebagaimana kewujudan Enakmen Wakaf dan Wasiat. Selain isu ketiadaan undang-undang substantif, pelaksanaan hibah, khususnya di Selangor oleh institusi-institusi yang menawarkan produk hibah juga tidak merujuk kepada mana-mana autoriti fatwa negeri ini. Untuk menangani perkara berkaitan hibah, adalah wajar diwujudkan undang-undang atau enakmen khusus berkaitan hibah, seperti mana enakmen khusus berkaitan wakaf dan wasiat orang Islam yang telah sedia wujud. Walau bagaimanapun, memandangkan perwujudan

undang-undang tersebut akan mengambil masa yang agak panjang, maka adalah dicadangkan bahawa fatwa berkaitan pelaksanaan hibah diwartakan oleh pihak Jawatankuasa Fatwa negeri.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini, antara lain mempunyai objektif untuk menganalisis isu yang timbul dalam pelaksanaan produk hibah di Malaysia. Input kajian ini, antara lain digunakan oleh pihak MAIS untuk mencadangkan fatwa hibah kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Setelah melalui beberapa runding cara, Fatwa Hibah di Negeri Selangor (selepas ini diringkaskan kepada Fatwa Hibah Selangor) telah diwartakan pada 8 April 2021 (Sel. P.U. 8. Jilid 74, No. 7). Fatwa ini merupakan fatwa berkaitan hibah yang pertama diwartakan di Malaysia. Sebelum ini, terdapat satu 'fatwa' berkenaan pelaksanaan hibah amanah melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (Majlis Fatwa) kali ke-56 yang diadakan pada 5 Oktober 2000. Walau bagaimanapun, ia tidak diwartakan.

Dari sudut reka bentuk, kajian ini bersifat kualitatif. Data diperoleh dari sumber bertulis perundangan Islam sama ada *turath* atau moden, serta statut undang-undang semasa yang berkenaan. Data seterusnya dianalisis berasaskan pendekatan '*content analysis*' berdasarkan isu-isu yang ditetapkan dan yang telah diputuskan oleh Fatwa Hibah Selangor. Dalam artikel ini, hanya hujahan utama yang dianggap penting sahaja dipersembahkan memandangkan ruangan yang terhad.

Hibah Dengan Menetapkan Berkuatkuasa Selepas Kematian Donor

Dalam prinsip asal hibah, ia mestilah dibuat secara mutlak, tanpa syarat, mahupun balasan. Hibah mutlak yang telah memenuhi rukun dan syaratnya memberikan kesan kepada pindah milik *mawhub* kepada penerima hibah secara serta-merta, hak milik kekal dan tidak bertempoh, serta hilangnya hak milik pemberi hibah terhadap *'ayn* dan manfaat *mawhub* (Muhamad, N. H. N., 2011).

Hibah dengan menetapkan syarat bahawa kuat kuasa hibah hanya berlaku selepas kematian pemberi hibah adalah menyalahi sifat akad hibah, iaitu *mawhub* akan berpindah milik kepada penerima hibah berkuat kuasa serta-merta. Dengan kata lain, jika ianya berlaku, maka hibah tersebut tidak sah, namun ia dianggap sebagai wasiat dan tertakluk kepada hukum-hakam wasiat (al-Sanhuri, t.t.a; al-Bahuti, 1982).

Berdasarkan hal ini, maka Fatwa Hibah Selangor menetapkan bahawa "Hibah yang menetapkan tarikh kuat kuasa selepas kematian penghibah adalah tidak sah. Hibah tersebut dianggap sebagai wasiat dan tertakluk kepada hukum wasiat".

Berikutan dengan kedudukan ini, maka Fatwa Hibah Selangor juga menetapkan kedudukan berkaitan hukum tarik balik hibah yang menetapkan kuat kuasa selepas kematian ini sebagaimana berikut, "Hibah yang menetapkan syarat bahawa terimaan (*qabd*) ke atas harta yang dihibahkan (*mawhub*) berlaku selepas kematian penghibah boleh ditarik balik pada bila-bila masa oleh penghibah." Hal ini adalah bertepatan dengan hukum wasiat yang mana pewasiat adalah dibenarkan untuk menarik balik wasiatnya selama mana dia masih hidup (Muhamad, N. H. N., 2012).

Hibah Dengan Syarat Donor Masih Berhak Ke Atas Manfaat Harta

Salah satu aspek penting yang perlu dipertimbangkan apabila berbicara tentang pewarisan harta melalui hibah adalah bahawa pemberi hibah masih ingin menikmati harta tersebut dalam tempoh hayatnya. Hal ini dilakukan kerana pada kebiasaannya untuk menjamin kedudukan pemberi hibah pada masa hadapan walaupun harta milik mereka telah dihibahkan (Yusof, N. M. (2006). Hibah yang mensyaratkan bahawa pemberi hibah masih berhak ke atas manfaat harta termasuk dalam kategori "hibah yang disertakan dengan syarat", iaitu dalam Bahasa Arabnya "*al-hibah al-muqtarinah bi shart*" atau dalam Bahasa Inggerisnya disebut sebagai "*gifts with conditions*" (Tyabji, 1949).

Dalam konteks muamalah Islam, pemberian dengan meletakkan syarat tertentu (termasuk syarat untuk mengekalkan manfaat harta hibah) dikategorikan sebagai akad yang disertakan dengan syarat atau disebut sebagai *muqayyad*. Dalam akad *muqayyad*, pihak-pihak dalam akad itu terikat dengan syarat yang dipersetujui sepanjang tempoh akad (al-Zarqa', 2004). Dengan demikian, pemasukan syarat yang berbentuk *taqyid* ke dalam sesuatu akad bermaksud meletakkan satu atau beberapa obligasi (*iltizam*) ke dalam akad yang tidak dikenakan dalam keadaan biasa (*mutlaq*) (al-Zarqa', 2004). Syarat *taqyid* ini merangkumi pemasukan syarat oleh pihak yang mengadakan kontrak berdasarkan kehendak dan keperluan mereka serta dipersetujui oleh pihak kedua-dua pihak (yang melakukan *ijab* dan *qabul*). Dalam hal ini, Perkara 83, Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah memperuntukkan bahawa, "Diwajibkan memenuhi syarat sekadar yang boleh".

Dalam konteks akad hibah, *taqyid* merujuk kepada situasi pemberi hibah menetapkan syarat sampingan bersama-sama akad hibah, sama ada syarat itu sesuai dengan *muqtada al-hibah* atau tidak. Penting untuk ditekankan bahawa *taqyid* ini hanya boleh dilaksanakan sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat tersebut. Hukum *taqyid* ini adalah bergantung kepada status syarat yang dibuat itu sendiri, sama ada syarat yang harus (*al-shart al-ja'iz*) ataupun syarat yang rosak (*al-shart al-fasid*). Mengikut undang-undang Islam, *al-shart al-fasid* dalam hibah berlaku apabila pemberi hibah menetapkan syarat yang bertentangan dengan kehendak akad hibah (*shart ma yunafi muqtada al-hibah*). Jika ini berlaku, syarat tersebut dihukumkan batal manakala hibah tetap sah (al-Sharbini, t.t.; al-Bahuti, 1982). Akad hibah disifatkan tidak batal dalam keadaan ini kerana hibah merupakan sejenis akad sukarela (*'uqud al-tabarru'at*) yang tidak batal dengan pemasukan syarat-syarat yang *fasid* (Abi Muzaffar, Mahy al-Din, 1990).

Dalam produk hibah yang melibatkan pemegang amanah, pemberi hibah masih lagi boleh menikmati manfaat *mawhub* selama hayatnya berdasarkan terma yang diletakkan di dalam surat ikatan amanah (*trust deed*). Rasional ialah harta hibah pada ketika itu telah dimiliki oleh pemegang amanah, dan pemegang amanah tertakluk kepada perjanjian yang dibuat dengan penerima hibah bahawa penerima hibah masih lagi berhak ke atas manfaat *mawhub*. Dengan demikian, isu ini tidak menjejaskan syarat *qabd* dalam hibah tersebut. Bagi produk-produk dokumentasi hibah di syarikat yang bukan berstatus pemegang amanah, manfaat harta hibah itu dinikmati menerusi perjanjian yang dibuat antara pemberi hibah dan penerima hibah.

Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa syarikat amanah tidak perlu membuat akad kedua bagi membolehkan pemberi hibah memperoleh manfaat daripada harta tersebut. Dengan demikian, memadai satu dokumen perjanjian yang memasukkan terma yang menyatakan perkara tersebut. Alasannya adalah, sama ada menggunakan dua akad atau menggabungkan terma-terma itu ke dalam satu akad, matlamat dan kehendak pemberi hibah tetap sama, iaitu beliau ingin menikmati manfaat sebagai penerima hibah (*mawhub)* selama hayatnya. Unsur-unsur haram dalam muamalah

terutamanya *gharar* telah dapat dihapuskan dengan adanya dokumen perjanjian yang jelas berdasarkan kerelaan dan kehendak (*al-rida wa al-iradah*) kedua-dua pihak. Oleh yang demikian, menetapkan syarat supaya pemberi hibah masih lagi dapat menikmati manfaat harta hibah tidak mempunyai masalah di sisi syarak dilihat dari segi ketiadaan unsur-unsur *gharar*, *maqasid* perjanjian tersebut dan juga sifat hibah yang merupakan akad *tabarru'*. Hal ini dikuatkan lagi dengan kenyataan bahawa terdapat pendapat *fiqh* daripada mazhab Hanbali yang mengatakan bahawa adalah sah menghibahkan harta dengan mengecualikan manfaatnya selama tempoh yang diketahui (Ibn Rajab, t.t. al-Bahuti, 1982). Dengan demikian, jika seseorang menghibahkan rumahnya, dan mensyaratkan supaya dia berhak untuk tinggal di dalamnya selagi dia hidup atau selama tempoh yang ditetapkan, maka hibah dan syarat ini adalah sah mengikut pandangan ini. Jika kaedah mengecualikan manfaat *mawhub* ini boleh diterima, maka mensyaratkan pemberi hibah masih boleh "berkongsi" manfaat tersebut bersama-sama penerima hibah lebih-lebih lagi boleh diterima. Mekanisme yang disebutkan ini memberi kelebihan bagi seseorang yang menghibahkan satu-satunya rumah yang dimilikinya. Dalam hal ini, walaupun rumah itu telah dihibah, namun dia masih lagi berhak untuk mendiami rumah tersebut untuk tempoh yang ditetapkan.

Fatwa Hibah Selangor menetapkan, "Hibah yang menetapkan syarat penghibah masih boleh menikmati harta yang dihibahkan (*mawhub*), adalah sah sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat yang telah ditetapkan."

Hibah Bertempoh

Hibah bertempoh yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini ialah hibah yang berlaku dengan pemberi hibah menetapkan tempoh atau jangka masa tertentu pemilikan penerima hibah. Dari perspektif akad atau *sighah*, hibah dengan menetapkan tempoh tertentu untuk pemilikan *mawhub* oleh penerima hibah adalah termasuk dalam kategori hibah bersyarat. Tindakan menetapkan tempoh pemilikan ini secara mudahnya dikatakan sebagai *tawqit.* Apabila seseorang pemberi hibah menetapkan pemberian rumahnya untuk tempoh satu tahun, maka ini bermakna dia telah menetapkan kesan akad tersebut kepada satu tempoh yang ditetapkan itu ketika akad (*Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah*, t.t.; Subhi Mahmasani, 1972).

Dengan demikian, berdasarkan sifat dan hakikat akad hibah itu sendiri yang merupakan sejenis *aqd al-tamlik* (akad yang memindahkan hak milik daripada pemilik asal kepada pemilik baru), maka menetapkan tempoh tertentu kepada pemilikan adalah bertentangan dengan hakikat akad hibah itu sendiri yang memberikan hak milik kekal kepada penerima hibah. Hal ini dengan sendirinya menyebabkan akad hibah itu tidak sah. Namun, jika ia dilakukan terhadap pemberian manfaat, maka ia hanya sah sebagai pinjaman (*'ariyah*) dan bukannya sebagai hibah (al-Bahuti, 1982). Hibah secara bertempoh ini juga berlaku dalam kes hibah *'umra* khususnya dan *ruqba* dalam satu perspektif. Namun, Fatwa Hibah Selangor tidak menyentuh secara khusus berkenaan *'umra* dan *ruqba*.

Dalam hal ini, Fatwa Hibah Selangor menegaskan, "Hibah yang menetapkan syarat tempoh harta yang dihibahkan (*mawhub*) akan dikembalikan semula kepada penghibah adalah tidak sah. Hibah tersebut dianggap sebagai pinjaman (*'ariyah*) dan tertakluk kepada akad pinjaman (*'ariyah*)."

Hibah Dalam Produk Takaful

Prinsip hibah dalam industri takaful digunakan dalam kebanyakan produk Takaful Keluarga dalam dua bentuk, iaitu pertama, hibah sebagai satu struktur daripada model produk takaful itu sendiri. Manakala keduanya, hibah sebagai salah satu cara mengagihkan manfaat takaful kepada pihak yang dinamakan sebagai penerima hibah (Muhamad, N. H. N., 2010).

Dalam konteks perbincangan ini, prinsip hibah diaplikasikan semasa membayar "manfaat takaful" ketika berlaku kematian peserta dalam tempoh caruman iaitu sebelum sijil Takaful tersebut matang. "Manfaat Takaful" sepertimana yang ditafsirkan oleh seksyen 2, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 termasuklah apa–apa manfaat, sama ada berupa wang atau tidak, yang boleh di bayar di bawah suatu sijil takaful.

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dalam Jadual 10, perenggan 3(2) dengan jelas memperuntukkan bahawa seseorang yang dinamakan sebagai benefisiari kepada manfaat takaful akan menerima manfaat tersebut sepenuhnya dan tidak dianggap sebagai harta pusaka peserta takaful.

> "Suatu penamaan oleh peserta takaful menurut subperenggan 2 (1) bagi seorang penama untuk menjadi seorang benefisiari di bawah hibah bersyarat, hendaklah, walau apa pun mana–mana undang– undang bertulis, mempunyai kesan memindahkan pemilikan, dan hendaklah memindahkan pemilikan, manfaat takaful yang kena dibayar itu kepada penama itu atas kematian peserta takaful itu dan manfaat takaful sedemikian yang dipindahkan tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka peserta takaful yang mati itu atau tertakluk kepada hutangnya."

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam mesyuarat kali ke-34 pada 21 April 2003 (19 Safar 1424) dalam hal hibah dalam industri takaful khususnya yang berkaitan dengan hibah manfaat takaful dalam konteks perbincangan ini telah memutuskan sepertimana di bawah (Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, 2010: 85-86):

"i. Manfaat takaful boleh dihibahkan kerana tujuan takaful adalah untuk memberi perlindungan kepada peserta takaful. Memandangkan manfaat takaful adalah hak peserta takaful, maka peserta mempunyai kebebasan untuk menggunakan hak tersebut mengikut pilihannya selagi ia tidak bercanggah dengan Syarak;
ii. Status hibah yang digunakan dalam pelan takaful tidak akan berubah menjadi wasiat kerana hibah yang dibuat adalah hibah bersyarat;
iii. Manfaat takaful lazimnya dikaitkan dengan kematian peserta dan tempoh matang sijil. Sekiranya peserta masih hidup apabila sijil takaful matang, manfaat takaful akan dimiliki oleh peserta. Walau bagaimanapun, jika peserta meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang, maka hibah akan berkuat kuasa;
iv. Peserta mempunyai hak untuk membatalkan hibah yang dibuat sebelum tamat tempoh matang sijil takaful, kerana hibah bersyarat hanya sempurna selepas berlakunya penyerahan (*qabd*);
v. Peserta mempunyai hak untuk membatalkan hibah yang dibuat kepada seseorang individu dan menyerahkan manfaat yang ingin dihibahkannya itu kepada orang lain, atau membatalkan penyertaan dalam takaful jika penerimanya meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang; dan

vi. Borang penamaan takaful perlu menyatakan dengan jelas status penama adalah sebagai benefisiari jika niat peserta adalah hibah."

Berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Penasihat Syariah di atas, hibah ke atas manfaat takaful diharuskan selagi ia dimiliki oleh peserta takaful. Hibah tersebut adalah hibah bersyarat, iaitu penama akan memiliki manfaat tersebut apabila peserta takaful meninggal dunia. Sebaliknya jika peserta masih hidup ketika berakhirnya tempoh matang, sijil takaful tersebut akan menjadi milik peserta dan bukannya penama. Adalah jelas bahawa syarat yang ditentukan ini menyerupai syarat *ruqba*, iaitu pemilikan manfaat harta hibah disyaratkan hanya dimiliki oleh salah satu pihak yang hidup (Muhamad, N. H. N., 2010). Syarat ini, menurut majoriti ahli fiqh adalah batal walaupun pemberian tersebut tetap sah (al-Sharbasi, 1981; al-Zawi, t.t.; Ibn Qudamah, t.t.). Walau bagaimanapun, keputusan Majlis Penasihat Syariah itu bersandarkan kepada pendapat dalam mazhab Maliki yang mengiktiraf kesahan syarat *ruqba* (al-Qurtubi, 2002; Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, 2010: 86).

Dalam hal ini, Fatwa Hibah Selangor menegaskan, "Hibah ke atas manfaat takaful adalah sah sekiranya ijab dan qabul telah disempurnakan. Penerima adalah benefisiari dan tidak tertakluk kepada hukum faraid".

Walau bagaimanapun, didapati bahawa keperluan *qabul* sepertimana yang ditekankan oleh *sighah* fatwa di atas seolah-olah tidak dijelaskan dalam sebahagian mekanisme hibah produk takaful. Dengan demikian, adalah perlu bagi penyedia produk berkenaan menilai kembali mekanisme hibah mereka agar memenuhi semua rukun hibah yang sedia ada dalam fiqh Islam.

Hibah Harta Dalam Gadaian

Berdasarkan prinsip umum, hibah hanya boleh dilaksanakan pada harta milikan penuh pemberi hibah. Sebaliknya, jika *mawhub* bukan dimiliki secara sempurna, maka hibah yang dilaksanakan itu tidak sah. Ini merupakan ketetapan umum dalam setiap kontrak yang melibatkan pindah milikan dalam Islam (Muhamad, N. H. N., 2011b). Terdapat dua pandangan fuqaha mengenai hibah harta yang tidak dimiliki secara penuh. Pertama, fuqaha mazhab Hanafi dan Maliki yang berpendapat bahawa hibah ke atas harta yang tidak dimiliki secara penuh akan menyebabkan hibah itu boleh terbatal, bergantung kepada keizinan pemilik asal harta selepas akad. Dengan kata lain, status hibah itu tidak terbatal dengan sendirinya, namun bergantung kepada keizinan pemilik harta itu (al-Sanhuri, t.t.b; al-Kasani, 2003; al-Dusuqi, 2005).

Pandangan kedua, iaitu fuqaha mazhab Syafie dan Hanbali mengatakan hibah yang sedemikian adalah batal, iaitu tidak sah dari awal akad. Hal ini berasaskan *qiyas* (analogi) kepada hukum batalnya jual beli yang dilakukan oleh bukan pemilik harta (*bay' al-fuduli*). Pandangan ini juga berasaskan kepada konsep kelayakan (*wilayah shar'iyyah*), yang mana hibah harta milik orang lain dianggap sebagai pemberian yang dilakukan oleh orang yang tidak mempunyai kelayakan dari segi syarak untuk melakukan urusan kehartaan sedangkan *wilayah* tersebut adalah syarat kepada pembentukan akad (*shart al-in'iqad*) dan bukan semata-mata syarat untuk melaksanakan akad (*shart al-nafadh*) tersebut. Peraturan ini bukan hanya terdapat dalam hibah, tetapi juga pada semua akad. Sebaliknya, fuqaha Hanafi dan Maliki menganggap bahawa syarat *wilayah* merupakan *shart al-nafadh* yang boleh ditangguhkan sehingga mendapat keizinan pemilik harta dan bukannya *shart al-in'iqad.*

Boleh difahami daripada pandangan fuqaha Hanafi dan Maliki, harta yang dimiliki oleh pemberi hibah dengan kuasa yang terhad boleh juga dihibahkan tertakluk kepada keizinan pihak yang berkepentingan terhadap harta tersebut. Situasi ini berlaku, contohnya pada aset yang digadaikan atau harta yang masih dalam pembiayaan oleh institusi kewangan. Persetujuan dari pihak-pihak yang terlibat dapat diperoleh melalui kaedah-kaedah *sulh*, *ibra'*, *daman* atau *takaful* antara pemiutang dan penghutang harta tersebut. Dalam konteks masa kini, keizinan oleh pemiutang untuk tujuan hibah tidak sepatutnya menimbulkan kesulitan bagi mereka untuk mendapatkan kembali hutang mereka, kerana urusan pinjaman, terutamanya dalam kes hartanah, biasanya dilindungi oleh insurans atau takaful (A.H. Buang, 2007).

Selain itu, rata-rata masyarakat Islam di Malaysia berhutang bagi tujuan memiliki hartanah. Jarang sekali pembeli rumah membeli secara tunai. Jika pemilik-pemilik hartanah tersebut tidak diizinkan untuk dihibahkan kerana masih dalam pembiayaan, maka mereka akan menghadapi kesulitan untuk melaksanakan hibah. Dengan demikian, selain berpegang kepada pandangan mazhab Maliki dan Hanafi, membenarkan hibah harta dalam cagaran adalah wajar berdasarkan kepada prinsip *maslahah* dan kaedah fiqh, "Sesuatu kesulitan dapat membawa kepada kemudahan" (al-Buti, 1966).

Tambahan pula urusan pembiayaan atau pinjaman hartanah terutama perumahan pada masa kini dilindungi oleh *Mortgage Reducing Term Takaful* (MRTT) dan *Mortgage Level Term Takaful* (MLTT). Hal ini menjadikan hak pemiutang terutamanya institusi kewangan mendapatkan balik hutang adalah terjamin.

Dalam hal ini, Fatwa Hibah Selangor menyatakan, "Hibah harta dalam gadaian adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (*mawhub*) dilindungi oleh takaful seperti MRTT dan MLTT atau mendapat keizinan daripada pemegang gadaian."

Berdasarkan kes yang diputuskan di Malaysia, pandangan yang membenarkan hibah terhadap harta bercagar di institusi kewangan telah diterima oleh mahkamah syariah. Dalam kes *Raihanah Binti Mohd Ali v Kamaruddin bin Mohd Nor & Lain-Lain [2008] 2 JH 253*, mahkamah menolak permohonan Plaintif bagi mengesahkan hibah yang dibuat oleh adiknya (si mati) atas alasan tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa si mati telah meminta kebenaran daripada pembiaya skim BBA (*bay' bi thaman ajil*) untuk membolehkannya menghibahkan hartanah tersebut kepada Plaintif. Mahkamah dalam kes ini mengiktiraf bahawa tindakan menghibah harta yang dibeli melalui skim BBA dan seumpamanya adalah sah dengan syarat mendapat kebenaran daripada penyedia skim atau pinjaman tersebut. Trend ini juga juga didapati dalam kes-kes yang agak terkini sepertimana yang dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji semasa (Mohamed Said, N. L., & Adli Wanayub, W. A., 2021; Sa'afie, A. M., & Muda, M. Z., 2018).


Hibah Melalui Pemegang Amanah

Hibah melalui amanah bermaksud satu pemberian inter vivos tanpa balasan kepada penerima hibah (benefisiari) melalui pemegang amanah (*trustee*) yang dilantik bagi pihak penerima hibah. Hibah jenis ini mempunyai kesan yang sama dengan hibah mutlak dari sudut pemberi hibah (setlor) tidak lagi mempunyai sebarang hak dan kepentingan terhadap harta tersebut lagi selepas surat ikatan amanah (*trust deed*) ditandatangani. Cuma yang berbeza adalah ia dilakukan melalui pemegang amanah. Jika dalam hibah mutlak penerima hibah terus memiliki *mawhub* setelah segala rukun dan *qabd* dipenuhi, manakala hibah melalui amanah pula pindah milik tidak terus kepada penerima

hibah, tetapi kepada pemegang amanah. Dengan kata lain, elemen *qabd* dalam hibah ini dilakukan oleh pemegang amanah sebagai menggantikan penerima hibah (al-Zuhayli, 1997; al-'Aqil, 1978). Pemegang amanah dalam keadaan ini merupakan pemilik dari segi perundangan (*legal ownership*), manakala penerima hibah menjadi pemilik secara benefisial (Tyabji, F. B., 1968).

Hibah yang menggunakan mekanisme ini digunakan untuk pemberian kepada penerima hibah yang tidak boleh menguruskan harta seperti anak yang masih di bawah umur dan juga yang tidak sempurna akal. Dalam aspek ini, mekanisme hibah melalui amanah menyerupai *'aqd al-isa'* (atau biasa disebut sebagai al-wisayah) dalam undang-undang Islam (Muhamad, N. H. N., 2012). Namun perbezaannya, *al-isa'* dilaksanakan selepas pemilik harta (dalam konteks ini, bapa atau datuk) meninggal dunia. Manakala dalam mekanisme hibah melalui amanah, pelaksanaan hibah adalah mengikut terma-terma (kehendak-kehendak) yang dinyatakan dalam surat ikatan amanah dan tidak semestinya berkuatkuasa selepas kematian si bapa. Selain digunakan untuk pemberian kepada anak yang tidak sempurna akal, mekanisme ini juga boleh digunakan bagi tujuan-tujuan lain seperti untuk tujuan kebajikan, perlindungan aset, pendidikan, dan kesihatan (Muhamad, N. H. N., 2011).

Berikut merupakan gambaran modus operandi hibah melalui amanah:



Rajah 1: Modus Operandi Hibah Melalui Amanah (1)

Terdapat perbezaan antara produk-produk hibah melalui amanah dari segi sama ada ia boleh dibatalkan (*revocable*) atau sebaliknya. Secara umumnya, bagi hibah yang tidak boleh dibatalkan, asas kepada amalan ini ialah penggunaan prinsip hadiah (*gift* dan bukannya hibah). Justeru itulah *benefisiari* atau penerima hibah tidak disyaratkan untuk mendapat makluman berkenaan amanah tersebut. Asas kepada amalan ini ialah hadiah tidak memerlukan kepada ijab dan kabul sepertimana yang disyaratkan dalam hibah. Berdasarkan prinsip ini juga, pemberian tersebut tidak boleh dibatalkan.


Terdapat juga amalan di syarikat-syarikat amanah yang menunjukkan bahawa sesuatu pemberian tidak boleh dibatalkan berasaskan anggapan bahawa syarikat amanah itu sendiri adalah penerima hibah. Oleh itu, walaupun berdasarkan prinsip hibah, pemberian daripada seorang bapa kepada anaknya boleh dibatalkan, namun dalam konteks ini, pemberi hibah (bapa) telah membuat satu pemberian yang tidak boleh dibatalkan kerana penerimanya adalah *ajnabi* (syarikat amanah dan bukannya anak). Sebaliknya terdapat juga produk hibah dengan amanah di syarikat-syarikat tertentu

yang membolehkan pemberi hibah memilih sama ada untuk membuat amanah yang boleh dibatalkan atau tidak boleh dibatalkan. Amanah boleh batal bermaksud amanah yang dibuat boleh dibatalkan pada bila-bila masa ketika setlor masih hidup dengan mengemukakan satu ikatan pembatalan. Manakala amanah tidak boleh batal pula berlaku apabila ia dibuat untuk tujuan tidak boleh dibatalkan. Kebaikan amanah tidak boleh batal ialah pemiutang tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap harta yang diamanahkan kecuali jika terdapat *fraud* atau muflis.

Dalam prinsip amanah, setlor boleh melantik dirinya sendiri untuk menjadi pemegang amanah bagi pihak *benefisiari*. Peraturan ini bertujuan supaya setlor masih lagi mempunyai kuasa pengamanahan terhadap harta yang diamanahkan (George M., 2005; Yaakub, N. I., & Hussein, S. M., 2000). Berdasarkan kepada peraturan ini, setlor boleh melantik dirinya sebagai pemegang amanah utama. Manakala syarikat amanah pula hanya bertindak sebagai pemegang amanah gantian dalam keadaan setlor tidak mampu lagi menjalankan tanggungjawab sebagai pemegang amanah antaranya disebabkan ketidakupayaan fizikal setlor. Mekanisme ini adalah berdasarkan seksyen 40(1), Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208) mengenai kuasa melantik pemegang amanah baru atau tambahan (*power of appointing new or additional trustees*).

Dalam hal ini, pendaftaran Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) akan dibuat dalam dokumen perjanjian hibah bagi membolehkan syarikat amanah bertindak bagi pihak setlor. Benefisiari akan memperoleh manfaat terhadap harta tersebut selepas deklarasi ditandatangani. Antara contoh manfaat ialah menduduki rumah, menggunakan wang dan sebagainya. Hal ini bermaksud benefisiari menjadi pemilik yang sah secara benefisial kepada manfaat harta tersebut. Jika benefisiari hanya boleh memiliki menikmati manfaat selepas kematian setlor, maka ia adalah menyamai prinsip wasiat dan bukannya hibah.

Prosedur terhadap pemberian kepada benefisiari adalah bergantung kepada terma-terma yang terkandung dalam surat ikatan amanah (*trust deed*) yang telah dipersetujui oleh setlor dan pemegang amanah. Trust deed ini mengandungi terma-terma yang merupakan syarat-syarat dan amanah yang dikehendaki oleh setlor supaya dilaksanakan oleh pemegang amanah. Modus operandi bagi produk hibah sebegini dapat diterangkan sebagaimana berikut:



Rajah 2: Modus Operandi Hibah Melalui Amanah (2)

Fatwa Hibah Selangor telah memperakukan amalan hibah melalui pemegang amanah sebagaimana berikut, “Hibah melalui pemegang amanah adalah sah kepada mana-mana penerima hibah termasuklah kanak-kanak di bawah umur, orang yang tidak sempurna akal dan orang kurang upaya dengan syarat rukun-rukun hibah dipenuhi.”

Hibah Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960

Di bawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen telah meluluskan satu akta yang dinamakan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960 (Pindaan) 2002. Tanah yang terlibat dengan akta ini ialah tanah-tanah Rancangan FELDA, FELCRA dan Rancangan Tanah Pinggir. Masalah yang berbangkit daripada akta ini ialah beberapa sekatan yang dikenakan ke atas tanah-tanah tersebut. Antara yang terpenting dalam konteks kajian ini ialah peruntukan Seksyen 14 (2), yang tidak membenarkan tanah-tanah tersebut dimiliki oleh lebih daripada dua orang pemilik. Seksyen tersebut memperuntukkan, “*A rural holding may be alienated and jointly held by not more than two holders*.” Selain itu, Seksyen 15, Akta tersebut yang memperuntukkan bahawa kawasan Pegangan Desa tidak boleh pada bila-bila masa dibelah bagi *(subdivided or partitioned).* Seksyen ini juga tidak membenarkan tanah rancangan dipajak *(leasaed)* sebahagian atau semuanya.

Peruntukan yang mengenakan beberapa syarat, terutama dalam aspek pewarisan Tanah Rancangan ini telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Muzakarah kali ke-38 Jawatankuasa tersebut yang bersidang pada 21 Jun 1995 di Negeri Sembilan telah membincangkan berkaitan hukum pewarisan harta dan harta sepencarian yang dilaksanakan di rancangan FELDA. Muzakarah telah memutuskan bahawa:

"1. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai pewarisan harta yang berdasarkan Akta Tahun 1960 adalah tidak bertentangan dengan hukum syarak kerana persetujuan meletakkan satu penama itu dibuat atas persepakatan semua pihak yang terlibat.

2. Sekiranya tidak mendapat persetujuan waris-waris untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil maka:
   a. Harta si mati hendaklah dijual.
   b. Penjualan harta tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada waris.
   c. Hasil daripada penjualan harta tersebut hendaklah dibahagikan kepada waris mengikut faraid.
   d. Kalau harta si mati tidak habis dibahagikan kepada waris mengikut faraid maka lebihan pembahagian itu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal.

3. Amalan yang dilaksanakan di Rancangan FELDA mengenai harta sepencarian tidak bertentangan dengan hukum syarak.”

Berdasarkan keputusan Muzakarah di atas, maka tiada isu dari sudut syariah berkenaan pembahagian Tanah Rancangan yang diselia oleh Akta GSA ini mengikut yang ditetapkan oleh peraturan faraid (Hussain, N. M., & Muhamad, N. H. N., 2013).

Berkenaan hibah terhadap Tanah Rancangan ini, pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang tidak jelas mengenai harus atau tidaknya menghibahkan tanah GSA ini. Hal ini adalah kerana status pemilikan terhadap tanah itu sendiri. Dari satu sudut, boleh dikatakan bahawa pemilikan

peneroka FELDA terhadap Tanah GSA itu adalah sama ada pemilikan sempurna atau tidak sempurna. Status pemilikan ini sebenarnya adalah mempengaruhi kesan hukum terhadap hibah. Walau bagaimanapun, sama ada status pemilikan tersebut, pada pandangan pengkaji tidak boleh diletakkan kepada pembahagian pemilikan sempurna atau tidak sempurna semata-mata. Hal ini kerana penganugerahan tanah kepada peneroka adalah secara bersyarat, iaitu tanah tersebut diberi milik kepada peneroka secara bersyarat seperti mana terdapat dalam peruntukan dalam Akta 530. Pemilikan Tanah GSA ini tidak tepat jika nak dikategorikan sebagai pemilikan tidak sempurna kerana harta milik tidak sempurna sudah pasti tidak boleh diwarisi. Sedangkan, Akta 530 secara jelas membenarkan pewarisan ini berlaku, cuma dihadkan bilangan benefisiari hanya kepada dua orang. Seterusnya, dengan merujuk kepada perakuan dan pengesahan oleh Muzakarah kali ke-38 Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terhadap amalan pembahagian harta sepencarian, sepertimana dinyatakan sebelum ini. Hal ini, secara langsung memberi maksud bahawa oleh kerana Tanah GSA ini boleh dibenarkan untuk dituntut sebagai harta sepencarian, maka ia juga boleh dihibahkan.

Selain itu, berdasarkan pengalaman pegawai-pegawai yang menguruskan hal ehwal pusaka Tanah GSA ini, didapati banyak kes yang mana dua pentadbir yang dinamakan itu tidak melaksanakan amanah dengan baik dalam mengagihkan manfaat atau hasil tanah berkenaan kepada waris-warisnya yang berhak. Seterusnya, diperhatikan dari sudut keberkesanan manfaat harta itu. Dalam jangka masa panjang, kaedah ini dipercayai tidak ekonomik kerana dua orang waris yang terdapat dalam geran tanah itu mewakili sejumlah bilangan ahli waris yang ramai dan perlu mengagihkan hasil ladang kepada waris tersebut (Muhamad, N. H. N., et. al., 2012).

Dari segi mekanisme, hibah Tanah GSA ini boleh dilakukan secara terus antara peneroka kepada warisnya sebagai penerima hibah. Proses hibah melibatkan proses pindah milik berdasarkan keperluan undang-undang. Perlu ditekankan bahawa hibah secara langsung ini hanya boleh berlaku dengan keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Hal ini adalah kerana sekatan yang dikenakan oleh Akta 530 yang melarang sebarang transaksi terhadap Tanah GSA melainkan dengan izin pihak PBN. Dengan kata lain, hibah secara langsung (*absolute asignment*) ini hanya berkuat kuasa dengan mendapat kebenaran daripada PBN. Keperluan bagi mendapatkan kebenaran pihak PBN adalah bagi memastikan sebarang transaksi Tanah GSA tidak bercanggah dengan Akta 530 itu.

Selain itu, mekanisme hibah bagi Tanah GSA boleh dibuat menerusi dokumentasi hibah. Dalam dokumentasi hibah ini, segala keperluan dalam pembentukan hibah dari segi syarak dipenuhi ketika hidup. Pemberi hibah boleh melantik pemegang amanah bagi melaksanakan tanggungjawab yang disenaraikan secara jelas melalui Surat Ikatan Amanah. Manakala proses pindah milik (nama dalam geran) berlaku selepas kematian pemberi hibah. Pejabat tanah akan memperakui hibah ini sekiranya tiada bantahan daripada waris atau setelah mendapat perintah daripada mahkamah syariah supaya Tanah GSA itu diturun milik kepada penerima hibah. Dengan demikian, hibah dalam konteks Tanah GSA ini adalah satu mekanisme pewarisan yang berlaku secara terus daripada seorang peneroka generasi pertama kepada seorang atau dua waris generasi seterusnya (bagi mematuhi Seksyen 14(2) Akta 530) sebagai pemilik dan bukannya sebagai pentadbir (Muhamad, N. H. N., et.al., 2020).

Fatwa Hibah Selangor mengiktiraf kesahan hibah Tanah GSA ini, sebagaimana diputuskan, “Hibah tanah yang tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah sah dengan syarat memenuhi rukun-rukun hibah serta mendapat keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri.”

Hibah Antara Pemegang Akaun Bersama

Secara umum, wang yang didepositkan ke dalam akaun seseorang adalah menjadi miliknya dan dengan kematiannya, wang dalam akaun tersebut menjadi harta pusaka pemilik akaun tersebut. Hibah boleh berlaku apabila pemilik akaun melakukan pindahan wang ke akaun penerima hibah atau pun pemilik akaun mengeluarkan wangnya dan memberikannya kepada penerima hibah. Hibah dalam bentuk ini mudah difahami kerana *mawhub* dalam konteks ini dimiliki secara eksklusif oleh seorang individu sahaja.

Namun, persoalan timbul berkenaan status wang yang terdapat dalam akaun bersama, iaitu atas nama si mati bersama-sama penama yang lain. Dari sudut amalan, akaun bersama akan tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak bank. Dalam konteks perbincangan ini, salah satu klausa yang terpakai ialah klausa kemandirian (*survivorship clause*). Berdasarkan klausa ini, pemegang akaun bersama ini bersetuju jika salah seorang daripada mereka meninggal dunia, baki akaun tersebut akan dibayar kepada pemegang akaun yang masih hidup (Halim, A. H., & Arshad, A., 2014).

Berdasarkan kepada kenyataan ini, maka klausa atau hak kemandirian yang menjadi amalan di bank bagi akaun bersama dengan sendirinya menunjukkan bahawa mekanisme hibah wujud dalam struktur akaun berkenaan. Dengan demikian, salah seorang penama/pemilik akaun bersama yang masih hidup boleh dianggap sebagai benefisiari bagi baki akaun tersebut. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa hibah hanya boleh diakui hanya jika penama yang masih hidup itu dibuktikan mempunyai penguasaan terhadap akaun tersebut semasa hayat si mati. Hal ini boleh dibuktikan dengan keupayaannya (tanpa penama yang lain) untuk mengeluarkan wang daripada akaun tersebut.

Dalam kes *Per Rosmawati binti Sharibun & Satu Lagi [2002] 4 AMR 4913*, perkara yang pertikaikan ialah sama ada wang dalam dua akaun bersama si mati, iaitu Dato' Sharibun bin Wahab dan isteri ketiganya Latifah adalah hibah oleh si mati kepada Latifah atau tidak. Mahkamah dalam kes ini memutuskan bahawa wang dalam akaun bersama tersebut bukanlah suatu hibah kerana Latifah tidak memilikinya secara eksklusif. Ini dibuktikan dengan transaksi akaun tersebut semasa si mati masih hidup yang perlu ditandatangani bersama oleh si mati. Kedudukan ini adalah berbeza jika kedua-dua akaun tersebut hanya ditandatangani oleh Latifah sahaja. Justeru, keperluan *qabd* (penguasaan atau pemilikan) dalam hibah yang didakwa wujud itu adalah tidak dipenuhi.

Prinsip ini juga didapati dalam kes *Jariah binti Yahya & 3 Lagi lwn Nor Hasiah binti Harun [2010] 31JH 81*. Mahkamah Rayuan Syariah dalam kes ini telah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Seremban yang memutuskan bahawa wang simpanan yang didepositkan dalam akaun bersama antara si mati dengan anak perempuan si mati (responden) merupakan harta hibah daripada si mati kepada responden. Mahkamah telah mengiktiraf pemilikan responden terhadap wang dalam akaun bersama tersebut berdasarkan keupayaan responden untuk mengurus akaun, termasuk melakukan pengeluaran. Lebih dari itu, tindakan mengurus akaun oleh responden semasa hayat si mati dan selepas kematiannya menunjukkan berlakunya *qabd* yang disyaratkan dalam hibah.

Selain itu, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Suruhanjaya Sekuriti dalam mesyuarat ke-44, 15 Januari 2003 telah memutuskan untuk menerima pakai prinsip hibah *ruqba* sebagai asas syariah dalam pelaksanaan borang akuan hibah untuk transaksi yang melibatkan akaun bersama tabung unit

amanah terutamanya akaun yang dipegang oleh orang Islam sebagaimana berikut (Laporan Tahunan 2003, Suruhanjaya Sekuriti; Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, 2006:141):

> "*Prinsip pemberian bersyarat (hibah al-ruqba) boleh dipakai untuk pemegang unit bersama akaun amanah unit, khususnya akaun yang dipegang oleh pemegang unit Islam. Untuk memudahcarakan industri melaksanakan usul ini, MPS meluluskan format am borang hibah al-ruqba yang diedarkan kepada industri unit amanah melalui Persekutuan Pengurus-pengurus Amanah Saham Malaysia*."

Penggunaan hibah bersyarat *ruqba* adalah bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian kepada kemungkinan timbulnya pertikaian apabila salah seorang daripada pemegang akaun bersama unit amanah meninggal dunia. Mengikut amalan semasa dalam tabung unit amanah, apabila salah seorang meninggal dunia, maka orang yang hidup akan memperoleh kesemua simpanan dalam tabung berkenaan.

Fatwa Hibah Selangor mengiktiraf kesahan hibah antara pemegang akaun bersama ini, "Hibah antara pemegang akaun bersama adalah sah sekiranya wujud ijab dan qabul dan penguasaan penuh penerima hibah ke atas harta yang dihibahkan (*mawhub*)."

Hibah Harta Alih Yang Tidak Ditentukan Kadarnya

Umumnya, undang-undang Islam tidak menyatakan jenis-jenis harta yang boleh dijadikan *mawhub*. Walau bagaimanapun, para fuqaha telah meletakkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi bagi memastikan sesuatu harta itu sah sebagai subjek hibah iaitu; harta tersebut mestilah wujud ketika akad, telah ditentukan, diiktiraf oleh syarak, dan dimiliki oleh pemberi hibah (al-'Aqil, 1978). Syarat-syarat ini diperlukan dalam dua konteks, iaitu memastikan hibah itu bebas daripada elemen *gharar* (ketidakpastian) dan untuk memastikan syarat *qabd* dapat dilaksanakan.

Menurut al-Zuhayli (1998), *qabd* merupakan syarat *mawhub* yang paling diberi perhatian oleh fuqaha. Namun demikian, polisi sesuatu mazhab fiqh berkenaan syarat-syarat tersebut adalah bergantung kepada pandangan mereka mengenai sejauh mana elemen *gharar* (ketidakpastian) memberi kesan kepada akad hibah. Bagi yang berpendapat *gharar* memberi kesan kepada kesahan akad hibah sama seperti kesannya ke atas jual beli, maka syarat-syarat tersebut adalah terpakai sepertimana ia terpakai ke atas akad jual beli. Oleh kerana itulah, terdapat kaedah umum dalam mazhab Shafi'i yang menyebut "Apa sahaja yang boleh dijual beli, maka ia juga harus dihibahkan" (al-Khin, et. al., 2003).

Sebaliknya, bagi mazhab Maliki yang mengatakan bahawa *gharar* tidak memberi kesan kepada kesahan akad hibah, maka syarat-syarat tersebut tidaklah terpakai. Sememangnya mazhab Maliki berpegang bahawa akad-akad *tabarru'* tidak terkesan dengan kewujudan elemen gharar (Ibn Rushd, 2003: Saleh, W., & Ajaj, A., 1992). Atas asas inilah, Imam Malik berpendapat bahawa adalah harus untuk menghibahkan barang yang belum ada ketika akad hibah. Pandangan ini adalah berasaskan kepada kaedah qiyas kepada akad wasiat dan nazar. Berdasarkan pandangan ini, adalah harus untuk menghibahkan harta yang akan wujud pada masa hadapan (*al-amwal al-mustaqbalah*) seperti keuntungan masa hadapan daripada pelaburan, rumah yang dalam proses pembinaan dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, peruntukan undang-undang moden membatalkan *hibah al-*

amwal al-mustaqbalah. Ini boleh dilihat misalnya dalam Perkara 492, Undang-undang Sivil Mesir; Perkara 205, Undang-undang Sivil Tunisia dan Perkara 526, Undang-undang Sivil Kuwait.

Berkenaan berapa kadar yang boleh dihibah, secara umumnya syarak memberikan kebebasan kepada pemilik harta untuk melakukan pemberian tanpa terikat kepada kadar tertentu. Bahkan menurut ijmak, adalah harus bagi pemilik harta yang waras pemikirannya menghibahkan keseluruhan hartanya (Amir ‘Abd al-‘Aziz, 1999; al-Sanhuri, t.t.b).

Berkenaan hibah harta alih yang tidak ditentukan kadarnya, maka isu ini kembali kepada pegangan dan polisi sesuatu mazhab fiqh mengenai sejauh nama elemen *gharar* memberi kesan kepada akad hibah (seperti yang telah dijelaskan). Hal ini sepertimana amalan dalam industri yang mana hibah dibuat ke atas baki harta yang ada, kebiasaannya baki wang dalam sesuatu akaun. Hal ini termasuk menghibahkan peratusan tertentu daripada wang dalam akaun. Amalan sebegini boleh dikatakan sebagai unsur-unsur *gharar* dalam akad kerana jumlah sebenar pemberian itu tidak diperincikan. Kemungkinan dengan unsur *gharar* ini, pihak-pihak berakad, terutamanya penerima hibah tidak jelas dengan kuantiti atau jumlah sebenar harta yang bakal diterimanya. Jika dalam *bilateral contract* seperti jual beli, maka elemen *gharar* ini akan menyebabkan kontrak tersebut tidak sah kerana syarat yang menetapkan bahawa identiti barang jualan (*subject matter*) tersebut mesti jelas termasuk dari segi kuantitinya belum dipenuhi.

Walau bagaimana pun, kesan kewujudan elemen *gharar* ini dalam akad perlu dinilai secara berbeza berdasarkan akad. Dalam akad *tabarru‘* seperti hibah, elemen *gharar* yang jika ia wujud dalam akad tersebut tidaklah boleh disamakan dengan akad jual beli. Hal ini kerana dalam akad jual beli, elemen gharar ini akad menyebabkan kerugian di salah satu pihak. Hal ini berbeza dengan akad hibah, yang mana penerima hibah misalnya boleh dikatakan tidak mengalami kerugian yang ketara kerana ia tidak memerlukan balasan daripada penerima (sebagaimana akad jual beli).

Apa yang perlu ditekankan dalam hal *mawhub* ini ialah pemberi hibah mesti memastikan bahawa kadar atau peratusan harta yang dihibah itu adalah daripada hartanya sendiri. Dalam konteks hibah wang dalam akaun misalnya, perkara ini tidak mendatangkan masalah kerana pemberi hibah ialah pemilik akaun tersebut. Selain itu, ketidakpastian dalam menentukan jumlah sebenar wang yang dihibah tidaklah menjejaskan syarat *ta‘yin* (iaitu menentukan harta mana yang dihibah), kerana pengetahuan terhadapnya telah wujud iaitu akaun pemberi hibah yang spesifik. Keadaan ini samalah dengan pembahagian bahagian faraid di mahkamah syariah. Mahkamah dalam hal ini hanya menentukan kadar bahagian waris sahaja daripada harta pusaka si mati, dan tidak menentukan mana satu bahagian untuk setiap waris.

Berdasarkan keterangan ini, maka Fatwa Hibah Selangor dalam hal hibah wang simpanan dan unit amanah telah menekankan keperluan menentukan kadar *mawhub* sepertimana berikut, “Hibah wang simpanan atau unit amanah adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (*mawhub*) ditentukan kadarnya.”

Penarikan Balik Hibah

Jumhur fuqaha daripada mazhab Maliki, Shafi‘i, Hanbali, dan Zahiri menyatakan bahawa akad hibah yang telah sempurna rukun dan *qabd* memberi implikasi pemilikan yang *lazim* dan tidak boleh ditarik balik (*ruju‘*). Fuqaha yang mengatakan bahawa pada asasnya *ruju‘* diharamkan berpegang kepada keumuman hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim dan selainnya (al-‘Asqalani, t.t.: 5/284; al-Nawawi, 2003: 4/238; al-Bayhaqi, t.t.: 6/180):

الْعَائِدُ فِي هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ

Bermaksud: Orang yang menarik kembali hibahnya adalah seperti seekor anjing yang menjilat kembali muntahnya.

Keharusan bagi seorang bapa me*ruju'* hibah kepada anaknya merupakan satu pengecualian. Hal ini berdasarkan sebuah hadis Rasulullah s.a.w. (al-Mubarakfuri, 1990: 6/277, Hadis ini berstatus *hasan sahih* menurut al-Tirmidhi; Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, 1994: 1/510 dan j. 2/258; Ibn Abi Shaybah, 1994: 5/199; al-Nasa'i, t.t.: 6/264-265; al-Bayhaqi, t.t.: 6/179):

لا يَحِلُّ لأَحَدٍ أَنْ يُعْطِيَ عَطِيَّةً فَيَرْجِعَ فِيهَا إِلا الْوَالِدَ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ

Bermaksud: Tidak halal bagi seorang yang telah menghulurkan satu pemberian menarik kembali pemberiannya melainkan pemberian seorang bapa kepada anaknya.

Selain hadis itu, hadis yang turut menjadi sandaran fuqaha dalam menentukan keharusan bapa me*ruju'* hibah kepada anaknya ialah hadis Nu'man bin Bashir (al-Shawkani, 1999: 5/8) mengenai perintah Rasulullah s.a.w. kepada Bashir supaya me*ruju'* kembali hibah yang diberi kepada salah seorang anaknya atas dasar pemberian tersebut tidak dilakukan secara adil antara anak-anaknya. Jika *ruju'* tersebut tidak diharuskan, nescaya Rasulullah s.a.w. tidak memerintahkan supaya Bashir merujuk kembali hibahnya (al-Mawardi, 1994). Pengecualian ini juga adalah berdasarkan kaedah usul al-fiqh yang menyatakan bahawa jika terdapat dalil yang bersifat khusus terhadap dalil umum, maka hendaklah diutamakan dalil yang khusus itu (Abu Zahrah, 1998; al-Zuhayli, 2004).

Berbeza dengan pandangan Jumhur, fuqaha daripada mazhab Hanafi berpendapat bahawa hibah yang telah sempurna rukun dan syarat-syaratnya serta *qabd* daripada penerima hibah mewujudkan satu pemilikan yang tidak *lazim* (*milkiyyah ghayr lazim*). Oleh itu, *ruju'* bagi fuqaha tersebut pada asasnya adalah sah melainkan jika terdapat perkara-perkara yang disenaraikan sebagai sekatan kepada *ruju'* berkenaan atau apa yang dikenali sebagai *mawani' al-ruju'* (Ibn 'Abidin, 1966). Walau bagaimanapun, tindakan *ruju'* tersebut adalah tidak digalakkan, bahkan sebahagian fuqaha Hanafi menganggapnya sebagai *karahah tahrim* (makruh yang mendekati haram) atau *karahah tanzih* (makruh yang bertujuan pemurnian). Berdasarkan kenyataan ini, didapati kitab-kitab mu'tabar mazhab-mazhab tersebut didapati tidak menyebut tindakan *ruju'* sebagai "harus" (*jawaz* atau *jaz*), akan tetapi disebut sebagai "sah" ('Ali Haydar, t.t.; Ibn Nujaym, 1993).

Pandangan yang menyatakan bahawa hibah boleh dibatalkan adalah berasaskan kepada satu hadis Rasulullah s.a.w. riwayat daripada Abu Hurairah, Ibn 'Abbas dan Ibn 'Umar seperti berikut (al-Bayhaqi, t.t.: 6/181; Ibn Abi Shaybah, 1994: 5/198):

الوَاهَبَ أَحَقُّ بِهِبَتِهِ مَا لَمْ يُثَبْ مِنْهَا

Bermaksud: Seseorang pemberi hibah itu adalah lebih berhak ke atas harta pemberiannya selagi mana tidak diterima balasan daripadanya.

Hadis di atas menunjukkan bahawa seseorang pemberi hibah dibolehkan untuk me*ruju'* kembali pemberiannya selagi tidak sampai kepadanya balasan (*'iwad*) daripada pemberiannya (al-Kasani, 2003). Al-Sarakhsi (2001) menyatakan bahawa maksud sebenar di sebalik hibah kepada orang luar (*ajanib*) adalah untuk mendapatkan balasan sebagaimana amalan dan kebiasaan masyarakat. Unsur

balasan yang dikehendaki dalam hibah itu juga jelas bagi hibah yang berlaku di kalangan orang yang berbeza statusnya. Misalnya, pemberian seseorang kepada penerima yang berkedudukan lebih tinggi daripadanya adalah untuk memperoleh kelebihan tertentu daripada penerima tersebut.

Dalam hal pembatalan atau penarikan balik hibah ini, Fatwa Hibah Selangor telah memilih pandangan jumhur yang menyatakan bahawa sesuatu hibah tidak boleh ditarik balik melainkan hibah tersebut merupakan hibah dari bapa (*usul*) kepada anaknya (*furu'*). *Sigah* Fatwa Hibah Selangor adalah seperti berikut:

> "Hibah yang telah berlaku terimaannya (*qabd*) tidak boleh ditarik balik kecuali hibah daripada ibu, bapa, nenek atau datuk kepada anak atau cucu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
>
> a. Anak atau cucu itu hendaklah mempunyai kelayakan (*ahliyyah*) mengikut Hukum Syarak untuk menguruskan hartanya (*tasarruf*) seperti tidak gila atau tidak muflis;
> b. Harta yang dihibahkan (*mawhub*) hendaklah masih berada dalam pemilikan anak atau cucu tersebut;
> c. Hibah tersebut bukan hibah yang mensyaratkan balasan; dan
> d. Tidak berlaku kerosakan harta yang dihibahkan (*mawhub*). Jika kerosakan itu berlaku pada sebahagian daripada fizikal harta yang dihibahkan (*mawhub*), penarikan balik hibah terhadap bahagian lain yang tidak rosak dibenarkan.
>
> Penarikan balik hibah hendaklah dibuat semasa penghibah dan penerima hibah masih hidup. Hak untuk penarikan balik hibah tidak boleh dipindahkan kepada waris penghibah kerana waris penghibah bukan pihak-pihak dalam akad hibah."

Dalam kes *Eshah bt. Abdul Rahman v Azuhar b. Ismail [1997] 2 JH 219,* plaintif telah menghibahkan sebidang tanah miliknya kepada defendan, iaitu anak angkatnya pada tahun 1979. Pindah milik tersebut dibuat dengan harapan defendan dapat membantunya. Namun demikian, defendan gagal memenuhi janji untuk membantunya dan hubungan mereka semakin renggang semenjak defendan berkahwin. Plaintif memohon perintah mahkamah untuk membatalkan pindah milik tersebut. Mahkamah dalam kes ini menolak tuntutan untuk membatalkan hibah plaintif kerana hibah yang dilakukan oleh seorang ibu angkat tidak boleh dibatalkan. Menurut Y.A. Hakim, ibu angkat tidak termasuk dalam tafsiran perkataan *ab* (bapa) yang dinyatakan dalam hadis mengenai keharusan untuk me*ruju'* kembali hibah yang diberikan kepada anaknya.

Berdasarkan perbezaan dalam polisi pembatalan hibah dalam kalangan mazhab fiqh, prosedur atau kaedah sesuatu hibah dibatalkan juga berbeza sebagaimana berikut:

Pendapat pertama: Apabila wujud hak pemberi hibah untuk melakukan *ruju'*, maka pemberi hibah dengan kehendaknya sendiri boleh membatalkan hibah tersebut tanpa memerlukan kerelaan penerima hibah mahupun prosedur kehakiman. Ini merupakan pendapat jumhur yang terdiri daripada mazhab Maliki, Shafi'i, Hanbali dan Zahiri (al-Ra'ini, 1995; al-Nawawi, 1985; al-Bahuti, 1982; Ibn Hazm, 2001).

Pendapat kedua: Pemberi hibah yang ingin membatalkan hibahnya mestilah memperoleh kebenaran atau persetujuan daripada penerima hibah terlebih dahulu. Jika kebenaran gagal diperolehi, maka pemberi hibah boleh membawa permohonan tersebut ke peringkat mahkamah untuk memperoleh perintah pembatalan hibah. Ini merupakan pendapat mazhab Hanafi (al-Kasani,

2003). Perlu dijelaskan bahawa *ruju'* yang diperoleh menerusi persetujuan penerima hibah (*al-ruju' bi al-taradi*) dianggap sempurna walaupun terdapat perkara-perkara yang dianggap sebagai penghalangnya (*mawani' al-ruju'*). Hal ini berbeza apabila tindakan *ruju'* itu telah sampai ke peringkat mahkamah. Apabila pembatalan hibah dibuat menerusi prosedur kehakiman (*al-ruju' bi al-taqadi*), maka pembatalan hibah hanya akan disahkan sekiranya hakim berpuas hati bahawa tidak terdapat satu atau lebih perkara-perkara yang menyekat pemberi hibah daripada melakukan *ruju'*. Sebaliknya jika wujud apa yang dikatakan sebagai penghalang *ruju'*, maka hibah akan menjadi mengikat (*lazim* atau *binding*) dan seterusnya tidak lagi boleh dibatalkan (al-Sanhuri, t.t.b).

Penyelidik dalam hal ini lebih cenderung kepada pandangan bahawa pembatalan hibah adalah memerlukan kerelaan penerima hibah dan juga perintah mahkamah. Pembatalan hibah melalui kaedah ini akan dapat mengelakkan daripada suasana yang tidak baik seperti persengketaan antara pemberi hibah dan penerima hibah.

Dalam situasi di Malaysia, tiada sebarang peruntukan secara langsung mengenai pembatalan hibah apabila pindah milik hartanah telah dibuat daripada ibu bapa kepada anak (bahkan yang tidak melibatkan hubungan anak beranak). Hal ini kerana seksyen 340(1), Kanun Tanah Negara 1965 memperuntukkan hak milik tidak boleh disangkal (*indefeasibility of title*) ke atas pendaftaran atau transaksi hak milik tanah yang telah sempurna mengikut proses undang-undang. Walau bagaimanapun, seksyen 340(4)(b) boleh digunakan sebagai ruang untuk pembatalan hibah hartanah mengikut undang-undang Islam. Dengan demikian, perintah mahkamah perlulah diperoleh jika si bapa ingin menarik semula pemberian hartanah yang telah dipindah milik ke atas nama anaknya. Bapa dalam keadaan ini hanya boleh membatalkan hibahnya melalui Mahkamah Syariah yang kemudiannya akan memberi arahan kepada Pentadbir Tanah supaya nama dalam surat hak milik tanah diletakkan semula ke atas nama si bapa.

Memandangkan pemberian hibah di Malaysia tidak perlu didaftarkan, maka sudah tentu pembatalan hibah yang dibuat tanpa kerelaan penerima hibah akan menyulitkan keadaan. Hal ini demikian kerana pihak penerima hibah akan mendakwa bahawa *mawhub* masih miliknya dan pemberi hibah pula akan mendakwa bahawa ia telah ditarik semula. Keadaan ini tidak akan berlaku jika pembatalan telah mendapat kebenaran penerima hibah. Sebaliknya, jika penerima hibah (terutamanya anak) tidak bersetuju dengan tindakan pembatalan tersebut, maka pemberi hibah boleh meneruskan tindakan tersebut di mahkamah syariah. Walaupun penyelidik bersetuju dari segi hukum fiqhnya bahawa si ayah berhak untuk membatalkan hibahnya, namun atas dasar *siyasah shar'iyyah*, prosedur-prosedur *ruju'* yang disebutkan oleh mazhab Hanafi wajar dilaksanakan. Walau bagaimanapun, jika persetujuan atau perjanjian awal telah dimeterai antara pemberi hibah (bapa) dan penerima hibah (anak) bahawa si bapa pada bila-bila masa atau apabila berlaku sesuatu perkara yang telah dipersetujui mestilah dibenarkan untuk membatalkan hibahnya, maka dalam situasi ini keizinan daripada penerima hibah tidaklah diperlukan oleh pemberi hibah yang ingin melakukan *ruju'*. Perjanjian sedemikian telah diaplikasikan dalam perkhidmatan atau produk dokumentasi hibah di Malaysia pada masa sekarang.

PENUTUP

Isu-isu yang dibincangkan di atas merupakan antara perkara yang biasa dibangkitkan oleh industri dan masyarakat berkenaan pelaksanaan hibah. Isu-isu berkenaan hukum syarak sering kali menjadi tumpuan utama kepada masyarakat awam kerana masyarakat kebiasaannya ingin mengetahui status atau kedudukan hukum secara tuntas. Bagi penyedia perkhidmatan hibah, selain memastikan

produk yang ditawarkan adalah patuh syariah, mereka juga perlu akur dengan keperluan undang-undang semasa. Bagi menilai sesuatu isu dari kaca mata syarak, adalah penting bagi seseorang sarjana, selain boleh memetik pandangan fiqh dalam satu mazhab, mereka juga perlu menilai pandangan-pandangan yang berbeza, pemakaian kaedah fiqh, memahami maqasid al-syariah, dan tidak kurang pentingnya ialah aspek kontekstual pemakaian hukum syarak itu. Fatwa Hibah Selangor ini merupakan boleh dianggap sebagai respons 'segera' kepada persoalan yang timbul dalam industri perancangan harta. Ia juga sekali gus memberikan garis panduan kepada penyedia perkhidmatan hibah dan masyarakat awam sebelum perancangan ke arah menggubal dan mewartakan undang-undang hibah yang lebih kompleks dilaksanakan.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Majlis Agama Islam Selangor yang menaja penyelidikan ini yang bertajuk 'Kajian Pelaksanaan Produk Hibah di Malaysia' sepanjang tempoh 6 Jun 2017 hingga 5 Oktober 2017.

RUJUKAN

'Ali Haydar (t.t.), Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

A.H. Buang (2007). "Prinsip dan Pelaksanaan Hibah", A.H. Buang (ed.), Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Abi Muzaffar, Mahy al-Din Muhammad Awrink (1990). Al-Fatawa Al-Hindiyyah. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.

Abu Zahrah, Muhammad (1988). Sharh Qanun al-Wasiyyah. Dar al-Fikr al-'Arabi.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1994). Al-Musnad. Beirut: Dar Al-Fikr.

al-'Aqil, Jamal al-Din Taha (1978), 'Aqd al-Hibah Bayn al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun al-Madani. Kaherah: Dar al-Huda.

al-'Asqalani, Ibn Hajar (t.t.). Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari, j. 5. Kaherah: Dar al-Taqwa.

al-Bahuti, Mansur bin Yunus (1982). Kashshaf Al-Qina' "an Matan Al-Iqna" (4th ed.). Beirut: Dar Al-Fikr.

al-Bayhaqi, Abi Bakr Ahmad bin al-Husayn (t.t.). al-Sunan al-Kubra, j. 6. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (1966). Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah. Damshiq: al-Maktabah al-Umawiyyah.

al-Dusuqi, Muhammad 'Arafah (2005). Hashiyah Al-Dusuqi 'ala Al-Sharh Al-Kabir (5th ed.). Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

al-Kasani, Abu Bakr bin Mas'ud (2003). Badai' Al-Sanai' fi Tartib Al-Syarai'. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.

al-Khin, Mustafa, et.al. (2003). Al-Fiqh Al-Manhaji "ala Madhhab Al-Imam Al-Shafi"i. Damsyik: Dar Al-Qalam.

al-Mawardi, Ali bin Muhammad (1994). Al-Hawi Al-Kabir. Beirut: Dar Al-Fikr.

al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah. (t.t.). Kuwait: Wizarat Al-Awqaf wa Al-Shu'un Al-Islamiyyah.

al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman (1990). Tuhfat al-Ahwadhi bi Sharh Jami' al-Tirmidhi, j. 4 dan 6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

al-Nasa'i, Ahmad Ibn Shu'ayb (t.t.). Sunan Al-Nasa'i bi Sharh Al-Hafiz Jalal Al-Din Al-Suyuti (6th ed.). Beirut: Dar Al-Ihya' Al-Turath Al-'Arabi.

al-Nawawi, Abi Zakariyya Mahy al-Din. (2003). Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi, j. 4. Kaherah: Dar al-Manar.

al-Qurtubi, Abu ’Abd Allah Al-Ansari (2002). Al-Jami’ li Ahkam AL-Qur’an (5th ed.). Kaherah: Dar Al-Hadith.
al-Ra‘ini, Abi ‘Abd Allah Muhammad (1995). Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar al-Khalil, j. 8. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
al-Sanhuri, ‘Abd Al-Razzaq (t.t.a). Al-Mujaz fi Nazariyyat Al-’Ammah lil Al-Iltizam fi al-Qanun Al-Madani Al-Misri. Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi.
al-Sanhuri, ‘Abd Al-Razzaq (t.t.b). Al-Wasit fi Sharh Al-Qanun Al-Madani. Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi.
al-Sarakhsi, Shams al-Din (2001). al-Mabsut, j. 12. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
al-Sharbasi, Ahmad (1981). Al-Mu’jam Al-Iqtisadi Al-Islami. Dar Al-Jayl.
al-Sharbini, Muhammad al-Khatib (t.t.). Mughni Al-Muhtaj (4th ed.). Beirut: Dar Ihya’ Al-Turath Al-Arabi.
al-Shawkani, Muhammad bin Isma’il (1999). Nayl Al-Awtar (6th ed.). Al-Mansurah: Maktabat Al-Iman.
al-Zarqa’, Mustafa Ahmad (2004). Al-Madkhal Al-Fiqhi Al-’Am (1st ed.). Damsyik: Dar Al-Qalam.
al-Zawi, Ahmad. (t.t.). Tartib Al-Qamus Al-Muhit, j. 3. Beirut: Dar Al-Fikr.
al-Zuhayli, Wahbah (1997). Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh. Damsyik: Dar Al-Fikr.
al-Zuhayli, Wahbah (1998). Al-Wasaya wa Al-Waqffi Al-Fiqh Al-Islami. Damsyik: Dar Al-Fikr.
Amir ‘Abd al-‘Aziz (1999). Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah, j. 3. Kaherah: Dar al-Salam.
Fatwa Hibah di Negeri Selangor, diwartakan pada 8 April 2021 (Sel. P.U. 8. Jilid 74, No. 7) pembetulan yang diwartakan pada 13 Mei 2021.
George M. (2005). Undang-undang Amanah Malaysia. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
Halim, A. H., & Arshad, A. (2014). Penentuan harta pusaka di Malaysia: Kajian dari perspektif undang-undang Sivil dan Syariah. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 26(2), 153-172.
Hussain, N. M., & Muhamad, N. H. N. (2013). Mekanisme Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan: Kajian di Felda Taib Andak, Kulai, Johor. Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia, 25(1), 1-21.
Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin (1966), Hashiyah Radd al-Mukhtar, j.5. Mustafa al-Babi al-Halabi.
Ibn Abi Shaybah, ‘Abd Allah bin Muhammad (1994). al-Musannaf fi al-‘Ahadith wa al-Athar, j. 5. Beirut: Dar al-Fikr.
Ibn Hazm, Abu Muhammad ’Ali (2001). Al-Muhalla bi Al-Athar (8th ed.). Beirut: Dar Al-Fikr.
Ibn Nujaym, Zayn al-Din bin Ibrahim (1993), al-Bahr al-Ra’iq Sharh Kanz al-Daqa’iq, j. 7. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
Ibn Qudamah, Muwaffaq al-Din ‘Abd Allah bin Ahmad (t.t.). al-Mughni, j. 6. Dar al-Fikr
Ibn Rajab, Abi Al-Faraj ‘Abd Al-Rahman. (t.t.). Al-Qawa’id fi Al-Fiqh Al-Islami. Beirut: Dar Al-Ma’rifah.
Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad (2003). Bidayat Al-Mujtahid wa nihayat Al-Muqtasid. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.
Majallat al-Ahkam al-‘Adliyyah
Mohamed Said, N. L., & Adli Wanayub, W. A. (2021). Pelaksanaan Hibah Harta Bercagar dalam Industri Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam. International Journal of Islamic Thought, 19.
Muhamad, N. H. N. (2010). Pemakaian prinsip hibah dalam sistem kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada industri perbankan Islam dan Takaful. Sains Humanika, 52(1).
Muhamad, N. H. N. (2011). Hibah dalam Undang-undang Islam. Penerbit UTM Press.
Muhamad, N. H. N. (2011b). Penyelesaian pindah milik harta bercagar di institusi kewangan: dari perspektif undang-undang Islam. KANUN. Hlm, 180-208.
Muhamad, N. H. N. (2012). Wasiat & wisayah dalam perancangan harta prinsip dan amalan. Penerbit UTM Press.

Muhamad, N. H. N., et.al. (2012), "Isu-Isu Pusaka Orang Islam. Kajian Di Felda Taib Andak, Kulai, Johor" (Laporan Penyelidikan Research University Grant (RUG), Universiti Teknologi Malaysia.

Muhamad, N. H. N., et.al. (2017), Laporan Kajian 'Pelaksanaan Produk Hibah di Malaysia'. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor

Muhamad, N. H. N., Kamarudin, M. K., Muda, M. Z., Mohamed Said, N. L., Zaim Ab Rahim, N. M., & Abd Razzak, M. M. (2020). Inter Vivos Gift as Land Inheritance Mechanism for FELDA Land Holding. J. Pol. & L., 13, 226.

Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, 2010

Sa'afie, A. M., & Muda, M. Z. (2018). Garis panduan dalam penyediaan borang hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. Journal of Contemporary Islamic Law, 3(1), p1-7.

Saleh, W., & Ajaj, A. (1992). Unlawful gain and legitimate profit in Islamic law: Riba, Gharar and Islamic banking. In Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law. Brill.

Subhi Mahmasani (1972). Al-Nazariyyah Al'-Ammah li Al-Mijabat wa Al-'Uqud fi Al-Shari'ah Al-Islamiyyah. Beirut: Dar Al-Ilm li Al-Malayin.

Tyabji, F. B. (1968). Muslim Law. Bombay: N.M Tupathi Private Ltd.

Tyabji, K. (1949). Limited Interest in Muhammadan Law. London: Steens & Sons Ltd.

Yaakub, N. I., & Hussein, S. M. (2000). Pengenalan Undang-undang Amanah Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusof, N. M. (2006). Hibah dan aplikasinya di Malaysia.

Senarai Kes:

Eshah bt. Abdul Rahman v Azuhar b. Ismail [1997] 2 JH 219
Jariah binti Yahya & 3 Lagi lwn Nor Hasiah binti Harun [2010] 31JH 81
Per Rosmawati binti Sharibun & Satu Lagi [2002] 4 AMR 4913
Raihanah Binti Mohd Ali v Kamaruddin bin Mohd Nor & Lain-Lain [2008] 2 JH 253

Senarai Statut:

Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208)
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Akta 759)
Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) Tahun 1960 (Pindaan) 2002 (Akta 530)
Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56)
Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, 2006
Laporan Tahunan 2003, Suruhanjaya Sekuriti
Perlembagaan Persekutuan
Undang-undang Sivil Kuwait 1980 (No. 67/1980)
Undang-undang Sivil Mesir 1948 (No. 31/1948)
Undang-undang Sivil Tunisia 1964 (No. 17/1964)

KEBERKESANAN MODUL TRANSFORMASI EHSAN DARI ASPEK PERUBAHAN TINGKAH LAKU PELATIH DI RUMAH PEMULIHAN MAIS

Salasiah Hanin Hamjah, Fitri Munawaroh Zailani, Rosmawati Mohamad Rasit, Muhamad Faisal Ashaari, Zuliza Mohd. Kusrin, Muhamad & Adib Samsudin & Mohd Izwan Md. Yusof

KEBERKESANAN MODUL TRANSFORMASI EHSAN DARI ASPEK PERUBAHAN TINGKAH LAKU PELATIH DI RUMAH PEMULIHAN MAIS

Salasiah Hanin Hamjah[1], Fitri Munawaroh Zailani[2], Rosmawati Mohamad Rasit[3], Muhamad Faisal Ashaari[4], Zuliza Mohd. Kusrin[5], Muhamad Adib Samsudin[6] & Mohd Izwan Md. Yusof[7]

[1,2,3,4]Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
[5,6]Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
[7]Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Corresponding author : salhanin@ukm.edu.my

ABSTRAK

Masyarakat di Malaysia pada masa kini terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu sosial. Kemunculan pelbagai masalah sosial ini mendorong pihak kerajaan, NGO dan orang perseorangan untuk membina pusat pemulihan bagi membantu mengatasi masalah ini. Pada masa kini terdapat pelbagai pusat pemulihan dibina dengan konsep, matlamat dan pendekatan yang berbeza. Sungguhpun demikian, adakah modul atau program di pusat pemulihan ini berjaya membentuk pelatih menjadi insan yang berakhlak mulia dan berpegang kepada ajaran Islam? Bertitik tolak daripada persoalan tersebut, kajian ini ingin mengenal pasti tahap keberkesanan Modul Transformasi Ehsan (MTE) yang diimplementasikan di Rumah Pemulihan MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman). Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan untuk mendapatkan data. Seramai 44 orang responden telah dipilih melalui persampelan bertujuan (purposive sampling). Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi (melalui ujian Wilcoxon, ujian bukan parametrik bagi menentukan kesan perubahan sebelum dan selepas menjalani pemulihan) menggunakan SPSS versi 28.0. Hasil kajian mendapati keberkesanan Modul MTE di Rumah Pemulihan MAIS berada pada tahap yang baik dengan peningkatan nilai min pada item sebelum (134.9545) dan selepas (167.1136) yang menunjukkan nilai yang positif. Sehubungan itu, dapatan kajian ini menunjukkan modul TSE memberi kesan positif kepada pelatih dan ini jelas membuktikan MAIS sangat peka dengan keperluan masyarakat Islam bagi mengatasi masalah sosial ke arah melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia dan bertamadun.

Kata kunci : *Keberkesanan, Modul, Transformasi Ehsan, Rumah Pemulihan, MAIS.*

PENGENALAN

Modul Transformasi Ehsan (MTE) merupakan modul yang diguna pakai di Rumah Pemulihan MAIS. Transformasi membawa maksud perubahan bentuk seperti sifat, rupa dan keadaan atau dengan erti kata lain transformasi merupakan satu perubahan daripada keadaan sedia ada kepada satu dimensi lain bertujuan untuk mengubah bentuk sesuatu kepada yang lebih baik (Kamus Dewan, 1996; Malesa 2014). Transformasi yang dimaksudkan dalam modul ini adalah merujuk kepada perubahan yang diharapkan berlaku kepada pelatih yang menjalani sesi pemulihan selama enam bulan atau lebih. Perubahan yang diharapkan ini adalah secara holistik bagi melahirkan pelatih yang bersifat positif, mempunyai emosi yang stabil dan melaksanakan amalan secara istiqamah. Ehsan pula merujuk kepada tempat modul ini dilaksanakan iaitu di Baitul Ehsan. Dalam istilah syarak,

ehsan@ihsan adalah penghayatan ibadah apabila seseorang itu melakukan ibadah, dia merasakan seolah-olah dia sedang menghadap dan melihat Allah, tetapi jika dia tidak dapat melihat Allah, dia sentiasa merasakan bahawa Allah sedang melihatnya (Hadis Riwayat al-Muslim).

Modul Transformasi Ehsan (MTE) dibina berasaskan satu konsep yang dijadikan sebagai asas pembinaan modul iaitu T.E 1.9.5.7. Secara terperincinya, 'T.E' bermaksud Transformasi Ehsan yang akan dilaksanakan terhadap individu yang mewakili angka '1'. Seterusnya sembilan falsafah yang diterapkan ke arah perubahan iaitu (1) Beriman, (2) Model Terbaik, (3) Persaudaraan dan Kasih Sayang, (4) Jati Diri, (5) Pedoman, (6) Ikhlas, (7) Prihatin, (8) Berilmu, (9) Rela dan Bahagia. Manakala lima proses utama yang ditonjolkan sebagai usaha memahami sembilan falsafah iaitu (1) Tahu, (2) Percaya, (3) Taat, (4) Jihad dan (5) Cinta. Manakala tujuh aktiviti utama dirangka sebagai usaha pendedahan kepada pelatih untuk pemantapan kepada perubahan iaitu aktiviti (1) Kerohanian, (2) Kemahiran, (3) Akademik, (4) Disiplin, (5) Jasmani, (6) Bimbingan dan Kaunseling dan (7) Hidup Bermasyarakat (Mohd. Makhi 2020; Nurul Husna et al. 2017; Fitri, Muhamad Faisal & Salasiah 2023). MTE disusun dengan baik bagi membantu fasilitator atau pelaksana di Rumah Pemulihan MAIS membimbing pelatih membina semula peribadi dan personaliti diri di samping meningkatkan konsep kendiri dan keyakinan yang dapat memastikan kelangsungan kehidupan sebagai ahli masyarakat yang dinamik. Penghasilan modul ini dapat meningkatkan usaha dan komitmen MAIS dalam menjaga kemaslahatan ummah khususnya di negeri Selangor.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah sosial adalah merupakan salah satu masalah yang agak serius berlaku di Malaysia. Masalah ini bukan sahaja melibatkan golongan remaja tetapi juga melibatkan golongan dewasa. Masalah ini perlu diatasi secara kolektif oleh seluruh anggota masyarakat melibatkan pihak Kerajaan, NGO, sekolah, badan kebajikan dan sebagainya. Antara masalah yang sering berlaku dalam masyarakat Malaysia adalah seperti penyalahgunaan dadah (Nor Hasimah et al. 2022; Azahar Che Latiff et al. 2017; Alexander et al. 2017), seks bebas (Mohd. Mahyeddin et al. 2018; Afifah Hamdan & Kamarul Azmi 2021), jenayah siber (Zulkufli Ismail & Azmi Aziz 2019; Khadijah Alavi et al. 2020; Muhammad Adnan & Siti Zobidah 2019; Khadijah Alavi et al. 2018), pembuangan bayi (Adibah Bahori & Siti Zubaidah 2018), sumbang mahram (Mohamad Shahbani & Fuziah Shafiee 2019 ; Nadiah Mohd & Rositah Kambol 2022), perlumbaan haram (Zalmizy Hussin & Siti Rohana 2021), melepak, membunuh, membuli dan penderaan (Nabilah Huda et al. 2020) dan seumpamanya.

Menyedari keperluan membendung masalah sosial daripada terus meningkat di negara ini, pihak kerajaan, NGO dan orang perseorangan telah menubuhkan pusat perlindungan atau pemulihan dengan hasrat ingin membantu golongan yang terjebak dengan masalah sosial untuk kembali ke pangkal jalan bagi memulakan kehidupan baharu sebagai insan yang mempunyai jati diri dan berakhlak mulia (Mariam et. al, 2022). Penubuhan pusat ini merupakan salah satu jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah sosial biarpun hakikatnya ini bukanlah satu-satunya jalan terbaik bagi mengekang sepenuhnya penularan masalah sosial di Malaysia.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga tidak terkecuali dalam hal ini kerana MAIS juga menubuhkan beberapa buah pusat pemulihan. Dua buah pusat pemulihan yang dikenali sebagai Rumah Pemulihan MAIS telah dipilih dalam kajian ini iaitu Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (Baitul Ehsan) dan Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (Baitul Iman). Baitul Ehsan ditubuhkan pada 13 September 2001, manakala Baitul Iman pula ditubuhkan pada 1998. Kedua-dua

pusat pemulihan ini menggunakan modul yang sama ke atas pelatih masalah sosial iaitu Modul Transformasi Ehsan (MTE). Modul ini bersifat komprehensif kerana meliputi aspek pembangunan insan secara jasmani dan rohani. Sungguhpun demikian, timbul persoalan, sejauh manakah MTE dapat memberi kesan positif kepada pelatih selepas menjalani proses pemulihan di RP MAIS.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan Modul Transformasi Ehsan (MTE) yang diimplementasikan di Rumah Pemulihan MAIS iaitu di Baitul Ehsan dan Baitul Iman.

SKOP KAJIAN

Skop Kajian ini adalah berfokus kepada dua Rumah Pemulihan MAIS iaitu RP Baitul Ehsan dan Baitul Iman. Selain itu kajian ini juga memberi skop kepada penelitian terhadap Modul Transformasi Ehsan yang dilaksanakan di kedua-dua RP MAIS.

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan literatur terhadap kajian terdahulu menunjukkan telah ada kajian dilakukan mengenai Pusat Perlindungan Wanita Khususnya Baitul Ehsan tetapi lebih berfokus kepada metode bimbingan atau pemulihan seperti kajian Mohamad Atiq (2018) bertajuk Metode Bimbingan Islami di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Perempuan Baitul Ehsan di Daerah Sabak Bernam Selangor Malaysia. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui metode bimbingan yang dilaksanakan di Baitul Ehsan. Selain itu, kajian mengenai RP Baitul Ehsan juga telah ada dilakukan oleh Nurul Husna et. al (2017) yang mengkaji mengenai Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. Hasil kajian mendapati pusat perlindungan wanita Baitul Ehsan (BES) dan Kompleks Dar Assaadah (KDS) mewujudkan beberapa platform penting bagi tujuan pemulihan akhlak iaitu penganjuran kelas pemantapan ilmu agama dan kemahiran, pelaksanaan aktiviti berbentuk kerohanian dan ketahanan fizikal serta penguatkuasaan peraturan.

Selain itu ada juga kajian yang meneliti aspek kesediaan remaja hamil menjalani proses pemulihan di rumah pemulihan sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Khairul Hamimah & Nurul Husna (2019) juga membuat kajian mengenai pusat pemulihan iaitu di RP Baitul Ehsan dan Asrama Bahagia yang juga dikenali sebagai Asrama Akhlak (Perempuan) di Kg. Pandan Kuala Lumpur yang berada dalam jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap pengisian kerohanian di pusat perlindungan wanita terpilih. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian kes dan temu bual dilakukan sebagai kaedah utama pengumpulan data.

Mariam, Nurul Zafirah & Nurul Izzah (2019) juga membuat kajian mengenai pusat pemulihan akhlak di Negeri Selangor dengan menganalisis faktor penglibatan remaja hamil luar nikah dalam salah laku seksual di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperoleh menerusi kaedah temu bual separa struktur terhadap seorang pentadbir, seorang warden di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Selangor serta empat orang remaja yang hamil luar nikah. Kesemua informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Dapatan kajian mendapati bahawa antara faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual ialah kerana percintaan dan kerelaan sendiri, mangsa rogol, menonton video dan

filem porno, kelemahan institusi keluarga, konflik dalam keluarga, kejahilan dan pengabaian amalan beragama, pengaruh rakan sebaya, pengambilan pil khayal dan penglibatan dalam perlumbaan haram.

Kajian mengenai keberkesanan program di RP juga telah ada dilakukan seperti kajian yang dilakukan oleh Rosmidah (2011) yang mengkaji mengenai impak program keagamaan terhadap pelatih dan keberkesanan program pemulihan yang dijalankan terhadap pemulihan akhlak pelatih. Selain itu, telah ada juga kajian dilakukan mengenai keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan sebagaimana dikaji oleh Azizi et al. (2012) di Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, Taman Seri Puteri Cheras, Jerantut dan Rembau dan Tunas Bakti Sungai Lereh Melaka. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini ialah Program Bimbingan dan Kaunseling, pendidikan akhlak, kemudahan dan kelengkapan yang telah tersedia, program kebudayaan dan sosial, punca terlibat dan peranan Lembaga Pelawat. Hasil dapatan kajian menunjukkan pelatih tidak dapat mengikuti program secara berkesan. Analisis dapatan kajian menggunakan SPSS berjaya mengesan beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program-program yang sedia ada seperti kaunselor yang tidak bertauliah, kelas pendidikan akhlak yang membosankan dan kemudahan serta kelengkapan yang tidak lagi sesuai dan selesa. Secara keseluruhannya didapati program yang dijalankan di taman- taman puteri dan Tunas Bakti kurang berkesan.

Tinjauan kajian lalu menunjukkan telah ada kajian dilakukan mengenai rumah pemulihan cuma tidak dikhususkan kepada RP MAIS lebih-lebih lagi berkenaan Baitul Iman. Selain itu, aspek yang dikaji adalah berkenaan metode bimbingan, kesediaan pelatih menjalani pemulihan, faktor penglibatan remaja hamil luar nikah dalam salah laku seksual, keberkesanan modul dan impak program. Ini jelas menunjukkan belum ada kajian secara spesifik mengkaji tentang keberkesanan MTE di dua RP MAIS iaitu di Baitul Ehsan dan Baitul Iman, lebih-lebih lagi menggunakan kuasi-eksperimental melalui ujian pra dan pasca kepada pelatih yang pernah menjalani pemulihan. Kajian ini jelas berbeza dengan kajian terdahulu kerana metode eksperimental adalah lebih tepat digunakan bagi mengkaji keberkesanan modul. Ini juga menggambarkan terdapat kepentingan kajian ini dijalankan bagi meneroka dapatan baharu yang signifikan bagi menonjolkan sumbangan MAIS kepada masyarakat di Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan kuasi-eksperimental melalui ujian pra dan pasca kepada pelatih yang pernah menjalani pemulihan di Baitul Ehsan dan Baitul Iman untuk mendapatkan data berkenaan keberkesanan Modul MTE di rumah Pemulihan MAIS.

Pemilihan Sampel

Seramai 44 orang responden telah dipilih melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mengisi borang soal selidik. 20 orang adalah pelatih lelaki daripada Baitul Iman dan 24 orang adalah pelatih perempuan daripada Baitul Ehsan. Responden adalah terdiri daripada pelatih yang pernah menjalani pemulihan di Baitul Ehsan dan Baitul Iman. Antara ciri responden yang telah ditetapkan dalam kajian ini ialah; (1) Responden pernah menjalani pemulihan sama ada di Baitul Ehsan atau Baitul Iman. (2) Berumur melebihi 15 tahun ke atas dan (3) Telah keluar daripada pusat pemulihan tidak melebihi 6 bulan supaya maklumat yang diperolehi lebih tepat. Penguasa Baitul Ehsan dan Baitul Iman memberikan kerjasama yang sangat baik untuk mengenal pasti responden

yang memenuhi ciri-ciri yang telah ditetapkan. Senarai yang diperolehi adalah seramai 60 orang namun hanya 44 orang sahaja yang mengisi borang soal selidik atas talian yang telah ditransformasikan ke dalam bentuk *google form* yang dihantar melalui aplikasi *whatsapps* ke dalam telefon bimbit responden.

Instrumen Kajian – Borang Soal Selidik

Bagi mencapai objektif kajian, satu set Borang Soal Selidik telah dihasilkan. Borang soal selidik ini dibina berasaskan Model penilaian Kirkpatrick. Aspek yang sukar dalam proses penilaian keberkesanan modul adalah menentukan model penilaian yang paling sesuai dan patut digunakan. Dalam kajian ini, Model Penilaian Kirkpatrick dipilih sebagai model penilaian yang dapat membantu menilai modul Transformasi Ehsan dalam kalangan pelatih di Baitul Ehsan dan Baitul Iman. Melalui Model Penilaian Kirkpatrick ini, maklumat secara komprehensif dan tepat daripada setiap pelatih yang berbeza dapat diperoleh bagi menilai MTE.

Model Penilaian Kirkpatrick dibina pada tahun 1959 oleh Donald L. Kirkpatrick (Kirkpatrick 1975; 1987; 1994; 1996; 2000). Model ini dipilih kerana ia dapat membantu pihak pentadbiran atau pengurusan MAIS untuk membuat keputusan mengenai keberkesanan pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan anjuran MAIS. Kirkpatrick memperkenalkan empat peringkat tahap penilaian iaitu (Kirkpatrick 1975; 1987; 1994; 1996; 2000; Kamaruzaman 2009) :

1. Reaksi
   Pada peringkat reaksi, para pelatih dinilai dari segi kognitif dan emosi tentang sesuatu latihan yang mereka ikut serta. Fokus penilaian pada peringkat ini adalah berdasarkan kepuasan pelatih terhadap kandungan kursus, persembahan dan relevannya dengan masalah yang mereka alami di akhir latihan.

2. Pembelajaran
   Pada peringkat pembelajaran, para pelatih dinilai dari segi tahap pengetahuan dan keupayaan mereka hasil sesuatu latihan yang mereka ikut serta. Fokus penilaian pada peringkat ini adalah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang mereka peroleh hasil daripada mengikuti latihan.

3. Tingkah laku
   Pada peringkat tingkah laku, para pelatih dinilai dari segi keupayaan melaksanakan sesuatu latihan yang mereka ikut serta. Fokus penilaian pada peringkat ini adalah dari segi kebolehan pelatih untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kehidupan seharian semasa berada di RP MAIS dan andaian kompetensi tingkah laku mereka semasa berada dalam masyarakat.

4. Hasil Latihan Modul
   Pada peringkat hasil latihan modul ini, para pelatih dinilai dari segi kesan dengan merujuk kepada prestasi mereka. Fokus penilaian pada peringkat ini adalah dari segi kebolehan pelatih untuk memberi bantuan pemulihan kepada masyarakat ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Berdasarkan Model Penilaian Kirkpatrick satu set borang soal selidik telah berjaya dihasilkan. Borang soal selidik yang dihasilkan mempunyai 4 bahagian. Bahagian A, Demografi responden mempunyai 14 item merangkumi aspek jantina, umur, pendidikan, keluarga dan sebab kemasukan

Rumah Pemulihan. Bahagian B pula berkaitan Reaksi, terdapat 8 item. Bahagian C berkaitan Pembelajaran terdapat 38 item, Bahagian D berkaitan Perubahan Tingkah laku terdapat 29 item dan Bahagian E berkaitan Hasil (selepas mengikuti Program) terdapat 31 item. Borang soal selidik ini menggunakan skala likert dalam mengenal pasti maklum balas peserta kajian terhadap isu yang diutarakan. Lima skala likert yang digunakan adalah 1. Amat tidak memuaskan, 2. Tidak memuaskan, 3. Sederhana, 4. Memuaskan, dan 5. Amat memuaskan.

PENGANALISISAN DATA

Data daripada borang soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menjelaskan dapatan kajian dalam bentuk peratus, kekerapan, dan nilai min serta inferensi (melalui ujian *Wilcoxon,* ujian bukan parametrik / *non probability sampling)* bagi menentukan kesan perubahan sebelum dan selepas menjalani proses pemulihan menggunakan SPSS Versi 28.0.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kajian rintis dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 30 pelatih telah dipilih sebagai responden melalui ujian analisis kebolehpercayaan bagi menentukan nilai *alpha cronbach.* Melalui kaedah ini, setiap domain kajian telah diuji nilai *alpha cronbach.* Nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh bagi setiap konstruk kajian dapat dilihat pada Jadual 1;

Jadual 1 : Analisis Kebolehpercayaan Konstruk Kajian

Bil.	Instrumen	Nilai *alpha* (*a*)	Tahap Kebolehpercayaan
1.	Reaksi	0.85	Baik
2.	Pembelajaran	0.75	Baik
3.	Perubahan Tingkah laku	0.92	Sangat Baik
4.	Hasil Latihan	0.93	Sangat Baik

Hasil analisis kebolehpercayaan setiap konstruk menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan berada pada tahap yang baik iaitu nilai antara 0.7 hingga 1.00. oleh sebab nilai *alpha cronbach* bagi semua domain melebihi 0.7, maka instrumen kajian ini mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan yang baik dan boleh diterima, semakin hampir nilai pekali kepada 1.00, maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaannya (Sekarang 2003). Oleh itu, nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam kajian ini adalah baik dan menunjukkan ketekalan dalaman yang baik antara konstruk dalam soal selidik tersebut serta boleh digunakan untuk kajian yang sebenar.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keberkesanan Modul Transformasi Ehsan dari Aspek Perubahan Tingkah laku (Sebelum & Selepas) Menjalani Pemulihan

Dapatan kajian dalam Jadual 2 menunjukkan berlaku perubahan tingkah laku pelatih sebelum dan selepas menjalani pemulihan di RP MAIS. Perubahan ini dapat dilihat berlaku dari sudut spiritual pelatih khususnya dalam aspek keimanan kepada Allah SWT di mana pelatih percaya pada item ‘Saya percaya Allah akan membantu saya jika mengingati-Nya dengan nilai min=4.52 sebelum kepada min=4.63 selepas menjalani proses pemulihan. Selain itu, pelatih juga dapat meningkatkan

keimanan kepada Rasulullah SAW di mana item ‘Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik untuk saya’ menunjukkan peningkatan sebelum (min=4.45) kepada (min=4.56) selepas. Pelatih juga didapati berusaha menjadi hamba Allah yang taat dengan menjauhkan diri dari perbuatan yang mendatangkan dosa (min sebelum=3.81 dan min selepas=4.20). Dapatan ini menunjukkan konsep dakwah yang diamalkan di RP MAIS adalah bertepatan dengan amalan Rasulullah SAW yang sangat menekankan tentang konsep tauhid dan keimanan dalam permulaan usaha dakwahnya (Ibn Hisyam 1995; Safiyyur Rahman 2022). Sehubungan ini, Imam al-Ghazali (2000) dalam bukunya *Ihya Ulum al-Din* juga menegaskan bahawa aqidah atau keimanan adalah salah satu komponen asas Islam yang paling mulia dan perlu diberikan perhatian penting dalam kehidupan insan (Salasiah & Noor Shakirah 2014).

Dalam aspek amalan spiritual juga didapati peningkatan yang baik pada item ‘Saya yakin Qiamullail (solat pada waktu malam) menjadikan hati saya tenang’ (min sebelum=3.93 dan min selepas=4.29). Amalan qiamullail adalah selari dengan ajaran Islam kerana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud “*Sebaik-baik solat selepas solat fardu ialah qiyam al-lail*.”(Hadis Riwayat al-Nasa’i). Kajian ini turut mendapati terdapat peningkatan yang baik pada item ‘saya yakin berzikir menjadikan hati tenang dan tenteram’ dengan nilai min sebelum=4.18 kepada min=4.45, selepas menjalani pemulihan. Ini juga selari dengan ajaran Islam kerana termaktub di dalam al-Quran, surah al-Ra`d, ayat 28 yang bermaksud: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram”. Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian Mohamad Atiq (2018) yang mendapati pelatih mengakui bimbingan yang diberikan memberi kesan positif dalam hidup mereka terutama dalam hal beribadah sehingga dapat lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain itu, dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Rosmidah (2011) yang menunjukkan pelatih bersikap positif terhadap program keagamaan yang dijalankan. Program yang dijalankan juga memberi impak positif terhadap diri pelatih.

Dalam aspek motivasi diri, pelatih didapati berusaha menjadi lebih baik (sebelum min =3.90, selepas min=4.40). Ini selaras dengan dapatan kajian Khairul Hamimah & Nurul Husna (2019) yang mendapati pelatih bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik daripada sebelumnya. Selain itu kajian ini juga mendapati pelatih lebih cekal menghadapi ujian (sebelum min=3.75 dan selepas min=4.18), berusaha menyelesaikan masalah (sebelum min=4.04, selepas min=4.25) dan bercakap kepada diri sendiri bahawa dia boleh berjaya (sebelum min=4.00, selepas min=4.29). Selain itu, pelatih juga mempunyai azam yang kuat dan bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik’ (sebelum min =3.95, selepas min=4.43). Berazam untuk menjadi lebih baik adalah selari dengan ajaran Islam malah orang yang berazam untuk melakukan kebaikan akan diberikan ganjaran pahala. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "Sesiapa yang berazam untuk melakukan kebaikan tetapi dia tidak sempat melakukannya, maka akan ditulis untuknya satu kebaikan. Sesiapa berazam untuk melakukan kebaikan kemudian melakukannya maka ditulis untuknya sepuluh kebaikan sehingga tujuh ratus kali ganda. Sebaliknya sesiapa berazam untuk melakukan kejahatan namun belum melakukan, maka tidak ditulis sebagai dosa, namun jika dia melakukannya maka ditulislah sebagai satu dosa untuknya." (Hadis Riwayat Muslim).

Pelatih juga mengalami perubahan tingkah laku dalam hubungannya bersama keluarga di mana pelatih mengakui lebih menyayangi ibu bapa dengan min=4.47 (sebelum) kepada min=4.61 (selepas). Ini adalah sangat selari dengan ajaran Islam di mana Islam mengajarkan umatnya supaya berbuat baik kepada ibu bapa sebagaimana ayat al-Quran dalam Surah al-Isra ayat 23 yang bermaksud : “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu,

maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

Pelatih turut berubah dan menjadi lebih rajin terutamanya pada item “Saya sapu sampah tanpa disuruh (sebelum min =3.54, selepas min=4.06), diikuti item “Saya mencuci tandas tanpa disuruh’(sebelum min =3.45, selepas min=3.77), dan item “Saya ikuti program gotong-royong dengan sukarela” (sebelum min =3.36, selepas min=3.65). Selain itu, kajian ini turut mendapati pelatih semakin rajin menjaga kesihatan dengan melakukan senaman. Tujuan bersenam adalah untuk menyihatkan tubuh badan (min=3.95 sebelum kepada min=4.13 selepas) dan mengurangkan tekanan (min=3.77 sebelum kepada min=4.00 selepas). Amalan menjaga kebersihan tempat tinggal adalah merupakan sunnah Rasulullah sehingga baginda bersabda yang bermaksud “Kebersihan itu adalah sebahagian daripada keimanan”(Hadis riwayat al-Muslim)

Jadual 2 : Perubahan Tingkah Laku (Sebelum dan Selepas) Menjalani Pemulihan

No	Perkara	Kekerapan dan Peratus (%)					Min	SP
		(STS)	(TS)	(SS)	(S)	(SS)		
D1 Sebelum	Saya yakin Qiyamullail (solat pada waktu malam) menjadikan hati saya tenang	2 (4.5)	-	9 (20.5)	21 (47.7)	12 (27.3)	3.93	0.94
D1 Selepas	Saya yakin Qiyamullail (solat pada waktu malam) menjadikan hati saya tenang	-	-	3 (6.8)	25 (56.8)	16 (36.4)	4.29	0.59
D2 Sebelum	Saya yakin berzikir menjadikan hati saya tenang dan tenteram	1 (2.3)	-	5 (11.4)	22 (50.0)	16 (36.4)	4.18	0.81
D2 Selepas	Saya yakin berzikir menjadikan hati saya tenang dan tenteram	-	-	1 (2.3)	22 (50.0)	21 (47.7)	4.45	0.54
D3 Sebelum	Saya berusaha menjadi lebih baik	1 (2.3)	4 (9.1)	9 (20.5)	14 (31.8)	16 (36.4)	3.90	1.07
D3 Selepas	Saya berusaha menjadi lebih baik	-	-	4 (9.1)	18 (40.9)	22 (50.0)	4.40	0.65
D4 Sebelum	Saya bercakap kepada diri saya sendiri bahawa saya boleh berjaya	3 (6.8)	-	7 (15.9)	18 (40.9)	16 (36.4)	4.00	1.07
D4 Selepas	Saya bercakap kepada diri saya sendiri bahawa saya boleh berjaya	1 (2.3)	-	4 (9.1)	19 (43.2)	20 (45.5)	4.29	0.82
D5 Sebelum	Saya menjauhkan diri dari perbuatan yang mendatangkan dosa	1 (2.3)	2 (4.5)	12 (27.3)	18 (40.9)	11 (25.0)	3.81	0.94
D5 Selepas	Saya menjauhkan diri dari perbuatan yang mendatangkan dosa	-	-	7 (15.9)	21 (47.9)	16 (26.4)	4.20	0.70
D6 Sebelum	Saya menyayangi ibu bapa saya	1 (2.3)	-	1 (2.3)	17 (38.6)	25 (56.8)	4.47	0.76
D6 Selepas	Saya menyayangi ibu bapa saya	-	-	1 (2.3)	15 (34.1)	28 (63.6)	4.61	0.53
D7 Sebelum	Saya sedar kelemahan diri saya	2 (4.5)	-	6 (13.6)	24 (54.5)	12 (27.3)	4.00	0.91
D7 Selepas	Saya sedar kelemahan diri saya	2 (4.5)	-	1 (2.3)	25 (56.8)	16 (36.4)	4.20	0.87
D8 Sebelum	Saya percaya Allah akan membantu saya jika mengingati-Nya	-	-	1 (2.3)	19 (43.2)	24 (54.5)	4.52	0.54
D8 Selepas	Saya percaya Allah akan membantu saya jika mengingati-Nya	-	-	-	16 (36.4)	28 (63.6)	4.63	0.48
D9 Sebelum	Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik untuk saya	-	-	1 (2.3)	22 (50.0)	21 (47.7)	4.45	0.54
D9 Selepas	Rasulullah SAW adalah contoh ikutan terbaik untuk saya	-	-	1 (2.3)	17 (38.6)	26 (59.1)	4.56	0.54
D10 Sebelum	Saya cekal apabila menghadapi ujian	-	6 (13.6)	10 (22.7)	17 (38.6)	11 (25.0)	3.75	0.99
D10 Selepas	Saya cekal apabila menghadapi ujian	-	1 (2.3)	7 (15.9)	19 (43.2)	17 (38.6)	4.18	0.78
D11 Sebelum	Saya akan berusaha dengan sebaik mungkin untuk menyelesaikan masalah	-	1 (2.3)	7 (15.9)	25 (56.8)	11 (25.0)	4.04	0.71

D11 Selepas	Saya akan berusaha dengan sebaik mungkin untuk menyelesaikan masalah	-	1 (2.3)	3 (6.8)	24 (54.5)	16 (36.4)	4.25	0.68
D12 Sebelum	Saya rela dan bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik	1 (2.3)	-	13 (29.5)	16 (36.4)	14 (31.8)	3.95	0.91
D12 Selepas	Saya rela dan bersedia untuk berubah ke arah yang lebih baik	-	-	3 (6.8)	19 (43.2)	22 (50.0)	4.43	0.62
D13 Sebelum	Saya bersenam untuk menyihatkan tubuh badan	-	2 (4.5)	6 (13.6)	28 (63.6)	8 (18.2)	3.95	0.71
D13 Selepas	Saya bersenam untuk menyihatkan tubuh badan	-	1 (2.3)	3 (6.8)	29 (65.9)	11 (25.0)	4.13	0.63
D14 Sebelum	Saya bersenam untuk mengurangkan tekanan	-	2 (4.5)	13 (29.5)	22 (50.0)	7 (15.9)	3.77	0.77
D14 Selepas	Saya bersenam untuk mengurangkan tekanan	-	1 (2.3)	9 (20.5)	23 (52.3)	11 (25.0)	4.00	0.74
D15 Sebelum	Saya ikuti program gotong royong dengan suka rela	2 (4.5)	3 (6.8)	18 (40.9)	19 (43.2)	2 (4.5)	3.36	0.86
D15 Selepas	Saya ikuti program gotong royong dengan suka rela	2 (4.5)	2 (4.5)	9 (20.5)	27 (61.4)	4 (9.1)	3.65	0.88
D16 Sebelum	Saya sapu sampah tanpa disuruh	2 (4.5)	5 (11.4)	9 (20.5)	23 (52.3)	5 (11.4)	3.54	0.99
D16 Selepas	Saya sapu sampah tanpa disuruh	-	-	7 (15.9)	27 (61.4)	10 (22.7)	4.06	0.62
D17 Sebelum	Saya mencuci tandas tanpa disuruh	2 (4.5)	6 (13.6)	11 (25.0)	20 (45.5)	5 (11.4)	3.45	1.02
D17 Selepas	Saya mencuci tandas tanpa disuruh	-	3 (6.8)	10 (22.7)	25 (56.8)	6 (13.6)	3.77	0.77

Secara umumnya hasil kajian secara jelas menunjukkan berlaku perubahan positif dalam tingkah laku pelatih selepas menjalani proses pemulihan di RP MAIS. Perubahan positif itu merangkumi peningkatan dalam aspek keimanan, amalan spiritual, motivasi diri, hubungan dengan keluarga serta lebih berminat melibatkan diri dalam aktiviti gotong royong dan kebersihan.

Keberkesanan Modul Transformasi Ehsan Dari Aspek Perubahan Tingkah Laku Kesan Latihan

Jadual 3 secara umumnya menunjukkan responden memberi respons yang baik terhadap latihan atau modul yang diterima sewaktu menjalani proses pemulihan kerana nilai min semuanya adalah sangat baik (nilai min antara 4.15-4.61). Perubahan tingkah laku paling ketara adalah pada item 'Selepas mengikuti program ini saya lebih sayang dan menghargai keluarga saya'(min=4.61), diikuti item 'Saya bersedia melakukan perubahan ke arah kebaikan', Saya bersedia menyahut cabaran dalam hidup' dan 'pengetahuan saya berkaitan ilmu agama meningkat' yang masing-masing mencapai min=4.29. Dapatan kajian juga mendapati pelatih mengakui dapat menggunakan kemahiran yang baharu yang diperlukan dalam urusan harian (min=4.15).

Jadual 3 : Perubahan Tingkah Laku Kesan Latihan

No	Perkara	Peratus(%)/ Kekerapan Penggunaan					Min	SP
		(ATM)	(TM)	(S)	(M)	(AM)		
E1	Selepas mengikuti program ini saya lebih sayang dan menghargai keluarga saya	1 (2.3)	-	2 (4.5)	9 (20.5)	32 (72.7)	4.61	0.78
E2	Saya dapat menggunakan kemahiran yang baharu yang saya perlukan dalam urusan harian	-	2 (4.5)	6 (13.6)	19 (43.2)	17 (38.6)	4.15	0.83
E3	Saya bersedia menyahut cabaran dalam hidup	-	-	7 (15.9)	17 (38.6)	20 (45.5)	4.29	0.73
E4	Saya bersedia melakukan perubahan ke arah kebaikan	1 (2.3)	1 (2.3)	4 (9.1)	16 (36.4)	22 (50.0)	4.29	0.90
E5	Pengetahuan saya berkaitan ilmu agama meningkat	-	1 (2.3)	5 (11.4)	18 (40.9)	20 (45.5)	4.29	0.76

Dapatan ini menjelaskan bahawa kesan positif berlaku kepada pelatih terutama berkaitan hubungan kekeluargaan sehingga lebih menghargai ibu bapa. Dapatan juga menunjukkan terdapat kesan positif dari sudut kekuatan dalaman diri pelatih di mana pelatih bersedia merubah diri, berani menyahut cabaran dan berupaya meningkatkan pengetahuan agama.

Analisis Keberkesanan Modul Transformasi Ehsan

Kajian ini memilih analisis data menggunakan ujian statistik inferens melalui ujian *Wilcoxon* (ujian bukan parametrik / *non probability sampling*) bagi menentukan kesan perubahan sebelum dan selepas menjalani proses pemulihan menerusi Modul Transformasi Ehsan. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan sebelum dan selepas mengikuti Latihan menggunakan MTE pada purata min iaitu 134.9545 (sebelum) kepada 167.1136 (selepas).

Pada asasnya hipotesis kajian diterima dengan perbezaan nilai min adalah signifikan pada aras 0.00 ($p \leq 0.05$). Oleh itu dapat dikatakan terdapat kesan perubahan sebelum dan selepas menjalani Modul MTE dalam kalangan responden.

NPar Test

Descriptive Statistics

	N	Mean	Std. Deviation	Minimum	Maximum
Sebelum Modul	44	134.9545	18.94294	83.00	191.00
Selepas Modul	44	167.1136	16.22690	133.00	220.00

Wilocoxon. Signed Ranks Test

Descriptive Statistics

		N	Mean Rank	Sum of Ranks
Sebelum Modul -	Negative Ranks	0[a]	.00	.00
Selepas Modul	Positive Ranks	44[b]	22.50	990.00
	Ties	0[c]		
	Total	44		

a. Selepas Modul < Sebelum Modul
b. Selepas Modul > Sebelum Modul
c. Selepas Modul = Sebelum Modul

Rajah 1 : NPar Tests

Test Statistic[a]

	Selepas Modul – Sebelum Modul
Z	-5.781[b]
Asymp. Sig. (2-tailed)	.000

a. Wilcoxon Signed Ranks Test
b. Based on Negative Ranks.

Rajah 2 : Test Statistics

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati tahap Keberkesanan Modul Transformasi Ehsan di Rumah Pemulihan MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman) berada pada tahap yang baik. Ini kerana berlaku peningkatan nilai min pada item sebelum (134.9545) dan selepas (167.1136) menjalani pemulihan di RP MAIS. Secara keseluruhannya, pelatih mengalami perubahan tingkah laku yang lebih baik di mana dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW. Pelatih juga didapati mengakui amalan spiritual seperti qiamullail dan berzikir dapat memberi ketenangan kepada jiwa. Pelatih juga menerima kesan positif pada perubahan tingkah laku apabila berjaya meningkatkan motivasi diri untuk menjadi insan yang lebih baik, cekal menghadapi ujian, yakin dengan kebolehan diri dan memasang azam yang kukuh. Menjalani pemulihan turut memberi kesedaran kepada pelatih agar lebih menghargai dan menyayangi ibu bapa. Kajian ini mendapati pelatih juga berubah menjadi semakin rajin menjaga kebersihan tempat tinggal dan bersenam bagi meningkatkan kesihatan dan kecergasan diri. Dapatan ini diharapkan dapat memberi gambaran bahawa modul MTE yang diimplementasikan di RP MAIS menyumbang sesuatu yang bermakna kepada kehidupan pelatih. Ini juga menunjukkan MAIS sentiasa komited dalam membantu masyarakat untuk kembali ke pangkal jalan dan mengamalkan ajaran Islam serta akhlak mulia dalam kehidupan.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan ditujukan kepada MAIS yang menaja penyelidikan bertajuk Kajian Keberkesanan Modul Istitabah & Transformasi Ehsan dalam Kalangan Pelatih di Baitul Ehsan & Baitul Iman Rumah Pemulihan MAIS.

RUJUKAN

Adibah Bahori & Siti Zubaidah Ismail (2018). Pencegahan dan Hukuman Perbuatan Buang Bayi Menurut Perundangan Syariah dan Sivil di Malaysia : Cukupkah Undang-undang yang ada?. *30 Kanun (2). 339-362.*

Afifah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi (2021). Kes Pembuangan Bayi di Malaysia dan Penyelesaiannya: Satu Kajian Analisis Kandungan Berita dan Artikel Semasa. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan 2021. Bil. 3. Jilid 1. : 201-215.*

Alexander R. Bazazi, Jeffrey A. Wickersham, Martin P. Wegman, Gabriel J. Culbert, Veena Pillai, Roman Shrestha, Haider Al-Darraji, Michael M. Copenhaver, Adeeba Kamarulzaman, & Frederick L. Altice (2017). Design and implementation of a factorial randomized controlled trial of methadone maintenance therapy and an evidence-based behavioral intervention for incarcerated people living with HIV and opioid dependence in Malaysia. *Contemp Clin Trial.* 59 : 1-12.

al-Muslim (821-875M) Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi (1998). *Sahih Muslim*. Riyad : Dar al-Salam.

Azahar Che Latiff, Balan Rathakrishnan, Norhamidah Jarimal, Siti Noor Fazariah Suis & Surianti Lajuma (2017). Perkaitan antara Perapatan Ibubapa dan Rakan Sebaya dengan Penglibatan Remaja dalam Penyalahgunaan Dadah di Sabah. Southeast Asia Psychology Journal Vol. 5. Universiti Utara Malaysia.

Azizi Hj. Yahaya Mohd. Anuar Abd Rahman Abd Rahim Hamdan Yusof Boon (2012) Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauhmanakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita

Membantu Proses Pemulihan? Jabatan Pendidikan Asas Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor.

Fitri Munawaroh Zailani, Muhamad Faisal Ashaari & Salasiah Hanin Hamjah (2023). Pelaksanaan Modul Transformasi Ehsan di Rumah Pemulihan MAIS (Baitul Ehsan dan Baitul Iman). Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences. Volume 6 , Issue 3 : 129-145

Ibn Hisyam, Abd. Al-Malik (1995). *al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibn Hisyam*. Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

Kamaruzaman Moidunny (2009). *Keberkesanan program kelayakan profesional kepengetuaan kebangsaan (NPQH).* Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamus Dewan (1996) Ed. ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Sooed. 2020. Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional. *Jurnal Komunikasi : Malaysian Journal of Communication. Jilid 36 (3) 2020 : 296-311.*

Khadijah Alavi, Mohammad Syahrul Azha Sooed & Al-Azmi Bakar (2018). *Love Scam* di Selangor : Satu Penerokaan Terhadap Modus Operandi Jenayah Siber ke Atas Wanita Profesional. *Jurnal Pembangunan Sosial. Jilid 21 (September) 2018 : 105-122.*

Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor (2019). Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. Islamiyyat 41(1) 59 – 68

Kirkpatrick, D.L. (1975). *Evaluating Training Programs*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.

Kirkpatrick, D.L. (1987). Techniques for Evaluating Training Programs, Part 1: Reaction. Dlm. Kirkpartcick D.L. (pnyt.). *Evaluating Training Programs: A Collection of Articles from Training and Development Journal*. USA: American Society for Training and Development.

Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating Training Programs-The Four Levels.* Edisi Pertama. San Francisco: Berret-Koehler Publishers, Inc.

Kirkpatrick, D. L. (1996). Great ideas revisited. *Training and Development Journal* 50(1): 54-59.

Kirkpatrick, D. L. (2000). *Evaluating Training Programs: The Four Levels - The ASTD Handbook of Training Design and Delivery*. New York: McGraw-Hill.

Malesa Shela Tay'ib (2014). Transformasi Teknologi Komputer Mempengaruhi Gerakan Koperasi Masa Kini, Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Timur, Dimensi KOOP, Bil. 44 : 4-9

Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani (2019) Faktor Penglibatan Remaja Hamil Luar Nikah dalam Salah Laku Seksual di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 4(2), 94-109.

Mariam Abd. Majid, Zainab Ismail, Aisyah Humairak Abdul Rahman, Abur Hamdi Usman, Noraini Mohamad, Noor Hafizah Mohd Haridi, Nurzatil Ismah Azizan & Gazali Gazali (2022). Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia. *Journal of Human Capital Development, vol. 15 (1) 2022 : 1-19.*

Mohamad Shahbani Sekh Bidin & Fuziah Shaffie (2019). Voluntary Sex, Rape and Incest among Unmarried Pregnant Female Adolescents in Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial. Jilid 22 : 51-64.*

Mohd Mahyeddin Mohd Salleh, Nisar Mohammad Ahmad, Nur Mohammad Hadi Zahalan (2018). Pengurusan dan Perlindungan Anak Tak Sah Taraf Melalui 'Baby Hatch': Satu Penilaian daripada Perspektif Maqasid Syariah dan Undang-undang Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities. Vol. 13 (May) 2018 : 87-102.*

Mohd Makhi Adnan (2020). Keberkesanan Modul Transformasi Ehsan, Bangi. Temu bual, 8 Oktober.

Muhammad Adnan Pitchan & Siti Zobidah Omar (2019). Dasar Keselamatan Siber Malaysia. Tinjauan Terhadap Kesedaran Netizen dan Undang-undang. *Jurnal Komunikasi : Malaysian Journal of Communication. Jilid 35(1) 2019 : 103-119.*

Mohamad Atiq Aziddin (2018). Metode Bimbingan Islami di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Perempuan Baitul Ehsan Di Daerah Sabak Bernam Selangor Malaysia. Skripsi thesis, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan.

Nabilah Huda Zaim, Norsaleha Mohd Salleh & Zuliza Mohd Kusrin (2020). Elemen Kesejahteraan Keluarga Islam dalam Menangani Penderaan Seksual Kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Islam. Vol. 13(2) Nov 2020 : 35-49.*

Nadiah Mohd Zin & Rositah Kambol (2022). Sumbang Mahram (INSES): Satu Perbandingan antara Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance. Vol. 4(1) 2022: 16-29.*

al-Nasa'i (m.303H) 'Abd al-Rahman Ahmad Bin Syuaib Bin 'Ali al-Khurasani al-Nasa'i (1995). Sunan al-Nasa'i. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiah.

Nor Hasimah Ismail, Dayang Nur Amirah Awang Halifah & Mardzelah Makhsin (2022). Faktor Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counselling. Vol. 7. Issue 46. (June 2022), 674-685.*

Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Raihanah Abdullah & Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2017). Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita : Kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari, 9(2) (2017) : 261-274.*

Pamplet Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan (2014). Selangor: Unit Ar- Riqab Majlis Agama Islam Selangor.

Rosmidah Nuruhuda Ishak (2011) Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan dari Aspek Pengalaman dan Impak Program Keagamaan Terhadap Pelatih Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dengan Kepujian Jabatan Sains Sosial Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Islam Sultan Zainal Abidin (Unisza), Terengganu.

Safiyyur Rahman al-Mubarakfuri (2022). Ar-Rahiq al-Makhtum Sirah Nabawiyyah. Batu Caves : PTS Publishing House Sendirian Berhad.

Salasiah Hanin Hamjah & Noor Shakirah Mat Akhir (2014). Islamic Approach in Counseling. *Journal of Religion and Health*. 53 (1) : 279-289

Sekaran, U. (2003). Research Methods for Business: A Skill-Building Approach. 4th Edition, New York : John Wiley & Sons.

Zalmizy Hussin & Siti Rohana Ahmad (2021). Identiti Maskuliniti (Kejantanan) Terhadap Keinginan untuk Berlumba dalam Kalangan Mat Rempit di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 18 (5) 2021 : 109-121.*

Zulkufli Ismail & Azmi Aziz (2019). Jenayah Cinta Siber di Malaysia : Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa. *Journal of Social Sciences and Humanities. Vol. 16. No.4. 1-10*

PELAKSANAAN PENDIDIKAN KHAS UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR KELOLAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

Norshidah Mohamad Salleh, Khadijah Abdul Razak, Manisah Mohd Ali, Harun Baharudin, Mohd. Khairi Haji Hussin & Siti Muhibah Hj. Nor

PELAKSANAAN PENDIDIKAN KHAS UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR KELOLAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

Norshidah Mohamad Salleh[1], Khadijah Abdul Razak[2], Manisah Mohd Ali[3], Harun Baharudin[4], Mohd. Khairi Haji Hussin[5] & Siti Muhibah Hj. Nor[6]

[1,2,3,4]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
[5]Kolej Pendidikan Perdana
[6]Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

ABSTRAK

Peningkatan murid berkeperluan khas (MBK) di Sekolah-sekolah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menunjukkan terdapat keperluan Pendidikan Agama Islam untuk MBK. Mereka mempunyai hak yang sama seperti anggota masyarakat yang lain serta diberi perlindungan supaya kepentingan, hak istimewa dan kesejahteraan orang kurang upaya (OKU) terpelihara. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pendidikan agama untuk MBK serta mengenal pasti tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan pendidikan khas di Sekolah Rendah Agama (SRA). Kesediaan pihak JAIS, Guru Besar (GB) dan guru melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK dari aspek peruntukan kewangan, kemudahan fizikal/infrastruktur, kurikulum dan sumber (manusia dan bukan manusia) juga dikaji. Kajian tinjauan ini melibatkan 70 orang guru dan 16 orang GB yang mempunyai MBK di SRA Negeri Selangor. Satu set soal selidik diedarkan kepada sampel guru dan GB. Protokol temu bual kumpulan fokus bersama empat orang pegawai JAIS dijalankan. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif melibatkan kekerapan dan peratusan sementara data kualitatif ditranskripsi secara verbatim dan dikelompokkan mengikut tema-tema yang wujud. Dapatan kajian menunjukkan tahap persetujuan GB dan guru yang tinggi terhadap keperluan MBK mendapatkan pendidikan agama di SRA Negeri Selangor. Kajian ini mempunyai implikasi kepada aspek peningkatan profesional guru dalam pengajaran untuk MBK, peningkatan komitmen pihak sekolah serta kerjasama ibu bapa dan seluruh warga sekolah. Kajian ini mencadangkan pendekatan al-Takamuliyyah dan al-Damjiyyah dilaksanakan di SRA untuk memberi peluang kepada MBK di Negeri Selangor belajar bersama dengan rakan-rakan lain sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Islam JAIS.

Kata Kunci: *Murid Berkeperluan Khas (MBK), Pendidikan Khas, Sekolah Rendah Agama (SRA), Orang Kurang Upaya (OKU), murid tipikal.*

PENGENALAN

Keperluan terhadap pendidikan untuk orang kurang upaya (OKU) yang diperjuangkan oleh pelbagai pihak, mendapat perhatian dan disokong di peringkat antarabangsa apabila UNICEF (United Nation, 2006) mengumumkan pelbagai deklarasi menerusi konvensyen yang dijalankan di beberapa buah negara di dunia ini. Antaranya ialah *Convention on the Rights of the Child* pada tahun 1989*, The World Declaration on Education for All (Jomtien Declaration)* pada tahun 1990 dan *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* pada tahun 2007 (Norshidah, Aliza dan Zalizan, 2012: KPM 2018). Deklarasi "Hak Asasi Manusia" yang digagaskan pada tahun 1948, merupakan titik tolak kepada perjuangan tentang keperluan individu untuk mendapatkan hak

mereka dalam kehidupan dari segi politik, ekonomi, perlindungan dan pendidikan. Peluang dan hak OKU mendapatkan pendidikan telah diperkukuhkan menerusi deklarasi Jomtien pada tahun 1990 tentang pendidikan untuk semua dan juga menerusi *Convention on the Rights of Persons with Disabilities* pada tahun 2006. Menerusi konvensyen tersebut semua negara di dunia digesa untuk menyediakan rangka pendidikan yang percuma kepada semua individu OKU khususnya di peringkat sekolah rendah. Pendidikan yang disarankan untuk murid berkeperluan khas (MBK) yang perlu disediakan sama seperti mana untuk kanak-kanak yang lain dari segi kualiti dan ekuiti (UNICEF 1989).

Negara Malaysia telah mengambil langkah yang aktif berdasarkan saranan dan deklarasi di peringkat antarabangsa dengan menyediakan peluang pendidikan kepada semua MBK dalam sistem pendidikan negara di peringkat sekolah rendah dan menengah. Pendidikan khas di sediakan di sekolah pendidikan khas atau program pendidikan khas integrasi supaya MBK mendapat peluang mengikuti pembelajaran menerusi kurikulum yang sama dengan murid tipikal atau kurikulum alternatif yang dibangunkan khusus untuk MBK yang tertentu. Namun begitu, program pendidikan khas ini hanya terbatas di sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia sahaja.

Pada masa kini kesedaran terhadap pendidikan agama telah mendapat tempat dalam kalangan ibu bapa untuk menyekolahkan anak mereka di sekolah agama. Ini terbukti melalui penubuhan sekolah aliran agama dan sekolah tahfiz persendirian di seluruh negara yang sangat pesat perkembangannya (Mohd Roslan et. al 2011). Ibu bapa anak OKU juga mempunyai kesedaran tentang kesepaduan pendidikan akademik dengan pendidikan agama. Mereka telah mendaftarkan anak OKU mereka di sekolah agama walaupun sekolah agama tersebut tidak menyediakan program pendidikan khas khusus untuk MBK. Data yang diperoleh daripada Unit KAFA, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menunjukkan sekolah rendah agama (SRA) di setiap daerah di negeri Selangor mempunyai MBK (rujuk Jadual 1). Perkembangan ini menunjukkan terdapat keperluan untuk sekolah agama negeri menawarkan program pendidikan khas untuk MBK khususnya di negeri Selangor.

PENYATAAN MASALAH

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memainkan peranan yang penting dalam penyediaan program pendidikan khas dalam sistem pendidikan negara. Peluang pendidikan terbuka kepada MBK untuk semua kategori iaitu MBK penglihatan, pendengaran dan pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Pada tahun 1948, kerajaan telah menubuhkan sebuah sekolah rendah yang pertama iaitu SRPK Princess Elizabeth di Johor khusus untuk MBK penglihatan. Pelaksanaan program pendidikan khas yang bermula dengan penubuhan sekolah pendidikan khas telah diperluaskan ke sekolah arus perdana menerusi program pendidikan khas integrasi (*mainstreaming*) dan inklusif untuk MBK kategori penglihatan, pendengaran dan pembelajaran. KPM telah menggubal Dasar Pendidikan Khas untuk MBK berdasarkan beberapa deklarasi di peringkat antarabangsa seperti '*United Nation's World Programme of Action Concerning Disabled Person*' pada tahun 1983, '*The World's Declaration on Education for All*' pada tahun 1990, '*The Framework for Action on Special Needs Education* (*Salamanca Statement*)' pada tahun 1994 dan beberapa deklarasi lain (Norshidah, Aliza dan Zalizan, 2012; KPM 2018) serta Akta OKU 2018. Dasar Pendidikan Khas ini adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti dan dapat diakses oleh semua MBK dengan harapan mereka dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk hidup berdikari.

Mulai tahun 2019, KPM telah mengeluarkan arahan kepada semua sekolah untuk menerima pendaftaran MBK selaras dengan pendemokrasian pendidikan. Kerajaan Malaysia memperuntukan bantuan kewangan untuk membantu pihak sekolah menyediakan kemudahan dan sokongan pembelajaran yang sesuai untuk keperluan MBK. Dasar tersebut membolehkan MBK mendapat hak dan peluang pendidikan yang sama seperti kanak-kanak yang lain di mana-mana sekolah di bawah KPM.

Walaupun dasar KPM yang mewajibkan semua sekolah menerima MBK, tetapi dasar ini adalah berkecuali untuk sekolah agama negeri (SAN) dan sekolah swasta. Tinjauan awal oleh pihak JAIS di negeri Selangor menunjukkan hampir semua SRA di negeri Selangor mempunyai MBK yang mendaftar untuk mengikuti pengajian. Jadual 1 menunjukkan di SRA di negeri Selangor bagi semua daerah di negeri Selangor terdapat ramai MBK. Daerah yang paling ramai MBK ialah daerah Kuala Selangor (78.8%).

Jadual 1 : Maklumat SRA yang mempunyai MBK di Negeri Selangor Tahun 2019

Bil	Daerah	Bil. SRA	Bil. SRA mempunyai MBK	% SRA mempunyai MBK
1	Kuala Langat	25	17	68.0
2	Gombak	13	4	30.8
3	Hulu Langat	33	11	33.3
4	Kuala Selangor	33	26	78.8
5	Petaling	24	9	37.5
6	Sabak Bernam	32	12	37.5
7	Sepang	18	5	27.8
8	Klang	29	10	34.5
9	Hulu Selangor	20	2	10.0
JUMLAH		**227**	**96**	**35.4**

Sumber : Bahagian Pendidikan Islam, JAIS

Maklumat Jadual 1, menunjukkan keperluan pembelajaran MBK di SRA adalah tinggi. Kesedaran yang tinggi dalam kalangan ibu bapa yang mahukan anak OKU mereka mendapat pendidikan agama yang mantap di sekolah aliran agama menyebabkan ramai yang telah mendaftar anak mereka di sekolah agama negeri. Namun begitu, sebahagian besar daripada MBK menghadapi masalah penempatan di SRA kerana kebanyakan sekolah tersebut belum lagi bersedia menerima MBK. Ketidaksediaan pihak sekolah untuk menerima MBK adalah disebabkan di semua SRA Selangor belum lagi menawarkan program pendidikan yang khusus untuk MBK. Walaupun pihak JAIS tidak mempunyai dasar tentang pendidikan MBK di SRA dan SAN Selangor seperti mana dasar berkaitan pendidikan khas untuk MBK oleh KPM, namun Falsafah Pendidikan JAIS yang menyebut ‘Pendidikan Islam JAIS adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketerampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan wahyu Allah dan sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat’ (JAIS 2021), tidak menyekat penempatan MBK di SRA Selangor.

Falsafah Pendidikan JAIS ini tidak menafikan peluang dan hak MBK untuk mendapatkan pendidikan aliran agama di SRA di Selangor selari dengan dasar KPM tentang hak dan peluang pendidikan yang sama kepada MBK. Namun begitu adakah penempatan MBK di SRA tersebut memberi faedah kepada MBK untuk mempelajari ilmu yang ditawarkan. Segala keperluan pembelajaran mereka sama ada dapat dipenuhi atau tidak oleh pihak sekolah menjadi isu yang perlu

diberi perhatian. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk meninjau sejauh mana pihak JAIS dan SRA di negeri Selangor bersedia menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pembelajaran kepada MBK. Diharapkan pelaksanaan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor oleh JAIS akan menjadi perintis dan contoh kepada negeri-negeri lain dalam penawaran pendidikan khas dalam aliran agama secara formal kepada MBK yang beragama Islam di Malaysia.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membuat penilaian secara menyeluruh tentang keperluan dan kesediaan pihak JAIS untuk melaksanakan pendidikan khas di SRA di Negeri Selangor untuk MBK. Maklumat kajian ini dapat membantu pihak JAIS untuk menggubal polisi berkaitan penawaran pendidikan khas untuk MBK di SRA di Selangor. Berikut adalah objektif bagi kajian ini:

i. Mengenal pasti keperluan melaksanakan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK.
ii. Mengenal pasti jenis keperluan dalam melaksanakan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK
iii. Mengenal pasti tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK.
iv. Mengenal pasti kesediaan pihak JAIS, Guru Besar dan guru melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK.

SKOP KAJIAN

Fokus kajian ini ialah mengenal pasti keperluan dan jenis keperluan untuk melaksanakan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK. Selain itu kajian juga berfokus kepada kesediaan guru JAIS dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan pendidikan khas. Skop kajian juga mencakupi kesediaan Guru Besar, guru dan pihak JAIS melaksanakan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK dari aspek peruntukan kewangan, kemudahan fizikal/infrastruktur, kurikulum dan sumber (manusia dan bukan manusia).

TINJAUAN LITERATUR

Pendidikan Agama untuk Orang Kurang Upaya

Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang juga memerlukan pendidikan seperti orang lain. Mereka mempunyai kesamarataan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak dan juga perlindungan perlu diperjuangkan bagi menjamin kepentingan, keistimewaan dan kesejahteraan OKU. Namun penyisihan terhadap golongan OKU tetap berlaku dari aspek sosial, ekonomi, fasiliti dan pendidikan (Siti Hajar et al 2012). Namun begitu, pendidikan merupakan aspek yang sangat penting yang diperlukan oleh manusia untuk berjaya dalam kehidupan.

Asmawati Suhid et al. (2015), menyatakan bahawa mata pelajaran pendidikan Islam wajib diambil oleh semua murid Islam di Malaysia bersandarkan kepada pendidikan untuk semua. Ini bermaksud pendidikan agama juga perlu dipelajari oleh MBK. Bertepatan dengan sistem yang digunakan dalam pendidikan Kelas JAIS di mana ia memberikan perkhidmatan pendidikan agama secara menyeluruh kepada semua murid yang beragama Islam. Semua bidang pendidikan yang diberikan

adalah mencakupi semua aspek yang diperlukan dalam amalan harian murid termasuklah MBK. Bagi menjadikan manusia itu mempunyai ilmu, berkemahiran dan mempunyai keperibadian yang tinggi, ia memerlukan kepada proses pendidikan yang perlu diterapkan di sekolah, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan (NGO) agar proses pendidikan sentiasa berkembang dalam diri manusia.

Tuntutan ibadah menjadi kewajipan bagi setiap Muslim yang mukallaf termasuk OKU yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim tanpa mengira keadaan individu itu sempurna ataupun tidak, sakit ataupun sihat, kaya atau miskin dan sebagainya selagi ia masih berakal dan berfikiran waras. Mohd Huzairi et al. (2019) menjelaskan, komuniti perlu diberi tumpuan tentang perkara berkaitan asas agama iaitu fardu ain. Walupun terdapat perbezaan dan kelainan keupayaan individu, tidak boleh menafikan hak dan keperluan mereka untuk mendapat pengetahuan agama. Justeru, sekolah merupakan institusi yang dapat memenuhi keperluan mempelajari agama di mana MBK yang beragama Islam dapat mengikuti pendidikan Islam menerusi kurikulum yang diajar di sekolah seawal pendidikan prasekolah secara formal.

Pelaksanaan Pendidikan Islam untuk MBK

Pendidikan Islam merupakan tunjang kepada proses pembinaan individu. Ia akan membawa kepada penyuburan asas keimanan dan ketakwaan serta penghayatan kepada Allah. Kegagalan memahami dan menguasai ilmu asas agama akan memberi kesan yang besar dalam kehidupan muslim disebabkan ia mempunyai implikasi terhadap tujuan penciptaan manusia iaitu penyerahan dan pengabdian diri kepada Allah (Mohd Huzairi et al. 2012).

Izuli dan Asmawati (2018) menjelaskan bahawa perkara penting yang perlu diberi keutaman untuk menghasilkan modal insan OKU adalah aspek tadbir urus Pendidikan Islam. Aspek tadbir urus yang perlu diberi perhatian adalah dari sudut kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ia perlu dipertingkatkan melalui kurikulum yang sesuai, kemahiran tenaga pengajar, akses kepada pendidikan, penyelidikan dan pembangunan. Menurut Siti Rahmah et al. (2019), antara faktor yang menjadi kekangan kepada MBK untuk memahami ajaran Islam ialah masalah komunikasi, fasiliti dan kemudahan yang mesra OKU. Bahan bantu mengajar yang tidak sesuai dengan aras pengajaran dan penilaian memberi kesan terhadap prestasi MBK di sekolah berbanding rakan yang tipikal. Selain itu tidak ada kesinambungan pembelajaran di rumah dan kurang peranan ibu bapa juga menyebabkan anak OKU ketinggalan dalam Pendidikan Agama Islam di sekolah. Pendapat ini disokong oleh Hammadah dan Mustafa (2018). Kajian mereka mendapati kurangnya infrastruktur terutama Bahan Bantu Sumber Pengajaran dalam pengajaran guru dan pembelajaran MBK tidak membantu pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan Pendidikan Islam berjalan dengan lancar.

Menurut Abd Halim et. al (2015), berdasarkan semakan keputusan PMR komuniti pekak Pendidikan Islam di Malaysia, menunjukkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut agak lemah. Ini memberi gambaran bahawa masyarakat pekak ketinggalan dalam pendidikan agama. Dalam kalangan OKU pendengaran, pengetahuan mereka tentang agama Islam sangat terbatas kerana banyak istilah agama yang tidak difahami. Ini menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk beramal seperti mana sepatutnya mengikut ajaran agama Islam (Mohd Huzairi dan Hajarul Bahti, 2010). Keadaan ini mengakibatkan tahap pendidikan, kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan OKU pendengaran adalah pada tahap yang rendah (Abdul Munir dan Nadiyah, 2008).

Terdapat banyak kajian yang dijalankan menunjukkan kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja semakin meningkat. Berlakunya gejala sosial seperti penagihan dadah, budaya seks bebas, merempit, merompak dan sebagainya adalah berpunca daripada kurangnya penghayatan agama, keruntuhan institusi keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Senario yang sama juga berlaku kepada OKU (Mohd Huzairi dan Hajarul Bahti, 2010). Kajian Mohd Huzairi (2010) juga menunjukkan OKU pendengaran yang beragama Islam tidak dapat mendalami agama Islam dengan baik. Ini menyebabkan banyak kes yang berkaitan salah laku akhlak, masalah perkahwinan dan penceraian, kemurtadan dan hal-hal lain yang berkaitan agama Islam berlaku dalam kalangan golongan masalah pendengaran di Malaysia.

Sehubungan itu, pemerkasaan pengajaran Pendidikan Islam kepada MBK perlu diberi perhatian sewajarnya kerana mereka juga adalah hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk ditunaikan. Pengajaran Pendidikan Islam kepada mereka tidak seharusnya diabaikan kerana MBK juga perlu melaksanakan tanggungjawab seorang Islam tetap wujud walaupun terdapat beberapa aspek diberi keringanan berdasarkan kemampuan fizikal dan mental yang ada pada mereka.

Dalam Konvensyen OKU Negeri Selangor pada Disember 2018, ramai ibu bapa dan penjaga menyuarakan hasrat untuk menghantar anak OKU mereka ke SRA untuk mendapatkan pendidikan dalam aliran agama. Terdapat keperluan untuk pemerkasaan pendidikan agama untuk MBK bagi menyediakan peluang untuk mereka belajar di SRA di Negeri Selangor seperti mana murid tipikal. Ini bertepatan dengan matlamat pendidikan Islam JAIS. Justeru, konsep yang diterapkan dalam pendidikan agama JAIS dapat memberi peluang kepada individu yang kurang upaya mendapatkan pendidikan agama terutama dalam pembelajaran fardhu ain sebagai amalan dan bekalan di hari Akhirat. Oleh itu, asas Pendidikan Islam dalam kalangan MBK perlu diperkasakan untuk memberi persediaan *fardhu ain* di peringkat sekolah rendah dengan penambahbaikan aspek seperti kurikulum, infrastruktur dan sumber.

KAEDAH/METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di SRA di bawah pentadbiran JAIS di negeri Selangor. Sebanyak 2 buah SRA dipilih bagi mewakili setiap daerah. Pemilihan sekolah mengikut lokasi pula adalah berdasarkan kepada sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas yang berdaftar di sekolah berkenaan. Daripada sembilan daerah di Selangor, hanya daerah Gombak tidak dilibatkan kerana tiada MBK berdaftar di SRA di daerah Gombak.

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk Guru Besar dan guru serta protokol temu bual tidak berstruktur sebagai instrumen untuk mengumpulkan data daripada responden. Responden soal selidik terdiri daripada pentadbir dan guru sekolah rendah agama JAIS di lapan daerah di Negeri Selangor. Bagi setiap sekolah, seorang pentadbir, dan 5 orang guru dipilih menjadikan seramai 16 orang pentadbir dan 70 guru terlibat sebagai responden kajian. Empat orang pegawai JAIS terlibat sebagai peserta kajian. Kutipan data adalah melalui kaedah temu bual berfokus. Pegawai JAIS yang ditemubual adalah daripada empat sektor iaitu sektor sumber manusia, sektor pembangunan/prasarana, sektor kewangan dan sektor kurikulum.

Data soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi dan peratusan. Untuk soalan terbuka dalam soal selidik, respons dikelompokkan secara bertema untuk mengenal pasti keperluan dalam pelaksanaan pendidikan khas di SRA negeri Selangor. Data kualitatif pula ditranskripsi secara verbatim dan seterusnya dikelompokkan mengikut tema-tema yang wujud.

DAPATAN KAJIAN

Keperluan melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK.

Maklumat berkaitan statistik murid di SAN Selangor yang diperoleh daripada Bahagian Pendidikan JAIS bagi taburan murid di SAN tahun 2020 menunjukkan kebanyakan sekolah agama di bawah pentadbiran dan pengurusan JAIS mempunyai MBK walaupun program pendidikan khas tidak ditawarkan di mana-mana SAN Selangor. MBK hadir di kelas-kelas biasa dan mendaftar di sekolah sebagai murid arus perdana. Jadual 2 menunjukkan bilangan MBK di SAN Selangor mengikut daerah. Sembilan daerah di negeri Selangor kecuali daerah Gombak mempunyai MBK di SRA yang berjumlah 466 orang. Begitu juga dengan KAFAI, hanya daerah Gombak sahaja yang tidak mempunyai MBK. Jumlah keseluruhan MBK di SAN Selangor ialah seramai 672 orang. Perangkaan ini jelas menunjukkan terdapat keperluan MBK mendapatkan pendidikan agama seperti mana murid lain.

Jadual 2: Data MBK Di SAN Selangor Bagi Tahun 2020

Bil	Daerah	SAN			Jumlah
		SRAI	SRA	KAFAI	
1	Hulu Selangor	0	75	15	90
2	Hulu Langat	0	43	28	71
3	Kuala Langat	0	32	7	39
4	Kuala Selangor	1	84	27	112
5	Sabak Bernam	0	114	7	121
6	Sepang	0	47	9	56
7	Gombak	1	0	0	1
9	Petaling	0	18	25	43
10	Klang	0	53	86	139
	JUMLAH	**2**	**466**	**204**	**672**

Sumber : Bahagian Pendidikan Islam, JAIS, 2020

Jadual 3 menunjukkan dapatan daripada Guru Besar (GB) dan guru berkaitan keperluan MBK mendapatkan pendidikan agama di SRA negeri Selangor. Hasil kajian mendapati GB memberikan tahap persetujuan yang tinggi terhadap keperluan MBK mendapatkan pendidikan agama di SRA negeri Selangor dengan purata nilai min pada tahap tinggi (M=3.44, SP=1.02). Dapatan ini menunjukkan GB sedar tentang hak dan keperluan MBK mendapatkan pendidikan agama di SRA Selangor.

Jadual 3 : Keperluan Pendidikan Agama Untuk MBK Di SRA Selangor Mengikut Guru Besar

Bil	Kenyataan	SS	TS	KS	S	SS	MIN	SP	Tahap
		f (%)	f (%)	f (%)	f (%)	f (%)			
1	Saya mengetahui keperluan dan hak pendidikan agama untuk MBK.	0	2 (12.5)	3 (18.8)	6 (37.5)	5 (31.3)	3.88	1.025	Tinggi
2	Saya mengetahui tentang keperluan pelan strategik sekolah bagi mengurus pengajaran dan pembelajaran MBK.	1 (6.3)	4 (25.0)	6 (37.5)	4 (25.0)	1 (6.3)	3.00	1.033	Tinggi
	JUMLAH TERKUMPUL	1 (3.15)	6 (18.73)	9 (28.15)	10 (31.25)	6 (18.8)	3.44	1.029	Tinggi

Petunjuk: STS- sangat tidak setuju; TS-tidak setuju; KS – kurang setuju; S- setuju; SS- sangat setuju

Manakala tahap persetujuan guru berkaitan keperluan pendidikan khas untuk MBK ditunjukkan seperti dalam jadual 4. Keseluruhan tahap persetujuan guru tentang keperluan pendidikan agama untuk MBK juga pada tahap tinggi (M = 3.29, SP=0.89) namun lebih rendah berbanding tahap persetujuan dalam kalangan GB.

Jadual 4: Keperluan Pendidikan Agama Di SRA Negeri Selangor Untuk MBK Mengikut Guru

Bil	Kenyataan	STS	TS	KS	S	SS	MIN	SP	Tahap
		f (%)	f (%)	f (%)	f (%)	f (%)			
1	Saya mengetahui keperluan dan hak pendidikan agama untuk MBK.	2 (2.9)	8 (11.4)	14 (20)	38 (54.3)	8 (11.4)	3.60	0.939	Tinggi
2	Saya mengetahui tentang keperluan pelan strategik sekolah bagi mengurus pengajaran dan pembelajaran MBK.	3 (4.3)	14 (20.0)	38 (54.3)	12 (17.1)	3 (4.3)	2.97	0.851	Sdn
	JUMLAH TERKUMPUL	5 (3.6)	22 (15.7)	52 (37.15)	50 (35.7)	11 (7.85)	3.29	0.895	Tinggi

Petunjuk: STS- sangat tidak setuju; TS-tidak setuju; KS – kurang setuju; S- setuju; SS- sangat setuju

Jenis keperluan dalam pelaksanaan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK

1. Keperluan Kepada Guru yang Terlatih

Maklum balas daripada GB menunjukkan hanya sebuah sekolah sahaja (6.3%) yang mempunyai guru yang terlatih daripada 16 buah SRA yang dikaji. Guru Besar daripada 15 buah sekolah (93.8%) bersetuju bahawa guru yang terlatih diperlukan untuk mengajar MBK. Dapatan kajian ditunjukkan seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Keperluan Guru Terlatih Mengikut Guru Besar

Bil	Kenyataan	Ya (f =%)	Tidak (f=(%)
1	Adakah pihak sekolah mempunyai guru yang terlatih untuk mengajar MBK?	1(6.3%	15(93.8)
2	Adakah guru yang mengajar MBK perlu diberi latihan berkaitan p. khas?	15(93.8)	1(6.3%)

2. Keperluan Khidmat Sokongan untuk MBK di Sekolah

Pelaksanaan pendidikan khas memerlukan perkhidmatan sokongan di sekolah untuk membantu MBK dan guru supaya proses PdPc berjalan dengan lancar. Hasil kajian menunjukkan hanya sebuah sekolah (6.3%) mempunyai perkhidmatan sokongan di sekolah. Manakala 15 (93.8%) buah sekolah lagi tidak ada perkhidmatan sokongan. Seramai 14 (87.5%) orang GB menyatakan perkhidmatan sokongan diperlukan di sekolah mereka untuk MBK dan 2 (12.5%) buah sekolah tidak memerlukannya. GB daripada 14 (87.5%) buah sekolah juga menyatakan bahawa sekolah mereka tidak mempunyai jaringan dengan mana-mana pihak yang berkaitan MBK berbanding 2 (12.5%) buah sekolah yang mempunyai jaringan dengan pihak tertentu. Data ditunjukkan seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6 : Keperluan Khidmat Sokongan Mengikut Guru Besar

Bil	Kenyataan	Ya (f=%)	Tidak (f(%)
1	Adakah sekolah mempunyai khidmat sokongan untuk keperluan pembelajaran MBK ?	1(6.3%)	15(93.8%)
2	Adakah pihak sekolah memerlukan khidmat sokongan untuk MBK ?	14(87.5%)	2(12.5%)
3	Adakah pihak sekolah mempunyai jaringan dengan pelbagai pihak berkaitan MBK ?	2(12.5%)	14(87.7%)

3. Keperluan Kurikulum untuk Pembelajaran MBK

Jadual 7 dan 8 menunjukkan dapatan kajian tentang keperluan kurikulum untuk pengajaran dan pembelajaran MBK di sekolah mengikut GB dan guru. Kesemua GB seramai 16 orang (100%), bersetuju bahawa kurikulum sedia ada tidak sesuai untuk pembelajaran MBK di SRA. Mereka juga bersetuju bahawa kurikulum yang baru diperlukan untuk MBK. Manakala guru pula 17 (24.29%) orang menyatakan kurikulum sedia ada sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran MBK di SRA dan 53 (75.71%) orang lagi menyatakan sebaliknya. Seramai 58 (82.86%) orang guru bersetuju bahawa kurikulum yang baru diperlukan dalam proses PdPc MBK dan hanya 12 (17.14%) orang tidak bersetuju tentang keperluan kurikulum yang baru.

Jadual 7 : Keperluan Kurikulum Mengikut Guru Besar

Bil	Kenyataan	Ya (f=%)	Tidak (f=%)
1	Adakah kurikulum sedia ada sesuai untuk pembelajaran MBK ?	0 (0%)	16 (100%)
2	Adakah diperlukan kurikulum baru untuk pembelajaran MBK ?	16(100%)	0 (0%)

Jadual 8 : Keperluan Kurikulum Mengikut Guru

Bil	Kenyataan	Ya (f=%)	Tidak(f=%)
1	Adakah kurikulum sedia ada sesuai untuk pembelajaran MBK ?	17(24.29%)	53(75.71%)
2	Adakah diperlukan kurikulum baru untuk pembelajaran MBK ?	58(82.86%)	12(17.14%)

4. Keperluan sumber kewangan dan prasarana/infrastruktur

Dua dapatan utama dikenal pasti daripada borang soal selidik iaitu keperluan sumber kewangan dan prasarana yang khusus untuk MBK yang juga merupakan cabaran utama dalam pelaksanaan pendidikan khas. Selain itu terdapat keperluan kurikulum dan alat bantu mengajar (ABM) serta keperluan guru yang mahir dan khusus untuk mengajar MBK. Dapatan soalan terbuka ini dipaparkan dalam Jadual 9.

Jadual 9 : Keperluan dalam pelaksanaan pendidikan khas di SRA negeri Selangor

Keperluan	**Responden**	**Kenyataan**
Kewangan	Guru Besar & Guru	- Memerlukan peruntukan yang besar. - Perlukan dana yang khusus
Guru Terlatih	Guru Besar & Guru	- Perlu guru yang khusus untuk mengajar MBK, - Perlu guru yang mahir mengurus MBK
Kurikulum	Guru Besar & Guru	- Memerlukan ABM yang lengkap dan bersesuaian untuk PdP - Perlukan silibus yang sesuai untuk MBK
Prasarana/ Infrastruktur	Guru Besar & Guru	- Perlu bilik yang khusus - Prasarana yang mesra OKU

Tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan pendidikan khas di SRA Selangor untuk MBK.

1. Tahap kesediaan guru bagi aspek pengetahuan.

Jadual 10 menunjukkan tahap kesediaan guru bagi aspek pengetahuan adalah pada tahap yang tinggi (M=3.27, SP= 0.82). Hanya dua kenyataan pada tahap sederhana.

Jadual 10: Tahap Kesediaan Pengetahuan Guru

Bil	Kenyataan	STS	TS	KS	S	SS	MIN	SP	Tahap
		f ((%)	f (%)	f (%)	f (%)	f (%)			
1	Saya kenal siapa itu MBK.	2 (2.9)	6 (8.6)	18 (25.7)	41 (58.6)	3 (4.3)	3.53	0.829	Tinggi
2	Saya mengetahui ciri-ciri MBK.	2 (2.9)	5 (7.1)	29 (41.4)	32 (45.7)	2 (2.9)	3.39	0.786	Tinggi
3	Saya dapat mengenal pasti MBK berdasarkan tingkah laku mereka di dalam bilik darjah.		5 (7.1)	16 (22.9)	47 (67.1)	2 2.9	3.66	0.657	Tinggi
4	Saya memahami emosi dan sikap MBK.	2 (2.9)	7 (10)	31 (44.3)	25 (35.7)	5 (7.1)	3.34	0.866	Tinggi
5	Saya mengetahui masalah dalam pembelajaran yang dihadapi oleh MBK.	3 (4.3)	8 (11.4)	24 (34.3)	33 (47.1)	2 (2.9)	3.33	0.880	Tinggi
6	Saya tahu membuat penilaian/ mengenal pasti masalah pembelajaran MBK.	6 (8.6)	7 (10)	39 (55.7)	18 (25.7)		2.99	0.843	Sdn
7	Saya mengetahui punca masalah pembelajaran MBK.	5 (7.1)	15 (21.4)	27 (38.6)	23 (32.9)		2.97	0.916	Sdn
8	Saya mengetahui tentang pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan MBK.	4 (5.7)	12 (17.1)	33 (47.1)	21 (30)		3.01	0.843	Tinggi
	JUMLAH TERKUMPUL	24 (4.3)	65 (11.59)	217 (38.75)	240 (42.85)	14 (2.51)	3.277	0.828	Tinggi

Petunjuk: STS- sangat tidak setuju; TS-tidak setuju; KS – kurang setuju; S- setuju; SS- sangat setuju

2. Tahap kesediaan guru bagi aspek kemahiran.

Jadual 11 menunjukkan kesediaan guru bagi aspek kemahiran adalah pada tahap yang sederhana (M= 2.89, SP=0.95). Hanya dua kenyataan yang nilai minnya melepasi 3 iaitu berada pada tahap kesediaan yang tinggi.

Jadual 11 : Tahap Kesediaan Kemahiran Guru

Bil	Kenyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Tahap
		f (%)	f (%)	f (%)	f (%)	f (%)			
1	Saya berkebolehan untuk mengurus pembelajaran dan tingkah laku MBK.	8 (11.4)	14 (20)	39 (55.7)	9 (12.9)	0	2.70	0.840	Sdn
2	Saya berkebolehan mengurus masalah emosi MBK.	9 (12.9)	14 (20)	32 (45.7)	13 (18.6)	2 (2.9)	2.79	0.991	Sdn
3	Saya berkebolehan melaksanakan p&p bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan MBK.	7 (10)	14 (20)	38 (54.3)	11 (15.7)	0	2.76	0.842	Sdn
4	Saya berkebolehan menetapkan objektif dan matlamat pengajaran yang boleh dicapai oleh MBK	9 (12.9)	14 (20)	33 (47.1)	14 (20)	0	2.74	0.928	Sdn
5	Saya berkebolehan melaksanakan ujian yang sesuai untuk menentukan pencapaian MBK di dalam kelas.	8 (11.4)	12 (17.1)	29 (41.4)	21 (30)	0	2.90	0.965	Sdn
6	Saya berkebolehan melaksana proses p&p secara kreatif dan inovatif untuk membantu pembelajaran MBK dlm kelas	8 (11.4)	17 (24.3)	27 (38.6)	17 (24.3)	1 (1.4)	2.80	0.987	Sdn

7	Saya berkebolehan mendapatkan maklumat berkaitan MBK.	7 (10)	12 (17.1)	31 (44.3)	20 (28.6)	0	2.91	0.928	Sdn
8	Saya berkebolehan untuk bekerjasama dan membantu pentadbir serta rakan guru berkaitan MBK.	4 (5.7)	12 (17.1)	26 (37.1)	26 (37.1)	2 (2.9)	3.14	0.937	Tinggi
9	Saya berkebolehan mengawal emosi ketika berhadapan dengan MBK yang bermasalah.	9 (12.9)	11 (15.7)	28 (40)	20 (28.6)	2 (2.9)	2.93	1.040	Sdn
10	Saya berkebolehan berkolaborasi dengan pelbagai pihak untuk membantu MBK dalam pembelajaran.	8 (11.4)	13 (18.6)	28 (40)	18 (25.7)	3 (4.3)	2.93	1.040	Sdn
11	Saya berkebolehan menggalakkan kerjasama antara MBK dengan murid lain dalam pembelajaran di sekolah.	5 (7.1)	12 (17.1)	27 (38.6)	24 (34.3)	2 (2.9)	3.09	0.959	Tinggi
12	Saya berkebolehan menggunakan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan keperluan pembelajaran MBK	7 (10)	14 (20)	27 (38.6)	20 (28.6)	2 (2.9)	2.94	1.006	Sdn
	.....**JUMLAH TERKUMPUL**	81 (10.59)	159 (18.92)	365 (43.45)	213 (25.37)	12 (1.68)	2.89	0.955	Sdn

Petunjuk: STS- sangat tidak setuju; TS-tidak setuju; KS – kurang setuju; S- setuju; SS- sangat setuju

3. Tahap kesediaan guru bagi aspek sikap.

Dapatan menunjukkan tahap kesediaan guru yang tinggi (M=3.43, SP= 0.87) bagi aspek sikap terhadap MBK. Data ditunjukkan seperti dalam Jadual 12. Sembilan daripada sepuluh kenyataan berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min melebihi 3. Hanya satu kenyataan yang berada pada tahap kesediaan yang sederhana.

Jadual 12 : Tahap Kesediaan Guru Dari Segi Sikap

Bil	Kenyataan	STS f (%)	TS f (%)	KS f (%)	S f (%)	SS f (%)	Min	SP	Tahap
1	Saya bersedia mengajar MBK di dalam kelas saya.	3 (4.3)	21 (30)	22 (31.4)	24 (34.3)	0	2.96	0.908	Sdn
2	Saya merasa selesa mengajar walaupun MBK berada di dalam kelas saya.	3 (4.3)	15 (21.4)	23 (32.9)	28 (40)	1 (1.4)	3.13	0.916	Tinggi
3	Saya bersedia memberi tumpuan kepada MBK sekiranya mereka mempunyai masalah dalam pembelajaran.	1 (1.4)	9 (12.9)	21 (30)	36 (51.4)	3 (4.3)	3.44	0.828	Tinggi
4	Saya bersedia menggunakan p&p yang pelbagai dan sesuai dengan keperluan MBK	2 (2.9)	9 (12.9)	18 (25.7)	37 (52.9)	4 (5.7)	3.46	0.896	Tinggi
5	Saya sentiasa berusaha supaya pencapaian akademik MBK dapat ditingkatkan	1 (1.4)	8 (11.4)	17 (24.3)	42 (60)	2 (2.9)	3.51	0.794	Tinggi
6	Saya berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan p.khas dan MBK.	2 (2.9)	12 (17.1)	18 (25.7)	38 (54.3)	0	3.31	0.860	Tinggi
7	Saya bersedia mengikuti kursus/ latihan berkaitan p. khas dan MBK.	3 (4.3)	12 (17.1)	12 (17.1)	37 (52.9)	6 (8.6)	3.44	1.016	Tinggi
8	Saya bersedia bekerjasama dengan guru, staf sokongan, ibu bapa dan pentadbir untuk kepentingan MBK.	0	9 (12.9)	12 (17.1)	43 (61.4)	6 (8.6)	3.66	0.814	Tinggi
9	Saya mempunyai pandangan yang positif terhadap keupayaan MBK dalam pembelajaran.	2 (2.9)	5 (7.1)	16 (22.9)	42 (60)	5 (7.1)	3.61	0.839	Tinggi
10	Saya memberi peluang yang sama kepada MBK untuk terlibat dalam pembelajaran dalam b. darjah	1 (1.4)	7 (10)	12 (17.1)	40 (57.1)	10 (14.3)	3.73	0.883	Tinggi
	JUMLAH TERKUMPUL	18 (2.58	107 (15.28	171 (24.42	367 (52.43	37 (5.29)	3.43	0.875	Tinggi

Petunjuk: STS- sangat tidak setuju; TS-tidak setuju; KS – kurang setuju; S- setuju; SS- sangat setuju

Kesediaan Guru Besar, guru dan pihak JAIS melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK.

1. Kesediaan GB menerima MBK dan penyediaan persekitaran sekolah yang mesra OKU.

   Jadual 13 menunjukkan hanya tujuh orang GB (43.8%) bersetuju menerima MBK ke sekolah. Sembilan orang GB lagi (56.3%) tidak bersedia menerima MBK untuk belajar di SRA.

Jadual 13: Kesediaan Sekolah Menerima Dan Menyedia Persekitaran Mesra OKU

Bil	Kenyataan	Ya (f=(%)	Tidak (f=%
1	Adakah pihak sekolah bersedia untuk menerima MBK ?	7(43.8%)	9(56.3%)
2	Adakah pihak sekolah bersedia mewujudkan persekitaran sekolah yang mesra OKU ?	10(62.5%)	6(37.5%)

2. Kesediaan guru mengajar MBK, kemampuan bekerjasama dengan guru-guru lain dan kemampuan mewujudkan persekitaran bilik darjah mesra OKU.

   Jadual 14 menunjukkan dapatan tentang kesediaan guru mengajar MBK. Seramai 30 (42.8%) orang guru bersedia mengajar MBK manakala 40 (57.1%) orang guru lagi tidak bersedia. Kenyataan kedua, ialah tentang kemampuan guru untuk bekerjasama dengan guru lain dengan majoriti guru, 48 (68.6%) orang menyatakan mereka bersedia untuk bekerjasama dengan guru-guru lain berkaitan MBK. Hanya 32 orang guru (45.7%) menyatakan kemampuan mereka untuk mewujudkan persekitaran bilik darjah yang mesra OKU dan kondusif bagi pembelajaran MBK.

Jadual 14: Kesediaan Guru Mengajar MBK, Bekerjasama Dan Mewujud Persekitaran Mesra OKU.

Bil	Kenyataan	Ya(f=(%)	Tidak(f=(%)
1	Adakah anda bersedia mengajar MBK di sekolah?	30(42.86%)	40(57.14%)
2	Adakah anda berkemampuan untuk bekerjasama dengan guru-guru lain berkaitan MBK di sekolah ?	48(68.6%)	22(31.4%)
3	Adakah anda berkemampuan mewujudkan persekitaran bilik darjah yang mesra OKU dan kondusif untuk pembelajaran MBK ?	32(45.7%)	38(54.3%)

3. Kesediaan pihak JAIS melaksanakan pendidikan khas di SRA dari segi kewangan, sumber manusia, kemudahan fizikal/prasarana dan kurikulum.

   Berikut adalah hasil analisis temu bual berfokus dengan pegawai JAIS tentang kesediaan melaksanakan program pendidikan khas di SRA di Negeri Selangor. Temubual telah ditranskripsi secara verbatim dan dikelompokkan mengikut beberapa tema. Berikut adalah tema-tema berkaitan keperluan untuk melaksanakan program pendidikan khas di SRA di negeri Selangor.

   a. Kewangan

      Sekiranya pendidikan khas dilaksanakan di SRA, peruntukan kewangan diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan segala keperluan yang berkaitan. Pihak JAIS tidak ada kesediaan untuk membiayai segala keperluan sehingga kertas kerja dibentang dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kerajaan Negeri berkaitan keperluan kewangan.

b. Sumber Manusia
Guru yang berkelayakan dan terlatih diperlukan untuk memenuhi keperluan pembelajaran MBK dan pihak JAIS bersedia memikul tanggungjawab ini mengikut keperluan.

c. Kemudahan fizikal/prasarana
Kemudahan prasarana seperti tandas untuk OKU diperlukan sekiranya pendidikan khas dilaksanakan di SRA Negeri Selangor. Namun naik taraf kemudahan prasarana di sekolah adalah dengan mengambil kira kemampuan kewangan dan justifikasi projek berkaitan.

d. Kurikulum
Kesediaan pihak JAIS untuk membuat pengubahsuaian kurikulum sedia ada untuk pengajaran MBK dan ingin bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam menyediakan kurikulum untuk MBK sekiranya pendidikan khas akan dilaksanakan di SRA Negeri Selangor.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Keperluan melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK

Data tentang penempatan MBK di SRA di Selangor menunjukkan bahawa kebanyakan sekolah mempunyai MBK walaupun program pendidikan khas tidak ditawarkan. Ini bertepatan dengan matlamat dan Falsafah Pendidikan Agama Islam JAIS (Jabatan Agama Islam Selangor, 2021), yang jelas menunjukkan bahawa Pendidikan Agama Islam yang dilaksanakan di SAN Selangor adalah untuk semua individu muslim termasuklah MBK. Tidak dinyatakan pengecualian kepada mana-mana murid untuk mendapatkan pendidikan di SAN Selangor dalam usaha menjadikan mereka individu yang berilmu, beriman dan beramal. Pendidikan agama yang disediakan juga berhasrat untuk membina potensi setiap individu murid tanpa mengira sama ada mereka OKU atau tidak. Oleh yang demikian, Pendidikan Agama Islam yang ditawarkan mestilah dapat memenuhi keperluan pembelajaran setiap individu murid termasuk MBK supaya mereka dapat memperkembangkan potensi diri seiring dengan murid tipikal yang lain.

Pendidikan Agama Islam untuk MBK di SRA Negeri Selangor dapat dilaksanakan kerana ditadbir urus berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor, 2003). Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam 1988 (Enakmen No.2/1988), membolehkan pelaksanaan pendidikan khas di SAN JAIS dilaksanakan tanpa sebarang sekatan dan pindaan enakmen. Enakmen ini sejajar dengan dasar pendidikan negara yang menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk semua tanpa mengira ketidakupayaan yang dialami iaitu selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan warga negara yang berilmu, berpengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan untuk mencapai kesejahteraan diri (KPM 2019). Penegasan tentang hak MBK mendapatkan pendidikan seperti yang termaktub dalam Akta OKU Seksyen 28 (Akta OKU 2008) tidak terbatas kepada pendidikan di sekolah di bawah KPM sahaja tetapi perlu lebih terbuka dan diperluaskan di semua peringkat dan bidang termasuklah pendidikan Islam di bawah kerajaan negeri.

Dapatan kajian jelas menunjukkan terdapat keperluan melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK. Mereka mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang

berkualiti (UNICEF 1989). Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya Artikel 24 (United Nations 2006), memberikan pengiktirafan hak OKU mendapatkan pendidikan tanpa diskriminasi atas dasar peluang yang sama rata. Untuk memenuhi tuntutan tersebut, pelbagai kemudahan perlu disediakan oleh pihak berwajib dengan mempertingkatkan dan menambah kemudahan serta keperluan yang baru mengikut keperluan MBK.

Jenis keperluan yang diperlukan dalam pelaksanaan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor

1. Guru yang terlatih

   Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa keperluan untuk melaksanakan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor seperti keperluan guru yang terlatih dalam bidang. Kajian yang dijalankan oleh Darling-Hammond (2000) terhadap kajian lepas bagi tempoh 30 tahun, merumuskan bahawa guru yang diperaku latihan yang mereka terima biasanya lebih baik dan pelajarnya lebih berjaya berbanding guru yang kurang atau tiada latihan. Guru yang tidak dilatih dengan sempurna kurang kemampuan menyesuaikan pengajaran mereka dan sering menyalahkan murid sekiranya pengajaran mereka kurang berkesan. Hanya guru yang mempunyai keyakinan dengan kaedah pengajaran dan kemampuan yang deduktif, suka dengan tugas mereka walaupun terpaksa berhadapan dengan murid yang pelbagai latar belakang (Skolverket, 2006). Guru dan pengajaran yang berkualiti adalah faktor utama penentu kepada kejayaan murid (OECD, 2005). Tunggak utama kepada pembelajaran murid di sekolah ialah guru yang berkualiti. Selain latihan, guru yang berkualiti juga adalah guru yang mempunyai komitmen, minat dan bersikap terbuka. Menurut Alexandersson (2016), persekitaran pembelajaran yang ideal dan kreatif terhasil apabila murid berpeluang berinteraksi dengan guru yang berpengetahuan dan menghormati kepelbagaian keperluan murid. Sebagai persediaan, guru yang berkualiti dengan pengetahuan dan kemahiran perlu dilatih untuk memantapkan tenaga pengajar bagi melaksanakan program pendidikan khas untuk MBK di SRA Negeri Selangor.

2. Kewangan

   Salah satu keperluan yang perlu dalam pelaksanaan pendidikan khas di SRA untuk MBK ialah sumber kewangan. Peruntukan kewangan adalah nadi kepada sesebuah sekolah kerana kejayaan pengurusan sekolah bergantung kepada sumber kewangan yang diterima untuk perbelanjaan mengurus, pembelian bahan bantu pengajaran dan pembelajaran, pembangunan dan kemudahan infrastruktur, baik pulih dan lain-lain keperluan untuk membantu pencapaian murid (Husaina, Ranjeetham dan Muhammad Faizal 2017). Menurut Heilig dan Williams (2010), sumber kewangan sekolah adalah penentu kepada kejayaan dan pencapaian murid. Tanpa sumber kewangan, pihak sekolah sukar menjalankan fungsinya menyediakan segala keperluan pembelajaran murid. Sehubungan dengan itu pihak JAIS perlu memberi keutamaan bantuan kewangan kepada sekolah yang terlibat sebelum pendidikan khas di SRA dapat dilaksanakan di Negeri Selangor.

3. Kurikulum

   Kurikulum yang sesuai untuk MBK merupakan satu keperluan dalam pelaksanaan pendidikan khas di SRA. Kebanyakan MBK yang mempunyai kemampuan kognitif yang tidak setara dengan rakan sebayanya yang tipikal merupakan cabaran utama kepada guru sekiranya kurikulum sedia ada digunakan. Kajian oleh Norshidah, Nor Jannah dan Khalim (2018) terhadap guru yang mengajar matematik MBK penglihatan menunjukkan terdapat keperluan kepada modifikasi kurikulum. Walaupun pendidikan untuk MBK penglihatan menggunakan

kurikulum yang sama dengan murid arus perdana, modifikasi masih perlu dilakukan dari segi penggunaan alat bantu mengajar, strategi pengajaran dan juga pembelajaran aktif yang dijalankan di dalam dan luar bilik darjah. Begitu juga dengan MBK pendengaran yang memerlukan penyampaian pengajaran menggunakan bahasa isyarat. Namun untuk MBK pembelajaran yang mempunyai perbezaan keupayaan kognitif berbanding rakan sebayanya yang tipikal, modifikasi dari segi sukatan atau kandungan pelajaran sangat perlu. Pendekatan pengajaran yang fleksibel diperlukan untuk memenuhi keperluan pembelajaran mereka yang unik. Sekiranya kurikulum sedia ada digunakan tanpa modifikasi, mereka akan ketinggalam dalam pembelajaran (Human Rights Commission of Malaysia, 2015).

4. Prasarana/Infrasturtur
   Kemudahan prasarana sekolah dan ruang pembelajaran yang mesra OKU merupakan satu keperluan yang penting dalam pelaksanaan pendidikan khas. Untuk merangsang dan memupuk minat MBK hadir ke sekolah secara berterusan, kemudahan pembelajaran di sekolah perlu ditingkatkan bagi memenuhi keperluan OKU (Mohd Hanafi, Hasnah Toran, Mohd Mokhtar dan Safani 2010). Kajian oleh Muhamad Nur Hafiz, Hazlin Falina, Nur Fikhriah & Safura (2017), menunjukkan persekitaran fizikal adalah faktor utama yang menjadi halangan kepada OKU untuk belajar. Tanpa kemudahan yang lengkap dan mesra OKU, akan membataskan pergerakan dan aktiviti MBK. Norwahidah Mihat, Mohd Hanafi & Mohd Mokhtar (2019) berpandangan pihak sekolah perlu menyediakan bilik darjah dan persekitaran pembelajaran yang selesa untuk MBK bagi melancarkan proses pembelajaran kerana persekitaran yang kondusif dan mesra OKU dapat menyokong proses pembelajaran murid di sekolah dan menepati ciri-ciri reka bentuk sejagat.

5. Perkhidmatan sokongan
   Pendidikan khas untuk MBK memerlukan sokongan kepada pihak sekolah, murid dan ibu bapa. Pelbagai pihak yang merentas disiplin seperti jurupulih pertuturan, audiologi dan lain-lain diperlukan untuk membantu MBK mempertingkatkan keupayaan mereka untuk belajar menerusi proses pemulihan, rawatan dan intervensi yang dijalankan di luar bilik darjah. Kerjasama dan kolaborasi dengan komuniti dan pelbagai pihak dapat menyediakan khidmat sokongan yang diperlukan oleh MBK (Carmona, 2017; Friend & Cook, 2016). Kesedaran komuniti terhadap keperluan MBK dapat membantu melancarkan segala keperluan pembelajaran MBK. Tindakan dan perancangan yang teliti menerusi jaringan pintar dengan pelbagai pihak akan membuahkan hasil dan dapat meningkatkan kesedaran komuniti tentang keperluan MBK dalam pendidikan (Norshidah, Khalim, Manisah dan Rosadah 2016; Norshidah, Manisah dan Rosadah 2017).

Tahap kesediaan guru dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan pendidikan khas di SRA Negeri Selangor untuk MBK

Kesediaan guru adalah sangat penting dalam menentukan kejayaan atau kegagalan pelaksanaan Pendidikan khas untuk MBK. Hasil kajian menunjukkan secara keseluruhan tahap kesediaan guru berada pada tahap tinggi bagi aspek pengetahuan dan sikap. Manakala bagi aspek kemahiran adalah pada tahap sederhana. Kajian oleh Noordeyana dan Nur Aqilah Natasha (2017) menunjukkan semakin tinggi tahap pengetahuan mengenai OKU, semakin positif sikap terhadap OKU. Kefahaman tentang ciri-ciri dan tingkah laku MBK dalam kalangan guru dapat membantu mereka menangani isu dan cabaran dalam mengurus dan mengajar MBK bagi menjayakan pendidikan agama Islam untuk MBK yang dilaksanakan. Keterlibatan guru Pendidikan Islam Pendidikan Khas

sangat signifikan melalui kepakaran pengetahuan yang diperolehi dan bukan sekadar mengajar sebagai pelengkap kelompangan kurikulum yang sedia ada.

Nor Izzati (2021), berpandangan guru Pendidikan Islam mesti menguasai kaedah mengajar MBK bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai. Guru perlu merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan teratur. Menurut Siti Mastura dan Annamalai (2012) pula, kemahiran guru dalam merancang dan menyesuaikan strategi pengajaran mampu membantu meningkatkan pengetahuan dan kefahaman murid. Ini menepati amalan dakwah oleh Rasulullah SAW dalam menyampaikan ilmu yang perlu disesuaikan mengikut perkembangan akal fikiran kanak-kanak. Menepati pandangan al-Kailany dan Mulhim (1986) yang menukilkan pandangan dari salah seorang sahabat Nabi SAW iaitu Ali bin Abi Talib berkaitan prinsip kebermaknaan bagi anak didik seperti berikut:

روي عن علي ابن أبي طاب رضي الله عنه قال: "خاطبوا الناس على قدر عقولهم "

yang bermaksud “berbicaralah kamu kepada manusia sesuai dengan kadar kemampuan akal fikiran mereka*”*.

Aspek kemahiran guru amat penting kerana akan memberi kesan terhadap pendidikan MBK. Syar Mezee (2017) menyatakan bahawa guru perlu menguasai kemahiran asas dalam pendidikan MBK dan tahu untuk menyesuaikan kaedah pengajaran al-Quran mengikut kekuatan dan keperluan MBK. Kemahiran asas dalam pendidikan agama Islam MBK melibatkan kemahiran merancang, penggunaan bahan bantu mengajar dan kemahiran menggunakan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kondisi murid. Bertepatan dengan pandangan Izuli dan Asmawati (2018) yang menegaskan bahawa perkara penting yang perlu diberi keutamaan untuk menghasilkan modal insan OKU adalah aspek tadbir urus pendidikan agama Islam yang melibatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dipertingkatkan melalui kemahiran tenaga pengajar, kurikulum yang sesuai dan akses kepada pendidikan.

Sikap guru merupakan antara faktor penting memastikan pendidikan Islam untuk MBK di SRA dapat dilaksanakan dengan efektif. Menurut Safani , Salleh & Nor Aisyah (2000), guru yang mempunyai sikap positif terhadap profesionnya mampu melaksanakan tugasnya secara berfokus dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka. Guru yang positif dengan keupayaan MBK sentiasa memberikan peluang yang sama rata kepada MBK untuk turut terlibat secara aktif dalam pembelajaran di bilik darjah. Bertepatan dengan pandangan Kamarul Azmi et al. (2007), bahawa guru yang bertanggungjawab sentiasa memikirkan cara yang sesuai untuk murid terlibat dan berinteraksi secara menyeluruh semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kesepaduan antara pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif akan melahirkan individu yang cukup bersedia melaksanakan tanggungjawab sebagai guru pendidikan agama Islam untuk MBK. Kejayaan pendidikan agama Islam untuk MBK bergantung kepada cara berfikir dan tindakan guru dalam menjayakan pengajaran yang dirancang. Guru yang positif dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran berkaitan pendidikan khas, dapat melaksanakan pengajaran dengan baik dan berkesan. Kemahiran guru JAIS dapat ditingkatkan untuk mengendalikan pengajaran untuk MBK menerusi latihan dan kursus. Menurut Aliza (2007), guru yang kurang pengalaman harus dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan. Selain dapat membantu mereka bersedia menghadapi sebarang cabaran pendidikan pada masa hadapan, juga dapat menambah kecekapan mereka membuat refleksi, penilaian dan penyelidikan dalam bidang Pendidikan khususnya Pendidikan

khas. Justeru, sewajarnya guru SRA mendapat pendedahan sebaik mungkin tentang pendidikan khas agar dapat diaplikasi dalam pendidikan agama Islam untuk MBK.

Kesediaan Pihak JAIS dari Segi Peruntukan Kewangan, Kemudahan Fizikal/Infrastruktur, Sumber (Manusia dan Bukan Manusia) dan Kurikulum

Pelaksanaan pendidikan khas di SRA akan berjaya dengan adanya sokongan kewangan, kemudahan fizikal dan infrastruktur serta sumber yang mencukupi. Dari aspek kewangan, pihak JAIS mengakui bahawa tiada peruntukan khas untuk pendidikan MBK, namun bersedia berusaha mencadangkan peruntukan berdasarkan prosedur yang perlu diikuti bagi memastikan pendidikan MBK dapat disediakan. Dalam mana-mana organisasi, pengurusan kewangan merupakan satu aspek penting yang menjadi keutamaan dan nadi penggerak kepada setiap perancangan dan program yang akan dijalankan. Pendapat ini disokong oleh Soaib Asimiran (2003) yang menyatakan sumber kewangan sebagai faktor penentu dan pengawal utama kepada sistem pengurusan organisasi sekolah. Ini kerana setiap aktiviti yang dirancang memerlukan perbelanjaan untuk penyediaan bahan dan peralatan yang diperlukan bagi menjayakan aktiviti tersebut. Keperluan peruntukan kewangan yang khusus hendaklah disediakan oleh pihak JAIS dan kerajaan negeri kepada SRA untuk melaksanakan program Pendidikan Khas untuk MBK. Peruntukan kewangan yang disediakan membolehkan pihak sekolah menyediakan perancangan perbelanjaan dengan lebih terperinci dan sistematik supaya memberi impak yang positif terhadap perjalanan pengurusan organisasi sekolah (Zaidatol Akmaliah 2005).

Kemudahan prasarana dan infrastruktur adalah satu keperluan yang penting dalam pelaksanaan pendidikan khas untuk MBK di SRA Negeri Selangor. Pihak JAIS mengakui bahawa prasarana dan infrastruktur sedia ada tidak memenuhi keperluan pembelajaran untuk MBK. Persekitaran pembelajaran adalah merujuk kepada ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran sama ada bilik darjah, makmal sains atau kawasan lapang di mana pembelajaran itu berlaku dalam konteks sosial, psikologi mahupun pedagogi yang seterusnya mempengaruhi pencapaian dan sikap pelajar (Fraser, 1998). Olson dan Kellum (2003) menjelaskan bahawa sekolah yang mempunyai infrastruktur yang baik dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Pihak JAIS bersetuju untuk menyemak prasarana dan infrastruktur SRA yang tidak memenuhi keperluan MBK seperti tandas, kelas dan peralatan lain agar persekitaran yang sesuai untuk MBK di SRA dapat disediakan. Pengubahsuaian infrastruktur sedia ada perlu dilakukan untuk menyediakan persekitaran yang sesuai kepada MBK. Bangunan baharu sekolah didapati tidak mengalami kesukaran untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang sesuai untuk MBK kerana bangunan berkenaan dibina berdasarkan perancangan bangunan reka bentuk sejagat yang menepati keperluan OKU.

Konsep “bebas halangan” berdasarkan reka bentuk sejagat adalah di antara perkara penting yang ditekankan dalam Akta OKU 2008. Reka bentuk sejagat bertujuan memberi akses dan menghapuskan halangan fizikal kepada OKU. Hannah Aqilah, Rosadah dan Manisah (2019) menyatakan ruang pembelajaran dan persekitaran sekolah yang kondusif mempunyai pengaruh yang besar terhadap penyampaian guru serta merangsang pembelajaran murid. Persekitaran yang yang mesra pembelajaran juga dapat merangsang penyertaan aktif MBK dalam aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah. Menurut Zalizan Mohd Jelas, Manisah Mohd Ali, Norshidah Mohamad Salleh dan Nor Aniza Ahmad (2012), konsep persekitaran ini wujud apabila guru memahami nilai kepelbagaian dan mewujudkan persekitaran yang dapat memenuhi keperluan kepelbagaian murid.

Dari aspek sumber manusia, pihak JAIS bersetuju dengan kekurangan guru yang berkelayakan dan menyokong inisiatif untuk menyediakan guru yang terlatih untuk mengajar MBK di SRA. Guru sedia ada perlu diberi perhatian kerana data kajian menunjukan terdapat guru yang berminat dalam pengajaran MBK. Sheehy et al. (2005) menyatakan antara cabaran dalam usaha menerima MBK dalam kelas adalah sikap yang ditunjukkan guru kerana kurangnya kemahiran dan latihan. Kompetensi guru dalam pedagogi dan pengurusan kelas untuk MBK perlu dipertingkatkan. Menurut Forlin (2010), guru memerlukan bantuan daripada para profesional yang berkaitan bagi membangunkan dan mengendalikan pedagogi terkini dalam bilik darjah supaya semua murid dapat mengembangkan potensi mereka secara menyeluruh. Sokongan dan bantuan yang diberi kepada semua guru mampu meningkatkan nilai keseronokan dalam bekerja dan seterusnya meningkatkan prestasi kerja guru.

Guru perlu benar-benar kompeten agar mereka dapat mengaplikasikan amalan pedagogi yang betul dalam pengajaran di dalam kelas. Menurut Forlin dan Chambers (2011), peningkatan ilmu pengetahuan menjadikan guru lebih yakin untuk berdepan dengan segala cabaran dan lebih positif berhadapan dengan sesuatu. Sesuai dengan kepentingan kompetensi guru, Hannah Aqilah, Rosadah dan Manisah (2019) menegaskan MBK memerlukan pendekatan yang lebih strategik, sokongan dan rancangan pengajaran yang sesuai dengan keperluan dan potensi mereka. Ini dapat melahirkan kemenjadian modal insan yang sejahtera dan mampu untuk berdikari. Inisiatif kolaborasi JAIS dengan pelbagai pihak untuk membangunkan siri latihan guru sangat diperlukan.

Ketidakcukupan sumber selain sumber manusia seperti kekurangan alat bantu mengajar yang bersesuaian dengan keperluan MBK di kelas sedia ada juga menjadi masalah sekiranya MBK ditempatkan bersama dalam kelas biasa. Kebanyakan guru menyatakan mereka kurang pendedahan berkaitan peyediaan alat bantu mengajar bagi MBK. Norakyairee Mohd Raus et al. (2019), menegaskan guru Pendidikan Islam tidak menggunakan banyak alat bantu mengajar disebabkan kekurangan alat yang sesuai untuk MBK. Alat bantu mengajar yang bersesuaian amat diperlukan oleh MBK bagi memahami konsep-konsep tertentu dalam pembelajaran mereka. Masalah ini dapat diatasi dengan adanya khidmat dan bantuan daripada guru yang pakar dalam pendidikan khas dan boleh membantu guru mata pelajaran menangani permasalahan pembelajaran MBK.

Semua pihak bersetuju supaya kurikulum sedia ada yang digunakan di SRA JAIS perlu diubah suai mengikut keperluan MBK. Perbezaan ciri murid tipikal dengan MBK menuntut supaya kurikulum Pendidikan agama Islam SRA sedia ada disemak dan disesuaikan dengan tahap dan keperluan MBK. Panel kesepakaran pelbagai bidang seperti pakar agama, pendidikan khas, perubatan dan mereka yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam mengurus dan mendidik MBK perlu dibentuk untuk menyemak kurikulum sedia ada. Fisher, Frey dan Thousand (2003) menekankan mengenai kepentingan untuk mengaitkan kurikulum antara murid tipikal dan MBK agar kurikulum tidak bersifat dualis. Keseimbangan dalam penyampaian kurikulum boleh membantu murid tipikal dan MBK untuk sama-sama belajar dan hidup dalam suasana saling menyokong.

RUMUSAN

Pelaksanaan Pendidikan Agama Islam untuk murid berkeperluan khas memerlukan komitmen pelbagai pihak. Secara keseluruhan, hasil kajian memberi petunjuk yang positif untuk pelaksanaan kelas pendidikan khas secara menyeluruh di SRA bawah kelolaan JAIS. Bagi memastikan agenda pemerkasaan pendidikan khas dapat dilakukan dengan menyeluruh, cadangan berikut boleh diambil kira. Penyediaan modul pembelajaran khusus yang diadaptasi daripada kurikulum sedia ada yang

digunakan di SRA di bawah JAIS. Modul pembelajaran dan pengajaran bagi mata pelajaran al-Quran, Fardhu Ain, Akidah, Akhlak, Jawi dan Asas Bahasa Arab boleh dibina dengan merujuk kepada pelbagai sumber seperti Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Khas (Pendidikan Islam) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2017), JAKIM dan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak institusi pengajian tinggi.

Bagi memastikan guru mempunyai latihan yang sesuai untuk mengajar MBK, adalah dicadangkan guru sedia ada di beri latihan tambahan bagi peningkatan professional mereka dalam bidang keguruan. Program peningkatan professional seperti latihan dalam perkhidmatan, kursus jangka pendek atau kursus semasa cuti sekolah boleh dilakukan melalui kerjasama pintar pihak JAIS dengan institusi perguruan, universiti, institusi pengajian swasta (IPTS), dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Orang Buta Muslim Malaysia (PERTIS), Persatuan Orang Pekak Muslim Malaysia (PRISMA) untuk perkongsian maklumat dan kemahiran bagi pelaksanaan pendidikan khas untuk MBK di SRA Negeri Selangor. Dalam konteks yang lebih khusus, pemerkasaan Pendidikan Islam untuk MBK, unsur-unsur *al-Takamuliyyah* iaitu pelaksanaan program yang hanya bertumpu untuk mengajar murid berkenaan dalam SRA atau pun *al-Damjiyyah* di mana MBK turut serta dengan murid lain belajar dalam satu kelas yang sama boleh gunapakai. Program *al-Damjiyyah* ini mengambil iktibar daripada satu peristiwa yang dirakamkan dalam Surah *Abasa* (ayat 1-2); Allah SWT telah menegur Rasulullah SAW tidak membezakan golong kurang upaya (penglihatan) dengan individu lain dalam proses mendidik dan berdakwah.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah hasil penyelidikan “Tahap Kesediaan JAIS Melaksanakan Pendidikan Khas di Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor”. Ribuan terima kasih kepada pihak MAIS yang telah menganugerahkan gran penyelidikan bernilai RM34,739.00 untuk kami menjalankan kajian tersebut. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

Al-Quran Tajwid dan Terjemah (2012). Humaira Bookstore Enterprise.

Abd Halim Mohad, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Nizaita Omar & Zulkifly Muda. 2015. The deaf community's attitudes towards Islamic Education. *International Journal of Arts & sciences*. 8(8): 573-580.

Abdul Munir & Nadiya Elias. 2008. Strategi dakwah kepada warga masalah pendengaran. Dalam F. S. Rozita Yusoff, *Pembangunan Komuniti Marginal di Malaysia ke arah pengupayaan kendiri*. Sintok : UUM

Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008. Halaman 26-27.

Alexandersson, M. (2016). *Pedagogik För Högskolelärare*. [Pedagogy for Lecturers]. Ed. T. Hansson. Möklinta: Gidlunds Förlag. [Google Scholar]

Aliza Alias (2007). *Profesion Perguruan. Bab 8 - Guru Permulaan*. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM hlm 183-204

Al-Kailany, Taisir & Iyad, Mulhim (1986). *At-Taujih al-Fanny Fi Usul al-Tarbiyah Wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lubnan.

Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad. 2015. Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET).* 1(2) : 1-7 .

Barber, M. & Mourshed, M. (2007). *How the world's best performing school systems come out on top.* www.nctq.org/p/publications/docs/mckinsey_education_report.pdf [Google Scholar]

Carmona, C. J. (2017). *The Role That Autism Parent-Led Support Groups Play In Facilitating Advocacy*. Minneapolis, Minnesota: Walden University.

Darling-Hammond, L. (2000). How teacher education matters. *Journal of Teacher Education.* 51(3): 166–73. [Crossref], [Web of Science ®], [Google Scholar]

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 & Pindaan 2008, Bahagian 10 - Pendidikan Agama Islam, Seksyen 120, Sekolah Agama Islam. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.

Fisher, D., Frey, N., & Thousand, J. (2003). What do special educators need to know and be prepared to do for inclusive schooling to work? Teacher Education and Special Education: *The Journal of the Teacher Education Division of the Council for Exceptional Children.* 26(1), 42-50.

Forlin, C. & Chambers, D. (2011). Teacher Preparation For Inclusive Education: Increasing Knowledge But Raising Concerns. *Asia Pacific Journal of Teacher Education*. 39: 17-32.

Forlin, C. (2010). *Teacher education for inclusion. Changing paradigms and innovative approaches*. London: Routledge.

Fraser, B. J. (1998). Classroom Environment Instruments: Development, Validity And Applications. *Learning Environment Research* 1: 7-33

Friend, M. & Cook, L. (2017). *Interactions: Collaboration Skills for School Professionals.* 8th Edition. Boston: Pearson.

Hammadah Abdul Rahman, Mustafa Che Omar. (2018). Analisis Isu Dan Permasalahan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018.

Hannah Aqilah Amran, Rosadah Abd Majid & Manisah Mohd. Ali. (2019). Cabaran Guru Pendidikan Khas Pada Abad Ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 4(26), 113-122.

Heilig, J.& Williams, A. (2010). Inputs and Student Achievement: An Analysis of Latina/o-Serving Urban Elementary Schools. *Association of Mexican American American Educators (AMAE) Journal,* 48-58.

Human Rights Commission of Malaysia. (2015). *The Right To Education For Children With Learning Disabilities – Focusing On Primary Education*. Kuala Lumpur: Vermillion Network.

Husaina Banu Kenayathulla, Ranjeetham Subramaniam & Muhammad Faizal A. Ghani. (2017). Pengurusan Kewangan Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Di Kuala Kangsar, Perak: Satu Kajian Kes. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan,* Oktober 2015, 1(4).

Izuli Dzulkifli & Asmawati Suhid. 2018. Pendidikan Islam Pemangkin Modal Insan OKU. *Muslim Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. (2): 37-45.

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). (2021). Dimuat turun pada 9 Februari, 2021 http://www.jais.gov.my/

Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Fareez Ilias, Abdul Halim Tamuri, Mohd Izam Mohd Hamzah. 2007. *Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Cet. Ke-2. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2019). *Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi.* Kuala Lumpur: Pusat Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas. Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Hanafi Mohd, Hasnah Toran, Mohd Mokhtar Tahar, Safani Bari. (2010). Special Education Classroom Infrastructure: Teacher's Views. International Conference on Learner Diversity 2010. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 7(C): 601–604.

Mohd Huzairi Awang @ Husain, Hajarul Bahti Zakaria Syar Meeze Mohd Rasyid. 2019. Kaedah pengajaran Fardu Ain kepada murid berkeperluan khas. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kesedaran Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) pada 9 April 2019 .

Mohd Huzairi Awang @ Hussain & Hajarul Bahti Zakaria. (2010). Peranan Masjid Dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Pekak. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid: Memperkasa Masjid Sebagai tempat Pengajaran dan Pembelajaran. 288 - 297 Bangi: UKM.

Mohd Huzairi Awang@ Husain, Hajarul Bahti Zakaria &, Rahimin Affandi Abd Rahim. (2012). Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran : Tinjauan Awal Isu Dan Cabaran Dari Perspektif Guru. Jurnal Sains Humanika, 58(1), 135–139.

Mohd Huzairi bin Awang @ Husain. (2010). Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Fardhu A'in: Cabaran Terhadap Guru. Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education. Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia.

Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ta'dib*. Bandung: Universitas Islam Bandung. 6: 9-78

Muhamad Nur Hafiz, Hazlin Falina Rosli, Nur Fikhriah Takril & Safura Ahmad Sabri. 2017. Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) Di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang : Satu Kajian Kes. Proceeding 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2), 20 – 21 Mei 2017.

Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hasan. (2017). Hubungan Antara Pengetahuan Dan Sikap Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia Terhadap Golongan Orang Kurang Upaya. *Jurnal Sains dan Kemanusiaan.* 3: 1-12.

Nor Izzati binti Mahd Nor. 2021. Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 5: 64-76

Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Nur Amalina Azhar, Nurutthoilah Mohd Nabil, Ab. Halim Tamuri & Norshidah Mohamed Salleh (2019). Pendidikan Agama Dalam Kalangan OKU: Isu dan Cabaran Semasa. Prosiding Seminar Kesedaran Pendidikan KAFA OKU pada 9 April 2019 di ILIM anjuran Bahagian Pendidikan, JAKIM.

Norshidah Mohamad Salleh, Aliza Alias & Zalizan Mohd Jelas. (2009). Sejarah Pendidikan Khas di Malaysia. Dalam Zalizan Mohd Jelas (pny.). *Pendidikan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*: 1 - 14. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

Norshidah Mohamad Salleh, Manisah Mohd Ali, & Rosadah Abd. Majis. (2017). Pembudayaan Amalan Kolaborasi Menerusi Model Perkembangan Profesional Untuk Kecemerlangan Pendidikan Khas. Konvensyen Kebangsaan Sekolah Kluster Kecemerlangan.

Norshidah Mohd Salleh, Khalim Zainal, Manisah Mohd Ali & Rosadah Abd. Majid (2016). Kolaborasi Universiti, Sekolah Dan Komuniti Menerusi Pembelajaran Tindakan Dan Jaringan. Proceeding ASEAN Comparative Education Research Network Conference (ACER-N 2016).

Norshidah Mohd Salleh, Nor Jannah Hassan & Khalim Zainal. (2018). The Needs of Modification Teaching and Learning Mathematics for Students with Visual Impairment in Primary School. Journal of Adv. Research in Dynamical & Control Systems. 10(02-Special Issue):1662-1668

Norwahidah Mihat, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar. 2019. Teachers' Views on Classroom Infrastructure Facilities in Special Education Integration Program in Primary School. *Journal of ICSAR*. 3(1): 54-57

OECD. (2005). "Teachers matter. Attracting, developing and retaining effective teachers. Overview". http://www.oecd.org/dataoecd/39/47/34990905.pdf [Crossref], [Google Scholar]

Olson, S. L., & Kellum, S. (2003). The Impact of Sustainable Buildings on Educational Achievements In K-12 Schools. Dicapai 18 Jun 2013, daripada http://www.cleanerandgreener.org/download/sustainableschools.pdf

Portal Pendidkan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (2021). Dimuat turun daripada https://pendidikan.jais.gov.my/

Safani Bari, Salleh Amat, & Nor Aisyah Buang (2000). Halangan Dan Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar-Pelajar Berkeperluan Khas Dalam Latihan Kemahiran Teknik Dan Vokasional. Prosiding Seminar Kebangsaan Kepelbagaian Pelajar: Cabaran dan Strategi Pengajaran. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salamanca (1994). Salamanca Statement and Framework for Action. Sepanyol:Salamanca.

Sheehy, K., Nind, M., Rix, J., & Simmons, K. (2005). *Ethics and Research in Inclusive Education: Values into Practice.* London: Routledge Falmer.

Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd Wahab (2012). Intervensi Sosial untuk Komuniti Tersisih: ke Arah Pembangunan Ummah. *Jurnal Hadhari*. 4: 29-44.

Siti Mastura Yunus & Annamalai Mangaleswaran (2012). Meningkatkan penguasaan sebutan huruf vokal murid pemulihan tahun 2 Takwa SK Losong melalui nyanyian. Seminar Penyelidikan Tindakan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan.

Siti Muhibah Hj Nor& Zetty Nurzuliana Rashed. 2018. Peranan dan Cabaran Guru-Guru Pendidikan Khas Membentuk Kemenjadian Murid-Murid Masalah Pendengaran dalam Abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. 1(1): 1-8

Siti Rahmah Ahmad Razuan, Norakyairee Mohd Raus, Mahyuddin Hashim, Mohd Nur Adzam Rasdi, Adnan Mohamed Yusoff, Noornajihan Ja'afar dan Nurul Asiah Fasehah Muhamad. (2019). Pendidikan AL-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities.* 20 (2): 78-98

Skolverket. (2006). Competence and opportunity – The Importance Of Teachers, Their Working Situations And Conditions, Stockholm, Sweden: Skolverket. [Google Scholar]

Soaib Asimiran (2003). Pengurusan kewangan dalam pendidikan. Dlm. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & S. F. Foo. (Eds.). *Pengurusan & Kepemimpinan Pendidikan: Satu Langkah Ke Hadapan:* 74-89. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Syar Meeze Mohd Rashid. 2017. Kemahiran Asas Serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Kepada Golongan Istimewa. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs.*

Tessmer, M. & Harris, D. (1992). *Analysing The Instructional Setting*. New York: Kogan Page.

UNICEF. (1989). Convention on the Rights of the Child.

United Nations. (2006). Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD).

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2005). *Pentadbiran pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Zalizan Mohd Jelas, Manisah Mohd Ali, Norshidah Mohamad Salleh & Nor Aniza Ahmad. (2012). *Pengajaran untuk kanak-kanak kurang upaya dalam persekitaran inklusif.* Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.

KAJIAN PROJEK PEMBINAAN MODUL PENGAJIAN MASJID BERSTRUKTUR NEGERI SELANGOR

Mohd Noh Abdul Jalil, Shukran Abd Rahman, Majdan Alias, Ismail Mamat, Muhammad Ayman Al-Akiti, Aliza Alias@Mayah & Che Mahzan Ahmad

KAJIAN PROJEK PEMBINAAN MODUL PENGAJIAN MASJID BERSTRUKTUR NEGERI SELANGOR

Mohd. Noh Abdul Jalil[1], Shukran Abd Rahman[1], Majdan Alias[1], Ismail Mamat[1], Muhammad Ayman Al-Akiti[1], Aliza Alias@Mayah[1] & Che Mahzan Ahmad[1]

[1]Kulliyyah Ilmu Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan Abdul Hamid Abu Sulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

ABSTRAK

Masalah sosial yang berkaitan dengan agama dan masyarakat seperti tiada penghujungnya. Setiap hari masyarakat kita dihidangkan dengan pelbagai kes daripada perpecahan institusi keluarga hinggalah keruntuhan akidah. Kes-kes sebegini memerlukan perhatian serius daripada pihak-pihak berwajib. Masjid sebagai salah satu institusi terpenting masyarakat Islam perlu terus memainkan peranan mendidik masyarakat. Salah satu program pendidikan yang penting untuk masyarakat adalah melalui kelas-kelas pengajian di masjid. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menumpukan kepada tahap pemahaman dan penerimaan masyarakat dan seterusnya cadangan pengukuhan program pengajian di masjid-masjid negeri Selangor. Data kajian diperolehi melalui kaedah persampelan tidak kebarangkalian, secara khususnya teknik "persampelan bersasar"di dua daerah di dalam negeri Selangor iaitu Sabak Bernam dan Petaling. Daerah-daerah ini dipilih bagi mewakili kawasan luar bandar dan bandar di dalam negeri Selangor. Hasil kajian ini mendapati bahawa masyarakat Islam di negeri Selangor bersetuju untuk memperkasakan lagi kelas-kelas pengajian masjid ini dengan mengkaji semula kandungan ilmu yang disampaikan serta cara penyampaian itu sendiri. Jika ia dapat dilaksanakan, ilmu-ilmu Islam akan dapat disampaikan kepada masyarakat di dalam keadaan yang lebih teratur. Seterusnya, ia dapat menambahkan lagi kefahaman masyarakat terhadap ajaran-ajaran Islam dan kemudian diterjemahkan di dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: *Masjid, Selangor, Pengajian, Berstruktur.*

PENGENALAN

Masyarakat Islam di Malaysia sentiasa memberi keutamaan terhadap pembinaan infrastruktur bagi memakmurkan aktiviti-aktiviti keagamaan. Salah satu infrastruktur yang wujud ialah masjid. Pembinaan masjid di Malaysia termasuklah di negeri Selangor sentiasa bertambah dari masa ke semasa. Selari dengan pertambahan jumlah masjid ini, satu persoalan yang timbul ialah keberkesanan fungsi masjid-masjid tersebut.

Salah satu peranan masjid adalah sebagai tempat pendidikan ilmu-ilmu agama. Bagi memastikan masyarakat setempat dididik secara berkesan, masjid perlu mempertingkatkan tahap penyampaian program-program keilmuan yang dijalankan.

Antara faktor yang dikenal pasti sebagai punca masyarakat Islam di Malaysia kurang penghayatan terhadap agama Islam adalah disebabkan kefahaman yang cetek terhadap ilmu- ilmu Islam. Ajaran Islam diamalkan secara ikut-ikutan dan bukan dipelajari secara teratur. Oleh yang demikian, tidak hairan jika diperhatikan ketika ini masalah berkaitan agama dan kemasyarakatan masih lagi meningkat setiap hari walaupun kelas pengajian agama bertambah di masjid-masjid.

Ia disebabkan oleh, salah satunya, tahap kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam masih di tahap belum memuaskan. Oleh yang demikian, masjid-masjid perlu diperkasakan dengan mengukuhkan kelas-kelas pengajian yang disediakan untuk ahli-ahli kariah.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah sosial berkaitan agama dan masyarakat seperti tiada penghujungnya. Setiap hari kita dihidangkan di dalam media massa dengan pelbagai isu kemasyarakatan bermula daripada perpecahan institusi keluarga hinggalah keruntuhan akidah. Kes-kes begini sudah tentu memerlukan perhatian serius daripada pihak-pihak berwajib.

Masyarakat Islam sebagai kelompok majoriti di Malaysia perlu diberikan pendidikan keagamaan dengan sewajarnya. Salah satu program pendidikan yang penting untuk masyarakat Islam adalah kelas-kelas pengajian yang diadakan di masjid. Sebagai salah satu sumber pendidikan untuk masyarakat, kelas-kelas ini perlu diperkasakan dengan melihat kepada kandungan ilmu yang disampaikan serta cara penyampaian itu sendiri. Jika ia dapat dilaksanakan, ilmu-ilmu Islam dapat disampaikan kepada masyarakat di dalam keadaan yang teratur. Seterusnya, ia dapat menambahkan lagi kefahaman masyarakat terhadap ajaran-ajaran Islam dan dilaksanakan di dalam kehidupan seharian.

TUJUAN KAJIAN

1. Mengukur tahap keberkesanan pengajian masjid sedia ada di negeri Selangor.
2. Mencadangkan penambahbaikan terhadap kandungan serta penyampaian kelas pengajian agama di negeri Selangor.

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada responden-responden tertentu di dua daerah terpilih di negeri Selangor. Daerah-daerah tersebut adalah Petaling dan Sabak Bernam. Ia dipilih oleh Jawatankuasa Tadbir Urus Masjid dan Surau (JATUM) Negeri Selangor. Daerah Petaling dipilih untuk mewakili kawasan bandar sementara daerah Sabak Bernam pula mewakili luar bandar.

SOROTAN KAJIAN

Selaku ketua agama Islam di negeri Selangor DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj sentiasa menitikberatkan akan keperluan untuk memperkasakan semua agensi-agensi berkaitan agama Islam termasuklah institusi masjid. DYMM Tuanku Sultan di dalam Titah Aspirasi yang dimuatkan di dalam buku Pelan Strategik MAIS 2020-2024, menegaskan bahawa MAIS sebagai pihak berkuasa kawal selia agama Islam di negeri Selangor agar sentiasa berupaya membangunkan kemampuan masyarakat Islam terutamanya dari aspek pendidikan, dakwah dan kekeluargaan. (MAIS, 2020)

Isu-isu berbangkit di kalangan masyarakat Islam di Selangor

Antara isu utama yang berlaku di kalangan masyarakat di negeri Selangor ketika ini adalah peningkatan masalah sosial, pemahaman ilmu agama Islam yang tidak komprehensif dan lain- lain.

Isu-isu seperti ini telah banyak diperkatakan di dada akhbar, buku-buku serta jurnal akademik. DYMM Sultan Selangor juga telah banyak menyentuh tentang isu-isu seumpama ini seperti isu akidah umat Islam, pembanterasan ajaran penyelewengan agama Islam, akhlak masyarakat Muslim di alam maya, perlunya pemerkasaan pendidikan ilmu agama Islam dari segi kandungan dan tenaga pengajar, ilmu perbandingan agama dan lain-lain (Bakar & Hamzah, 2019; Bernama, 2021; Hadigunawan & Azahari, 2017; Idris, 2021; Izuan Tahir, 2021; Majid, 2016; Md. Zain, 2019; Md. Zain, 2021; Musa, 2021). Ini menunjukkan bahawa masalah-masalah ini benar-benar berlaku. Ia boleh menjadi lebih parah jika tidak dibendung secepatnya. Di dalam dokumen Pelan Strategik MAIS 2020-2024, pihak Majlis Agama Islam Selangor telah membentangkan beberapa strategi untuk mengatasi masalah-masalah tersebut melalui apa yang dinamakan sebagai ITQAN 9 (2020). Pelan strategik ini turut meletakkan kajian saintifik sebagai salah satu mekanisme penting di dalam menyediakan program-program intervensi bagi mengatasi masalah-masalah tersebut di negeri Selangor secara lebih efektif.

Kajian tentang masjid di negeri Selangor

Kajian berkaitan dengan pengimarahan dan peranan masjid, dan program pengajian kelas-kelas agama di masjid, terutamanya di negeri Selangor, memang ada dijalankan oleh para penyelidik. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut lebih bersifat umum mengenai pengimarahan dan peranan masjid, dan sesetengah itu tertumpu kepada satu aspek aktiviti di masjid dan bukannya melihat kepada keseluruhan proses dan kandungan pengajian tersebut.

Antara kajian dan penulisan yang membincangkan tentang pengimarahan masjid secara umum yang boleh dimanfaatkan oleh kajian projek ini ialah buku "Pengimarahan Masjid dalam Agenda Ummah" yang merupakan sebuah buku yang menghimpunkan koleksi terpilih ahli akademik di Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid dengan tema 'Masjid Pemangkin Pembangunan Modal Insan' (Azmi Jasmi, 2008). Koleksi artikel di dalam buku ini mengupas aspek-aspek pengimarahan masjid yang menjadi mercu agenda umat dalam masyarakat Islam.

Sebuah buku lagi diterbitkan oleh Universiti Teknologi Malaysia bertajuk "Menginovasi Masjid: Mensejahtera Ummah" telah menghimpunkan kertas kerja berkaitan pembangunan masjid inovatif dari pelbagai aspek (Mustari, et al., 2013). Tajuk-tajuk yang dibincangkan di dalam buku ini dapat membantu kajian projek ini khususnya ke arah pelaksanaan dan pembangunan masjid inovatif di Malaysia.

Satu lagi kajian yang berkaitan ialah "Model Pengimarahan Dan Prestasi Masjid di Malaysia: Satu pengenalan Awal" (Abdul Mutalib & Wan Razali, 2013). Cadangan model pengimarahan masjid kajian ini yang boleh dijadikan panduan bagi penyediaan modul pengajian masjid. Buku bertajuk "Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar" menerangkan strategi- strategi yang boleh dipraktikkan untuk meningkatkan keberkesanan institusi masjid dan kepimpinannya (Abdul Mutalib, 2016).

Kajian berkenaan dengan "Pandangan Imam dan Pentadbir Tentang Kehadiran Masyarakat ke Masjid" juga boleh membantu projek ini (Ashaari, 2018). Proses pengumpulan data dilakukan melalui sesi temuduga dengan lima pegawai hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan, Shah Alam, Pulau Pinang dan Sarawak, sekali gus membantu mendapatkan maklumat umum tentang kehadiran masyarakat ke masjid.

Satu kajian tentang keberkesanan program pengajian masjid di daerah Hulu Langat, Selangor telah dijalankan oleh Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007). Beliau menggunakan beberapa kaedah seperti temu bual, soal selidik dan pengamatan untuk pengumpulan data di negeri Selangor. Manakala hasil

kajian Mohd Mohadis bin Haji Yasin yang bertajuk "Pengurusan dan Pentadbiran Institusi Masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka" menerangkan aktiviti-aktiviti masjid di Melaka yang memberi sumbangan terhadap perkembangan pemikiran, keilmuan, budaya dan cara hidup masyarakat Islam (Haji Yasin, 1997).

Di dalam artikel bertajuk, "Faktor Yang Mempengaruhi Kecenderungan Masyarakat Dalam Mengimarahkan Masjid" membincangkan faktor kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid khususnya Masjid Al-Hasanah (Abdul Karim & Siti Syafiqah, 2016). Terdapat tiga faktor yang difokuskan dalam kajian ini iaitu faktor pengurusan fasiliti, kepelbagaian aktiviti dakwah dan pengurusan dana masjid. Menggunakan *Statistic Package for Social Science* (SPSS), kajian mendapati hubungan signifikan antara ketiga-tiga faktor itu dengan kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid.

Buku "Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari" merupakan sebuah buku yang membincangkan fungsi dan peranan masjid sejak zaman kegemilangan Islam sehingga masa hadapan (Mustari & Jasmi, 2008). Keperluan masjid untuk kembali menjalankan fungsinya serta cabaran masjid dalam menghadapi kecelaruan masyarakat adalah fokus setiap artikel dalam buku ini. Satu kertas kerja bertajuk "Kefahaman Tentang Konsep Pengimarahan Masjid Sebagai Institusi Islam: Pengalaman Terhadap Masjid Yang Terpilih Di Semenanjung Malaysia" telah dibentangkan mengenai konsep pengimarahan masjid yang berperanan sebagai institusi Islam sejak dahulu (Abdul Rahman, et al., 2019). Kajian ini berkongsi pengalaman yang dilalui oleh pihak pengurusan masjid di beberapa buah negeri yang telah terpilih menjadi masjid yang terbaik di Semenanjung Malaysia.

Satu kertas kerja dibentangkan mengenai pengimarahan Masjid Puncak Alam (MPA) bertajuk "Masjid Puncak Alam: Imarah Hissi Dan Maknawi" (Mahmud, 2017). Program takmir telah memberikan kesan positif kepada perkembangan agama Islam serta pengimarahan masjid. Kajian ini telah meneliti berbagai-bagai dokumen termasuk buku-buku, kertas kerja, fail-fail jabatan agama negeri termasuk teks-teks ucapan oleh pihak berwajib agama seperti JAIS dan MAIS serta Ahli Lembaga Pentadbiran MPA mengenai perihal penyaluran ilmu melalui masjid. Kajian ini menganalisis gambaran semasa berkaitan pelaksanaan program takmir MPA dan mendapati masyarakat awam menjadikan MPA sebagai pusat sumber ilmu agama.

Kertas kerja "Pengurusan Dan Pengimarahan Masjid: Kefahaman Dan Tuntutannya" telah dibentangkan bertujuan untuk menjelaskan tentang konsep pengimarahan masjid (Kamaruddin, 2019). Kajian ini merupakan satu kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati pengimarahan institusi masjid akan menjadi utuh apabila masyarakat memahami dan menghayati konsep imarah dalam Islam. Kajian ini mengusulkan pengimarahan masjid hendaklah merangkumi pengurusan dan pentadbiran, ibadah dan akidah, kebajikan dan komuniti, keilmuan dan pendidikan, kebersihan dan keceriaan, ekonomi dan kewangan, dan dakwah dan politik.

Di dalam "Laporan Akhir Kajian Program Pengajian Masjid di Daerah Gombak" oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, para penyelidik mendapati bahawa ahli komuniti di sekitar masjid juga meminati ilmu-ilmu kehidupan selain ilmu agama sebagai pengajian di masjid (Abd Rahman, et al., 2020). Peranan ahli jawatankuasa masjid serta struktur fizikal atau suasana masjid itu sendiri juga penting dalam mendekatkan golongan masyarakat kepada masjid. Laporan tersebut juga mencadangkan pendidik untuk memperkasakan lagi prestasi pengajaran mereka selain menstrukturkan kurikulum pengajian agama untuk diteliti atau diperincikan.

Yusmini Md. Yusoff telah menjalankan satu kajian yang bertajuk "Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri Di Semenanjung Malaysia" (Md. Yusoff, 2004). Hasil kajian ini dapat membantu untuk mendapatkan pandangan umum ke atas kelas-kelas

pengajian yang diadakan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Satu artikel telah ditulis oleh tentang pengajian hadis di masjid-masjid di Malaysia secara umum, bertajuk "Pengajian Hadith di Masjid Malaysia". Artikel ini membincangkan isu pengajian hadis di masjid-masjid di Malaysia (Isa & Amran, 2017). Proses pengumpulan data adalah melalui data primer iaitu melalui temu bual dan data sekunder daripada sumber dokumen, buku, artikel dan jurnal. Kajian ini menyentuh tentang cabaran pengajian hadis di masjid-masjid di Malaysia.

Kajian mengenai kandungan pengajian hadis dan kitab-kitab hadis yang digunakan khususnya di tiga buah masjid daerah di negeri Selangor juga berkaitan dengan projek ini (Wazir, et al., 2016). Penilaian serta saranan yang dilakukan oleh panel penyelidik mampu membantu projek ini untuk menambah baik kandungan sedia ada.

Di dalam buku "Masjid Dalam Islam: Sejarah, Peran dan Kedudukan", Muhammad Uthman El-Muhammady menyatakan bahawa kurikulum pendidikan masjid perlu disistematikkan dengan inputnya terdiri daripada al-Qur'ān dan tafsirnya, termasuk tajwidnya, hadis dan sirahnya, serta sejarahnya, usuluddin dan fiqhnya, masalah ilmu-ilmu sesatnya, fiqh amaliahnya, dengan bimbingan tentang hidup harian dan semasa, akhlak dan hidup rohaniahnya dengan penumpuan kepada pembersihan akhlak daripada sifat-sifat yang keji dan pelaksanaan dan amalan sifat-sifat yang mulia dan murni (2020). Semuanya perlu disampaikan berdasarkan teks-teks yang dipilih dengan sistematik supaya selaras dan tepat, tidak menyeleweng. Semuanya dengan berdasar kepada pegangan dan amalan Ahli al-Sunnah wa al- Jama'ah di mana masjid-masjid merupakan benteng bagi mempertahankannya. Identiti rantau ini sebagai rantau Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah perlu dipertahankan oleh kita semua termasuk institusi masjid keseluruhannya. Aliran-aliran lain boleh dipelajari sebagai bahan bandingan. Semua bentuk penyelewengan akidah hendaklah dielakkan dan masyarakat perlu diberi pendidikan supaya mereka kebal terhadap pengaruh-pengaruh menyeleweng.

Manakala sasaran hendaklah kepada pelbagai lapisan di dalam masyarakat, bukan hanya kepada yang tertentu. Di dalam artikel bertajuk "Pemerkasaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporari" disarankan agar masjid berperanan membangunkan masyarakat era kontemporari melalui pemerkasaan peranan masjid sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, menyusun struktur kerja masjid dan imam yang ideal, sebagai pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi dalam masyarakat setempat, pusat penginapan pelancong Islam dan mesra orang kelainan upaya (OKU) (Abd. Wahab, et al., 2017).

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Khasbie Marzuki dan Hafizul Rasdi mendapati masjid telah menjadi sebuah institusi yang berperanan besar sebagai pusat ilmu golongan dewasa khususnya di Sarawak (2018). Program Pendidikan yang amat sistematik dan terbuka kepada yang berminat seperti Kelas Agama Dewasa (KAD) merupakan kesinambungan usaha dakwah oleh pihak Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) serta menyerlahkan masjid sebagai pusat pendidikan.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa belum ada kajian untuk menyediakan modul pengajian di masjid-masjid negeri Selangor secara menyeluruh. Projek kajian yang dicadangkan ini akan dapat mengisi kelompangan sedia ada serta menyumbang kepada proses pengimarahan masjid-masjid di negeri Selangor secara keseluruhannya.

METODOLOGI / KAEDAH KAJIAN

Metode Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif.

Kaedah Pembinaan Instrumen Kajian

Umumnya, pengumpulan data dalam kajian ini terbahagi kepada tiga:

1. Kajian perpustakaan; penggunaan dokumen-dokumen yang berautoriti dari sumber- sumber primer dan sekunder seperti:
    a. Buku
    b. Jurnal
    c. Disertasi
    d. Kertas kerja persidangan
    e. Tulisan akhbar berkenaan tajuk yang dikaji.

2. Perbincangan dan bengkel bersama pakar-pakar dari kalangan ahli akademik khususnya dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
3. Kajian lapangan; kajian ini menggunakan soal selidik secara maya bagi mencapai objektif dan persoalan kajian. Berdasarkan kajian lepas, penyelidik telah menjalankan kajian di masjid-masjid di dalam daerah Gombak di mana masjid di kawasan bandar dan luar bandar sebagai responden kajian. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan dua daerah lain di Selangor untuk mendapatkan perspektif yang lebih luas tentang program pengajian masjid, persepsi masyarakat dan cadangan penambahbaikan terhadap program sedia ada.

Kaedah Persampelan

Kaedah persampelan yang digunakan adalah teknik pensampelan tidak kebarangkalian, secara khususnya teknik “persampelan bersasar”. Menurut Howitt dan Cramer (2017) teknik persampelan bersasar boleh digunakan dalam kajian untuk memastikan bahawa responden mempunyai pengalaman langsung mengenai sesuatu topik tersebut. Teknik ini boleh memastikan kajian ini dapat menganalisis data yang berfokus kepada masyarakat Islam Petaling dan Sabak Bernam.

Kajian Rintis

Sebuah kajian rintis telah dijalankan oleh para penyelidik untuk menguji kesesuaian borang soal selidik yang akan digunakan oleh kajian. Oleh itu, kumpulan penyelidik kajian ini telah berbincang pada 21 sehingga 30 Mei 2021 dan mereka satu borang soal selidik akan digunakan sebagai percubaan. Borang soal selidik tersebut mempunyai 7 bahagian iaitu: demografik, tujuan utama, tahap pengetahuan responden terhadap ilmu asas agama Islam, tahap minat responden kepada ilmu agama Islam, tahap keberkesanan pengajian agama di masjid, manfaat ilmu pengajian agama kepada responden, cadangan penambahbaikan pengajian agama masjid serta pilihan saluran media pembelajaran responden. Pihak penyelidik ingin mengetahui persepsi responden tentang tahap pengetahuan, tahap minat, keberkesanan dan manfaat pengajian masjid sedia ada. Borang ini juga menyediakan ruang bagi dua item soalan terbuka untuk responden memberikan cadangan lain dari segi ilmu atau penambahbaikan lain selain yang tertera di bahagian sebelumnya. Penyelidik juga ingin mengetahui apakah cadangan penambahbaikan terhadap pengajian masjid sedia ada daripada responden. Selain itu, penyelidik turut ingin mengenal pasti saluran media yang digunakan oleh responden untuk mempelajari ilmu agama Islam semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Para penyelidik ini telah mengumpul data dari 30 orang responden di negeri Selangor dari 5 Jun sehingga 10 Jun 2021. Responden ini dipilih berdasarkan kriteria di mana mereka harus menetap atau bermukim di Selangor. Hasil daripada dapatan kajian rintis ini, data telah dianalisis melalui perisian SPSS. Hasil Analisis soal selidik kajian telah menunjukkan nilai Cronbach's Alpha bagi setiap skala di dalam borang tersebut: tahap pengetahuan responden terhadap ilmu asas agama Islam (α=0.77), tahap minat responden kepada ilmu agama Islam (α=0.75), tahap keberkesanan pengajian agama di masjid (α=0.78) dan manfaat ilmu pengajian agama (α=0.79). Nilai-nilai tersebut menunjukkan soal selidik mempunyai tahap kebolehpercayaan (*reliability*) yang tinggi dan boleh diterima.

Borang soal selidik kajian

Borang ini disediakan bertujuan untuk mengumpul maklumat maklum balas dari responden di Petaling dan Sabak Bernam. Selepas kajian rintis telah dijalankan, kajian ini telah menggunakan borang soal selidik tersebut untuk mengumpul data responden yang direka oleh penyelidik melalui aplikasi *Google Form*. Setiap daerah menerima satu borang soal selidik. Setiap bahagian di dalam borang soal selidik kajian rintis telah dikekalkan. Data yang telah dikumpulkan akan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Penyelidik kemudiannya membincangkan data yang dikumpulkan sehingga satu kesimpulan dan cadangan kajian dapat diberikan.

Responden Kajian

Bahagian ini menerangkan tentang responden yang dipilih untuk kajian ini. Menurut Teknik persampelan bersasar, responden haruslah dipilih berdasarkan kriteria inklusif dan eksklusif yang ditetapkan oleh penyelidik kajian. Hal ini dapat memastikan bahawa data responden yang bakal diperoleh adalah data yang relevan kerana mereka sendiri adalah penduduk di daerah- daerah tersebut dan mempunyai pengalaman ke masjid di kawasan mereka. Satu kriteria inklusif telah ditentukan bagi pemilihan responden dalam kajian ini oleh para penyelidik. Responden haruslah menetap atau bermukim di salah satu daerah sama ada di Petaling atau

Sabak Bernam. Kriteria eksklusif bagi responden dalam kajian ini adalah responden yang bukan penduduk di kedua buah daerah yang telah disenaraikan. Justeru, mana-mana data yang datang dari responden selain Petaling dan Sabak Bernam tidak akan diambil kira. Bagi memastikan generalisasi kajian dapat dicapai, pihak penyelidik telah memastikan bahawa sekurang-kurangnya 1200 data dari kedua-dua buah daerah dikumpulkan.

Prosedur pengumpulan data

Oleh itu, pihak penyelidik telah menghubungi PAID Sabak Bernam, PAID Petaling dan JAIS untuk membantu mendapatkan maklumat masjid dan tahap keaktifan masjid serta meminta bantuan mereka untuk turut menyebarkan borang soal selidik kajian kepada komuniti setempat mereka. Bantuan 5 orang "enumerator" dari kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang menetap di Petaling dan Sabak Bernam juga telah digunakan. Setiap "enumerator" juga telah dibahagikan mengikut daerah tempat tinggal mereka; 3 orang "enumerator" di daerah Petaling dan 2 orang "enumerator" di Sabak Bernam. Mereka telah diarahkan untuk menyebarkan borang soal selidik kajian kepada komuniti di daerah mereka sahaja. Kajian ini telah dijalankan pada 15 Jun sehingga 31 Julai 2021.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini melaporkan dapatan daripada analisis-analisis yang telah dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif untuk responden di daerah Petaling dan Sabak Bernam bagi mendapatkan maklum balas dari masyarakat tentang pengajian agama Islam masjid di negeri Selangor. Satu borang soal selidik telah disebarkan kepada penduduk di kedua- dua daerah dan hasil dapatan kajian telah dianalisis menggunakan perincian SPSS. Data di bawah telah disusun mengikut persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh para penyelidik.

Analisis Demografik

Bahagian ini menunjukkan dapatan kajian hasil bagi item demografik untuk responden dari daerah Petaling dan Sabak Bernam.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Mukim

Petaling			*Sabak Bernam*		
	Frekuensi	%		Frekuensi	%
Petaling	384	67.1	Sabak	328	53.1
Damansara	80	14	Bagan Nakhoda Omar/Sungai Air Tawar	96	15.5
Sungai Buloh	77	13.5	Panchang Bedena	78	12.6
Bukit Raja	31	5.4	Pasir Panjang	67	10.8
			Sungai Panjang	49	7.9

Jadual 1 menerangkan tentang taburan responden di kedua-dua daerah mengikut mukim. Data ini menunjukkan bahawa lebih daripada separuh responden dari daerah Petaling tinggal di mukim petaling (67.1%). Manakala bagi daerah Sabak Bernam majoriti responden adalah dari mukim Sabak (53.1%). Hal ini kerana kedua-dua mukim ini mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan akses kepada internet yang baik, memudahkan mereka untuk menjawab soal selidik ini.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Petaling			*Sabak Bernam*		
	Frekuensi	%		Frekuensi	%
Lelaki	333	58.2	Perempuan	369	59.7
Perempuan	239	41.8	Lelaki	249	40.3

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut jantina. Taburan responden mengikut kategori jantina menggambarkan kadar yang agak sama rata antara dua jantina dan kedua-dua daerah. Di daerah Petaling, majoriti responden adalah lelaki (58.2%) dan perempuan (41.8%). Data yang hampir sama dapat dilihat untuk daerah Sabak Bernam, terdapat lebih responden perempuan (59.7%) daripada responden lelaki (40.3%).

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Umur

Petaling			*Sabak Bernam*		
	Frekuensi	%		Frekuensi	%
15 -25 Tahun	195	34.1	15 -25 Tahun	409	66.2
46 - 55 Tahun	123	21.5	46 - 55 Tahun	66	10.7
56 - 65 Tahun	94	16.4	56 - 65 Tahun	48	7.8
26 - 35 Tahun	64	11.2	26 - 35 Tahun	47	7.6
36 - 45 Tahun	83	14.5	36 - 45 Tahun	41	6.6
66 Tahun ke atas	13	2.3	66 Tahun ke atas	7	1.1

Tahap Keberkesanan Pengajian Agama di Masjid.

Berikut adalah dapatan kajian bagi persoalan kajian pertama berkenaan dengan tahap keberkesanan pengajian masjid sedia ada. Terdapat tujuh item di dalam borang soal selidik untuk persoalan kajian ini. Data di bawah juga menunjukkan dapatan kajian dari responden yang menghadiri sekurang-kurangnya satu program pengajian agama di masjid.

Jadual 4: Tahap Keberkesanan Pengajian Ilmu Di Masjid

Petaling

Apakah pendapat anda tentang keberkesanan pengajian ilmu di masjid kariah anda:	Min	Std. Deviation	%
Jadual pengajian disebarkan kepada semua ahli kariah	3.95	0.771	79
Guru mengaitkan isu-isu semasa dalam pengajian	3.89	0.692	77
Kelas pengajian mengikut jadual	3.88	0.728	77
Tajuk pengajian di masjid sesuai dengan saya	3.81	0.702	76
Penyampaian ilmu mudah difahami	3.79	0.747	75
Guru memberi peluang saya bertanya soalan	3.79	0.835	75
Kelas pengajian mendapat sambutan yang baik	3.76	0.708	75

{0 – 20 = Sangat Tidak Setuju; 21 – 40 = Tidak Setuju; 41 – 60 = Agak Setuju; 61 – 80 = Setuju; 81 – 100 = Sangat Setuju}

Jadual ini menggambarkan data responden daerah Petaling tentang keberkesanan pengajian agama di masjid kariah mereka. Responden bagi daerah Petaling menunjukkan peratusan “setuju” untuk setiap item. Peratusan min setiap item adalah seperti berikut; jadual pengajian disebarkan kepada semua ahli kariah (79%), kelas pengajian mengikut jadual (77%), guru mengaitkan isu-isu semasa dalam pengajian (77%), tajuk pengajian di masjid sesuai dengan saya (76%), penyampaian ilmu mudah difahami (75%), guru memberi peluang saya bertanya soalan (75%) dan kelas pengajian mendapat sambutan yang baik (75%).

Jadual 5: Tahap Keberkesanan Pengajian Ilmu Di Masjid

Sabak Bernam

Apakah pendapat anda tentang keberkesanan pengajian ilmu di masjid kariah anda:	Mean	Std. Deviation	%
Penyampaian ilmu mudah difahami	3.96	0.729	79
Guru mengaitkan isu-isu semasa dalam pengajian	3.95	0.785	79
Guru memberi peluang saya bertanya soalan	3.91	0.765	78
Jadual pengajian disebarkan kepada semua ahli kariah	3.91	0.845	78
Kelas pengajian mengikut jadual	3.88	0.807	77
Tajuk pengajian di masjid sesuai dengan saya	3.84	0.752	76
Kelas pengajian mendapat sambutan yang baik	3.74	0.867	74

{0 – 20 = Sangat Tidak Setuju; 21 – 40 = Tidak Setuju; 41 – 60 = Agak Setuju; 61 – 80 = Setuju; 81 – 100 = Sangat Setuju}

Jadual ini menggambarkan tahap keberkesanan pengajian agama di masjid-masjid di daerah Sabak Bernam. Data yang sama juga dapat dilihat untuk jadual di atas di mana responden dari Sabak Bernam secara majoriti telah menunjukkan mereka "setuju" dengan setiap item. Berikut adalah peratusan min setiap item; penyampaian ilmu mudah difahami (79%), guru mengaitkan isu-isu semasa dalam pengajian (79%), guru memberi peluang saya bertanya soalan (78%), kelas pengajian mengikut jadual (77%), jadual pengajian disebarkan kepada semua ahli kariah (78%), tajuk pengajian di masjid sesuai dengan saya (76%) dan kelas pengajian mendapat sambutan yang baik (74%). Hasil dapatan kajian ini telah menjawab persoalan kajian ketiga mengenai tahap keberkesanan pengajian agama masjid di negeri Selangor.

Cadangan Penambahbaikan untuk Pengajian Agama di Masjid

Berikut adalah dapatan kajian bagi persoalan kajian kedua berkenaan penambahbaikan terhadap kandungan serta penyampaian kelas pengajian agama di masjid Sabak Bernam dan Petaling. Terdapat 13 item bagi persoalan kajian ini di dalam borang soal selidik. Data di bawah menunjukkan dapatan kajian dari responden yang menghadiri sekurang-kurangnya satu program pengajian agama di masjid.

Jadual 6: Penambahbaikan Terhadap Kandungan Dan Penyampaian Pengajian Agama Masjid

Petaling

Pada pendapat saya, pengajian di Masjid kariah ini akan lebih menarik jika mempunyai:	Frekuensi	%
Pengajian kitab berstruktur (Pengajian menggunakan kitab yang ditentukan)	265	80.5
Penceramah memberikan tunjuk ajar secara praktikal	251	76.3
Pengajian bermodul (berdasarkan tajuk-tajuk terpilih)	248	75.4
Perbincangan tentang topik-topik secara santai	248	75.4
Penceramah menggunakan teknologi multimedia	239	72.6

AJK masjid yang lebih mesra	201	61.1
Rakaman ceramah yang dimuatnaik di Youtube	195	59.3
Program bersama masyarakat di lokasi selain masjid	185	56.2
Aktiviti perkembangan kanak-kanak	172	52.3
Pengajian dalam talian secara siaran langsung	159	48.3
Kursus yang dapat menjana sumber pendapatan	140	42.6
Sijil tamat pengajian	96	29.2
Penceramah selebriti	89	27.1

Jadual di atas menerangkan senarai penambahbaikan pengajian agama masjid berdasarkan pendapat responden yang hadir ke program pengajian agama di daerah Petaling. Peratusan tertinggi di dalam jadual tersebut merupakan cadangan untuk pengajian kitab berstruktur (pengajian menggunakan kitab yang ditentukan) (80.5%) manakala peratusan terendah adalah supaya pihak masjid memberikan sijil tamat pengajian (29.2%) dan mengupah penceramah selebriti (27.1%). Selainnya, jadual menunjukkan peratusan seperti berikut; perbincangan tentang topik-topik secara santai (75.4%), pengajian bermodul (berdasarkan tajuk-tajuk terpilih) (75.4%), penceramah menggunakan teknologi multimedia (72.6%), AJK masjid yang lebih mesra (61.1%), rakaman ceramah yang dimuat naik di Youtube (59.3%), program bersama masyarakat di lokasi selain masjid (56.2%), aktiviti perkembangan kanak-kanak (52.3%) pengajian dalam talian secara siaran langsung (48.3%), serta kursus yang dapat menjana sumber pendapatan (42.6%).

Jadual 7: Penambahbaikan Terhadap Kandungan Dan Penyampaian Pengajian Agama Masjid

Sabak Bernam

Pada pendapat saya, pengajian di Masjid kariah ini akan lebih menarik jika mempunyai:	Frekuensi	%
Perbincangan tentang topik-topik secara santai	357	85
Penceramah memberikan tunjuk ajar secara praktikal	325	77.4
Pengajian bermodul (berdasarkan tajuk-tajuk terpilih)	312	74.3
Penceramah menggunakan teknologi multimedia	310	73.8
Program bersama masyarakat di lokasi selain masjid	289	68.8
AJK masjid yang lebih mesra	283	67.4
Pengajian kitab berstruktur (Pengajian menggunakan kitab yang ditentukan)	265	63.1
Aktiviti perkembangan kanak-kanak	255	60.7
Kursus yang dapat menjana sumber pendapatan	229	54.5
Penceramah selebriti	215	51.2
Sijil tamat pengajian	198	47.1
Rakaman ceramah yang dimuatnaik di Youtube	193	44.7
Pengajian dalam talian secara siaran langsung	164	39

Responden di Sabak Bernam pula menunjukkan peratusan tertinggi pada cadangan untuk berbincang tentang topik-topik secara santai (85.0%). Walau bagaimanapun, peratusan terendah bagi Sabak Bernam adalah untuk pilihan cadangan pengajian dalam talian secara siaran langsung (39.0%). Ini menunjukkan perbezaan antara kedua-dua buah daerah untuk item cadangan membawa penceramah selebriti untuk pengajian agama masjid, di mana responden Petaling merekodkan peratusan 27.1% dan di Sabak Bernam, 51.2%. Berikut adalah peratusan item yang selainnya; penceramah memberikan tunjuk ajar secara praktikal (77.4%), pengajian bermodul (berdasarkan tajuk-tajuk terpilih) (74.3%), penceramah menggunakan teknologi multimedia (73.8%), program bersama masyarakat di lokasi selain masjid (68.8%), AJK masjid yang lebih mesra (67.4%), pengajian kitab berstruktur (pengajian menggunakan kitab yang ditentukan) (63.1%), aktiviti perkembangan kanak-kanak (60.7%), kursus yang dapat menjana sumber pendapatan (54.5%), sijil tamat pengajian (47.1%), rakaman ceramah yang dimuat naik di youtube (44.7%) dan pengajian dalam talian secara siaran langsung (39.0%). Hasil dapatan kajian ini menjawab persoalan kajian keempat mengenai cadangan penambahbaikan pengajian agama Islam di masjid.

Cadangan Lain

Responden juga telah ditanya tentang cadangan ilmu dan penambahbaikan lain yang sesuai untuk kurikulum pengajian agama masjid di negeri Selangor. Item ini adalah item berbentuk terbuka di mana responden boleh mencadangkan apa-apa perkara lain selain yang telah tertera di dalam borang soal selidik. Item-item ini dapat memastikan para penyelidik dapat memperoleh jawapan yang lebih menyeluruh dari responden.

Jadual 8: Cadangan Ilmu Lain Untuk Pengajian Agama Di Masjid

- Aktiviti sosial dan sukan
- *E-sports*
- Falak
- Fesyen dalam Islam
- Ilmu Firasat
- Kemahiran hidup (masakan, jahitan, lain-lain)
- Kemahiran IT dan sosial media
- Kepimpinan
- Kelas tambahan SPM
- Kesihatan
- Komunikasi Bahasa; Bahasa Cina, India
- Pemasaran
- Pengurusan surau
- Pengurusan diri
- Penjagaan alam sekitar
- Pertolongan cemas
- Pertanian
- Perubatan Islam
- Politik dalam Islam
- Sejarah Melayu
- Seni mempertahankan diri
- Seni Islam
- *Upskilling*

Jadual 8 menunjukkan cadangan ilmu lain yang diberikan oleh responden dari Petaling dan Sabak Bernam. Antara cadangan ilmu lain yang diminati responden adalah kemahiran- kemahiran penting dalam hidup, pertanian, seni mempertahankan diri dan sebagainya.

Jadual di atas adalah cadangan penambahbaikan tambahan yang disenaraikan oleh responden Petaling dan Sabak Bernam. Antara penambahbaikan lain berdasarkan cadangan responden adalah penambahbaikan infrastruktur dan suasana masjid serta menyediakan program kolaborasi antara surau dan masjid.

Jadual 9: Cadangan Penambahbaikan Lain Untuk Pengajian Agama Di Masjid

- Rekod kehadiran
- Penyediaan kudapan bagi yang hadir ke Kuliah
- Lebih mesra dengan remaja
- Memudahkan proses pentauliahan guru agama
- Kolaborasi antara surau-surau dan masjid-masjid
- Penceramah yang beradab, tenang dan tiada unsur politik
- Penubuhan persatuan remaja kariah
- Penggunaan pembesar suara di masjid untuk kawasan sekitar
- Nota ceramah dikongsi
- Menjaga landskap dan kebersihan masjid
- Kemudahan internet di masjid
- Penyediaan ruang untuk kanak-kanak bermain untuk memudahkan kaum ibu
- Pengudaraan masjid yang baik
- Menyediakan kerusi ergonomik
- Banyakkan aktiviti kemasyarakatan
- Memberi ruang untuk masyarakat memberi cadangan kepada pihak masjid
- Adakan aktiviti berlainan setiap minggu

PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

PERBINCANGAN

Bahagian ini merangkumi perbincangan kepada hasil dapatan kajian ini iaitu tahap keberkesanan dan manfaat pengajian agama di masjid serta cadangan penambahbaikan. Ketika pandemik Covid-19, masyarakat tidak dapat menghadiri pengajian agama di masjid secara bersemuka. Oleh itu, pengkaji juga akan membincangkan tentang saluran medium pembelajaran agama responden.

Tahap keberkesanan dan manfaat pengajian agama masjid di Negeri Selangor

Bahagian ini membincangkan Jadual 4 dan 5 tentang tahap keberkesanan pengajian agama di masjid sekitar Selangor. Data yang dianalisis juga adalah data responden yang pernah hadir ke salah satu program pengajian agama di Selangor seperti kuliah agama, kuliah muslimat atau program ceramah perdana. Secara amnya, responden di kedua-dua buah daerah telah mengatakan bahawa pengajian masjid ini berkesan untuk mereka. Ini dapat dilihat dalam data di jadual-jadual seterusnya. Jadual 4 dan 5 telah menunjukkan bahawa responden menerima manfaat kepada diri mereka hasil dari pengajian agama di masjid.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kepentingan institusi masjid untuk sentiasa mengadakan majlis-majlis ilmu seperti ini. Ia juga menggambarkan keperluan bagi pihak masjid untuk mempertingkatkan lagi usaha murni untuk berkongsi kebaikan majlis ilmu kepada lebih ramai masyarakat Muslim. Ini penting agar pihak masjid terus mendekati ahli komuniti yang tidak ke masjid dan berkongsi manfaat bersama. Ia selari dengan apa yang telah dituliskan dalam buku "Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari" di mana pihak masjid perlu menghidupkan semula jiwa kemasyarakatan seperti pada zaman kegemilangan Islam sekali pun mencabar (Mustari & Jasmi, 2008).

Dalam pada itu, data yang ditunjukkan di dalam jadual 6 dan 7 wajar digunakan sebagai peluang untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian pengajian di negeri Selangor. Ini menunjukkan bahawa masih banyak lagi yang perlu diperbetulkan dalam sistem pengajian agama Islam di Selangor walaupun ada sejumlah kecil masyarakat yang berpuas hati dengan prestasi pengajian di masjid. Kerja-kerja penambahbaikan ini haruslah bersifat konsisten dan progresif agar mutu pengajian agama Islam sentiasa berada di tahap yang tertinggi. Hal ini juga mustahak bagi memurnikan lagi usaha penghayatan agama Islam di negeri Selangor ke tahap yang lebih baik seperti mana yang telah diutarakan oleh baginda DYMM Sultan Selangor.

Cadangan penambahbaikan pengajian agama Islam masjid di Selangor

Jadual 6 dan 7 menunjukkan cadangan penambahbaikan yang telah dijawab oleh para responden. Jadual 6 menunjukkan hasil dapatan kajian dari daerah Petaling dan data telah menunjukkan beberapa perkara yang menarik. Berdasarkan jadual tersebut, berikut adalah cadangan-cadangan penambahbaikan tertinggi melebihi 60% dan secara turutan. Cadangan yang tertinggi adalah pengajian kitab berstruktur (pengajian menggunakan kitab yang ditentukan) diikuti dengan penceramah memberikan tunjuk ajar secara praktikal, pengajian bermodul (berdasarkan tajuk-tajuk terpilih), perbincangan tentang topik-topik secara santai, penceramah menggunakan teknologi multimedia dan ahli jawatankuasa (AJK) masjid yang lebih mesra. Manakala di Sabak Bernam, cadangan-cadangan yang mendapat lebih dari 60% adalah perbincangan tentang topik-topik secara santai, penceramah memberikan tunjuk ajar secara praktikal, pengajian bermodul (berdasarkan tajuk-tajuk terpilih). penceramah menggunakan teknologi multimedia, program bersama masyarakat di lokasi selain masjid, ahli jawatankuasa (AJK) masjid yang lebih mesra, pengajian kitab berstruktur (pengajian menggunakan kitab yang ditentukan) dan aktiviti perkembangan kanak-kanak.

Data di atas telah menggambarkan bahawa penduduk di Petaling dan Sabak Bernam mahukan penambahbaikan dari segi struktur pengajian, cara guru menyampaikan pengajian, kemesraan ahli jawatankuasa masjid serta kepelbagaian program pengajian. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengajian agama masjid yang tradisional atau tidak mempunyai struktur yang baik dan mungkin telah menyebabkan kelas menjadi terlampau panjang atau tidak berfokus dan sebagainya. Cara penyampaian pengajian dahulu juga mungkin lebih statik, mendatar dan tiada kelainan yang mungkin kurang mendapatkan perhatian ahli masyarakat.

Di samping itu, mungkin juga terdapat masalah dari segi kurang sifat keterbukaan atau keramahan AJK masjid yang mungkin menyebabkan sesetengah masyarakat tidak merasa selesa atau terpanggil untuk ke masjid. “Laporan Akhir Kajian Program Pengajian Masjid di Daerah Gombak” juga telah mendapatkan informasi penting sebegini berdasarkan dapatan kajian mereka (Abd Rahman, et al., 2020). Penyelidik-penyelidik kajian tersebut turut menekankan kepentingan suasana masjid, sama ada pihak masjid dan tempat fizikal di masjid untuk tujuan merapatkan lagi masyarakat dengan institusi masjid. Perkara-perkara ini boleh menyumbangkan kepada pengajian agama Islam yang tidak efektif walaupun kandungan ilmunya yang tinggi.

Kontradiksinya, terdapat juga item cadangan yang tidak mendapat peratusan tertinggi berdasarkan pendapat responden di Petaling dan Sabak Bernam. Jadual 6 dan 7 menunjukkan bahawa item seperti penceramah selebriti, sijil tamat pengajian dan pengajian dalam talian secara siaran langsung mendapat peratusan di bawah 50%. Hal ini dapat menggambarkan bahawa responden kurang menggemari penceramah selebriti dan menginginkan individu atau guru-guru bertauliah yang sememangnya ahli kepada sesuatu ilmu tersebut. Responden juga memandang bahawa sijil pengajian juga bukan lah prioriti mereka yang utama, menunjukkan responden lebih menghargai

kualiti ilmu dan bukannya pentauliahan semata-mata. Responden juga telah menunjukkan bahawa program pengajian dalam talian secara langsung adalah satu mod yang kurang sambutan. Hal ini demikian kerana pemodenan masa dan teknologi serta faktor PKP yang menyebabkan masyarakat mempunyai lebih banyak kerja secara maya. Maka, mengikuti program pengajian sebegini mungkin agak susah dan tidak sesuai bagi mereka. Amnya, responden berpendapat bahawa ilmu agama haruslah diajar oleh ahlinya, kualiti ilmu harus lah tinggi dan pengajian haruslah mudah untuk diikuti. Perkara-perkara seharusnya diberi perhatian oleh pihak berkuasa bagi tujuan penambahbaikan yang berkesan untuk masa hadapan.

Selain itu, terdapat juga ruang lain yang boleh diteroka oleh pihak berkuasa dari segi kepelbagaian isi dalam kurikulum pengajian agama negeri Selangor. Ilmu-ilmu lain yang telah dinyatakan oleh responden seperti fesyen dalam Islam, penjagaan alam sekitar, pertolongan cemas dan lain-lain adalah relevan kerana ia berkaitan dengan cara hidup Islam. Maka pihak berkuasa boleh pertimbangkan penambahan kepada kurikulum pengajian ini supaya pengajian agama sentiasa menarik dan moden. Dari sudut cara pengajian, responden juga menyatakan cadangan lain seperti pengudaraan masjid yang baik, peruntukan perabot ergonomik, penubuhan kelab remaja masjid dan sebagainya adalah salah satu cara untuk penyelidik dan pihak berkuasa meningkatkan lagi kualiti pembelajaran agar pengajian agama Islam di negeri Selangor dapat dilestarikan.

RUMUSAN

Menerusi analisis-analisis yang telah dijalankan, hasil dapatan telah berjaya memberikan maklumat yang diperlukan oleh penyelidik untuk merangka dan membina modul pengajian agama masjid di negeri Selangor dengan lebih berkesan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya memperoleh dan membincangkan maklum balas responden dari negeri Selangor tentang pengajian agama Islam di masjid. Dalam pada itu, kajian ini boleh digeneralisasikan kepada masyarakat umum negeri Selangor namun masih harus dibuat dengan berhemat. Hasil kajian ini dilihat dapat membantu pihak berkuasa untuk menganalisis prestasi pengajian agama Islam masjid secara lebih komprehensif melalui pendapat masyarakat di peringkat akar umbi. Ternyata, terdapat keperluan yang jelas bagi pihak berkuasa dan pihak masjid untuk memperkasakan lagi pengajian agama Islam di masjid sekitar negeri Selangor.

CADANGAN

Berdasarkan analisis kajian ini, pihak penyelidik mencadangkan penambahbaikan pengajian agama Islam supaya lebih teliti dan berfokus. Berpandukan maklumat yang diperoleh dari responden Petaling dan Sabak Bernam, pihak penyelidik mencadangkan pengajian berkitab dan pembelajaran berdasarkan modul-modul yang sesuai seperti yang tertera di dalam jadual berikut.

Jadual 10: Cadangan Modul Dan Pengajian Berkitab Mengikut Tahap Pengetahuan Responden

Perkara	Cadangan	
	Modul	Pengajian Berkitab
Kaedah puasa dengan sempurna	• Fiqh Puasa, Fidyah dan Iktikaf	• Fiqh Ibadat
Kaedah solat dengan sempurna	• Solat Mengikut Mazhab Syafie • Solat Mengikut Empat Mazhab • Solat Berjemaah & Jumaat • Solat-solat Sunat	• Fiqh Ibadat
Akhlak Mukmin	• Asas Akhlaq	• Tasawuf
Hukum halal dan haram dalam kehidupan	• Konsep Halal Dan Haram • Kaedah-Kaedah Berijtihad Dalam Halal dan Haram • Halal dan Haram Dalam Pemakanan & Perubatan • Halal dan Haram Dalam Kepenggunaan dan Perkhidmatan	-
Kaedah bersuci dengan sempurna	• Fiqh Bersuci • Perkara-Perkara Sunnah Fitrah	• Fiqh Ibadat
Kaedah berzakat dengan sempurna	• Hukum dan Kaedah Pengiraan Zakat	• Fiqh Ibadat
Pembacaan al-Qur'ān	• Al-Fatihah Asas Kepada Kehidupan Rabbani • Bahasa Arab untuk Ibadah	-
Ilmu berkaitan kehidupan Akhirat	-	• Akidah
Ilmu Mengenal Allah	-	• Akidah
Ilmu berkaitan Qada' dan Qadar Allah	-	• Akidah
Sirah kehidupan Rasulullah SAW	• Interaksi Kejiranan Dalam Sirah Nabawiyyah	• Sirah
Hadis Rasulullah SAW	• Syarah Hadis-Hadis Sahih al-Bukhari	-
Kaedah mengerjakan haji dengan sempurna	• Asas Haji, Umrah dan Ziarah	• Fiqh Ibadat
Tafsir al-Qur'ān	• Al-Fatihah Asas Kehidupan Rabbani • Pengenalan Tafsir Tematik dan Nilai-Nilai Universal di dalam al-Qur'ān	• Tafsir al-Qur'ān (lanjutan)

Jadual 10 menunjukkan cadangan modul dan pengajian berkitab yang dilihat relevan bagi membantu pihak berkuasa untuk meningkatkan lagi tahap pengetahuan asas agama Islam di negeri Selangor.

Jadual 11: Cadangan Modul Dan Pengajian Berkitab Mengikut Tahap Minat Responden

Perkara	Cadangan	
	Modul	Pengajian Berkitab
Ilmu kekeluargaan Islam	• Pra Perkahwinan • Perkahwinan di dalam Islam • Penceraian/Pembubaran perkahwinan di dalam Islam • Pasca Penceraian di dalam Islam	• Fiqh Munakahat
Ilmu pembangunan insan	• Modul Pembangunan Diri Remaja Muhsin 6T • Taaruf • Teroka Diri, Teroka Alam • Kesihatan Reproduktif • Bersyukur dan Empati • Hormat	-
Isu-isu semasa dalam Ibadat	• Isu-isu Kontemporari Dalam Ibadat • Isu-isu kontemporari ibadat berkaitan taharah • Isu-isu kontemporari ibadat berkaitan solat • Isu-isu kontemporari ibadat berkaitan puasa	-
Ilmu pengurusan kewangan Islam	• Pengantar Muamalat • Kontrak-kontrak Dalam Islam • Perbankan Islam • Takaful • Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Hibah	• Fiqh Muamalat
Ilmu kesihatan mental	• Modul Pembangunan Diri Remaja Muhsin 6T • Konsep Ibadat dalam Islam • Fiqh Zikir, Selawat, Ruqyah dan Doa	-
Fiqh Wanita	• Fiqh Darah Wanita • Akhlak Wanita	• Fiqh Ibadat - Lanjutan
Ibadah Warga Emas, Orang Sakit dan Musafir	• Fiqh Warga Emas, Orang Sakit dan Musafir	• Fiqh Ibadat - Pertengahan
Ilmu menyantuni Orang Kelainan Upaya	-	
Fiqh Solat Empat Mazhab	• Solat Mengikut Empat Mazhab	
Ilmu Maqasid al Syariah	• Maqasid al-Syariah	
Bahasa Arab	• Bahasa Arab untuk Ibadah	• Ilmu Saraf • Ilmu Nahu
Perbandingan Agama	• Perspektif Al-Qur'ān Terhadap Agama-agama Lain Selain Islam • Fiqh Al-Ta'ayush	-
Penyelewengan Agama Islam	• Modul Penyelewengan Agama Islam	-

Berdasarkan kajian tentang minat penduduk di daerah Petaling dan Sabak Bernam, para penyelidik menyarankan agar pembelajaran berdasarkan modul dan pengajian berkitab disediakan bagi memenuhi keperluan pengetahuan agama Islam mereka. Jadual berikut menyenaraikan cadangan

modul dan pengajian berkitab berdasarkan hasil dapatan kajian ini mengikut minat responden. Perincian bagi setiap modul dan pengajian berkitab boleh didapati di bahagian lampiran kajian.

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya membentangkan cadangan-cadangan yang dibuat berikutan analisis maklum balas masyarakat negeri Selangor tentang pengajian agama Islam di masjid secara terperinci. Wajar juga diingatkan bahawa pemerkasaan kurikulum pengajian agama ini harus berjalan seiring dengan tindakan lanjutan yang berfokus kepada meningkatkan kualiti pengajian. Tindakan-tindakan selainnya boleh dilakukan dari segi melatih guru agama dalam menyampaikan ilmu dengan lebih efektif dan menarik, mempelbagaikan aktiviti pengajian, menjadi lebih mesra dengan masyarakat serta menggunakan saluran media pembelajaran yang mudah dan relevan. Hasil dapatan kajian ini telah menyumbang kepada usaha pengukuhan dan penghayatan agama Islam di kalangan masyarakat Islam di negeri Selangor. Seterus, ia merupakan strategi untuk mendepani isu-isu yang diketengahkan oleh DYMM Sultan Selangor serta Majlis Agama Islam Selangor sebelum ini secara holistik dan berkesan.

Para penyelidik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta pembangun modul bersedia untuk menawarkan kepakaran bagi meneruskan projek ke fasa selanjutnya iaitu dengan memberi latihan kepada guru takmir dan tenaga pengajar bertauliah masjid negeri Selangor yang akan menjadi pelaksana pengajian berkitab serta modul berstruktur di peringkat masjid-masjid. Di samping itu, pihak UIAM juga merancang untuk menawarkan setiap modul tersebut sebagai program yang diiktiraf dengan pengiktirafan kompetensi spesifik (*micro credential*) di mana para peserta dianugerahkan dengan mata kredit yang tertentu. Akhir sekali, kajian ini dilihat sebagai satu bantu loncatan dan dapat menyumbang kepada pemerkasaan kurikulum pengajian agama Islam di negeri Selangor seterusnya penjiwaan agama Islam yang lebih unggul oleh masyarakat Malaysia.

Jadual 12: Fasa Tindakan Serta Agensi Yang Terlibat

Cadangan Perlaksanaan	Jangkaan Masa	Tindakan
Latihan kepada guru takmir dan tenaga pengajar bertauliah negeri Selangor sebagai pelaksana modul	Januari 2022	Bahagian Pembangunan Masjid, JAIS dan pasukan pembangun modul UIAM
Perlaksanaan Projek Rintis (Pilot Test)	Mac 2022	Bahagian Pembangunan Masjid, JAIS dan pasukan pembangun modul UIAM
Perlaksanaan Pembelajaran Berdasarkan Kitab (Pengajian Berkitab) di Masjid-Masjid Negeri Selangor	Jun 2022	Bahagian Pembangunan Masjid, JAIS
Perlaksanaan Pembelajaran Berdasarkan Modul Berstruktur di Masjid-Masjid Negeri Selangor	Ogos 2022	Bahagian Pembangunan Masjid, JAIS
Pengiktirafan kehadiran pelajar pengajian di masjid melalui sistem kompetensi spesifik (micro credential) oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) - setiap pelajar dianugerahkan dengan mata jam kredit tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.	Januari 2023	Bahagian Penyelidikan, MAIS, Bahagian Pembangunan Masjid, JAIS dan pasukan penyelidik dan pembangun modul UIAM

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah menyediakan geran penyelidikan untuk kajian ini (No. Rujukan: MAIS/SPPS/BPY/600-7/3/16(7) bermula pada 15 Disember 2020 sehingga 14 Jun 2021.

RUJUKAN

Abdul Kadir, F. A. (2007). Keberkesanan kelas agama di masjid daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 25, 73-88

Abdul Mutalib, M. & Wan Razali, W. M. F. A. (2013). Model pengimarahan dan prestasi masjid di Malaysia: Satu pengenalan awal kajian. Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia.

Abdul Mutalib, M. (2016). *Masjid dan Pembangunan Komuniti Bandar dan Luar Bandar.* Penerbit USIM Press.

Abd. Wahab, N. A., Ab. Hamid, N. & Che Man, N. (2017). Pemerkasaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari, *e-Academia Journal UiTMT*, *5*(2) http://jounale-academiauitmt.edu.my

Abdul Karim, N. R. & Siti Syafiqah. (2016). Faktor yang mempengaruhi kecenderungan masyarakat dalam mengimarahkan masjid. *Proceedings of International Conference on Islamic Education and Research 2016* (ICER2016), 524-534

Abdul Rahman, M. N., Abdul Hamid, S., Ismail, S., & Ishak, M. S. (2019). Kefahaman tentang konsep pengimarahan masjid sebagai institusi Islam: Pengalaman terhadap masjid yang terpilih di semenanjung Malaysia, *e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management* (IMAF-2019). Bangi, Selangor, Malaysia.

Abd Rahman, S., Ismail, K., Alias, M., Abdul Jalil, M. N., Borhan, L., Jusoh, C. R., Alias, A., Mohd Helmi, Al-Akiti, M. A. Shamsudin, S. & Ahmad, C. M. (2020). *Laporan Akhir Kajian Program Pengajian Masjid di Daerah Gombak.*

Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan imam dan pentadbir tentang kehadiran masyarakat ke masjid. *Jurnal Hadhari*, *10*(2), 205-223.

Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari, 11*(1), 1-17.

Bernama. (2021). Sultan Selangor titah umat Islam buang sifat negatif di media sosial. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sultan-selangor-titah-umat-islam- buang-sifat-negatif-di-media-sosial-313163

El-Muhammady, M.U. (2020). *Masjid dalam Islam: Sejarah, peranan dan kedudukan*. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Hadigunawan, N., & Azahari, R. (2017). Penghayatan Islam dan hubungannya dengan konflik rumahtangga: Kajian di unit runding cara, bahagian undang-undang keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah, 24*(3).

Haji Yasin, M. M. (1997). Pengurusan dan pentadbiran institusi masjid: Kajian kes di negeri Melaka [Disertasi Sarjana Usuluddin, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya].

Howitt, D., & Cramer, D. (2017). *Research methods in psychology (5th ed.).* Pearson Education Ltd.

Idris, A. R. (2021). Perkasa pendidikan Islam, pelihara kebajikan guru KAFA. *Utusan Malaysia.* https://www.utusan.com.my/terkini/2021/08/perkasa-pendidikan-islam-pelihara-kebajikan-guru-kafa/

Isa, M. A, & Amran, N. N. (2017). Pengajian hadith di masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat*, 5 (1), 14-20.

Izuan Tahir, M. I. (2021). Sultan Selangor dukacita individu jejas akidah Islam. *Sinar Harian*. https://www.sinarharian.com.my/article/128713/EDISI/Sultan-Selangor-dukacita-individu-jejas-akidah-Islam

Kamaruddin, N. (2019). Pengurusan dan pengimarahan masjid: Kefahaman dan tuntutannya, *e-Proceedings of 6th International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management* (IMAF-2019), 1-12.

Kamarul Azmi Jasmi, K. A. (2008). *Pengimarahan Masjid Dalam Agenda Ummah*. UTM Press

Mahmud, S. (2017). Masjid Puncak Alam: Imarah hissi dan maknawi, *e-Proceeding of the 4th International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management 2017* (IMAF-2017), 240-256.

Majid, M. A. (2016). Mendepani cabaran dunia moden: Menyorot strategi ulama. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 1*(1), 54-64.

Majlis Agama Islam Selangor. (2020). *Pelan Strategik MAIS 2020-2024*. https://www.mais.gov.my/pelan-strategik-mais/

Marzuki, K., & Rasdi, H. (2018). Peranan institusi masjid dalam program pendidikan golongan dewasa: Kajian terhadap pelaksanaan kelas agama dewasa Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke 11.

Md. Yusoff, Y., & Sulaiman, M. A. (2004). Kajian tentang maklum balas masyarakat terhadap aktiviti masjid-masjid negeri di semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, (20), 201- 222

Md. Zain, R. (2021). Sultan Selangor bimbang ancaman cemar kesucian Islam. *Harian Metro.* https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/429299/sultan-selangor-bimbang-ancaman-cemar-kesucian-islam-metrotv

Md. Zain, R. (2021). KalimahAllah untuk umat Islam. *Harian Metro*. https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/687215/kalimah-allah-untuk-umat- islam-sultan-selangor

Musa, N. H. (2021). Sultan Selangor dukacita berkaitan isu murtad. *Kosmo*. https://www.kosmo.com.my/2021/03/16/sultan-selangor-dukacita-berkaitan-isu- murtad/

Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*.UTM Press.

Mustari, M. I., Basiron, B. & Muhammad, A. (2013). *Menginovasi Masjid Mensejahtera Ummah*. Penerbit UTM Press.

Wazir, R., Soroni, M.K., Nasir, M. N., Abdul Adi, M.F. & Hasan Adali, (n.d) (Kelangsungan pengajian kitab hadith di masjid-masjid negeri Selangor. *Conference: 1st Inhad Muzakarah and Muktamar on Hadith* (IMAM 2016).

PENDOKUMENTASIAN AMALAN PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN (RADHA'AH) DALAM MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR

Nurhidayah Muhammad Hashim, Zuliza Mohd. Kusrin, Rafeah Saidon, Salasiah Hanin Hamjah, Nora'inan Bahari, Latifah Abdul Majid & Norshamlina Che Abdul Rahim

PENDOKUMENTASIAN AMALAN PENYUSUAN ANAK ORANG LAIN (RADHA'AH) DALAM MASYARAKAT ISLAM DI SELANGOR

Nurhidayah Muhammad Hashim[1], Zuliza Mohd. Kusrin[2] , Rafeah Saidon[3], Salasiah Hanin Hamjah[4], Nora'inan Bahari[5], Latifah Abdul Majid[6] & Norshamlina Che Abdul Rahim[7]

[1,3]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA
Correspondence: nurhi923@uitm.edu.my
[2]Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
[4,6]Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
[5]Fakulti Syariah & Undang-undang, Universiti Islam Selangor
[7]Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Islam tidak menghalang seseorang wanita menyusu bayi orang lain. Namun begitu, ia mempunyai pelbagai kesan melibatkan hukum anak susuan dan keluarga ibu susuan tersebut. Antaranya hukum melibatkan aurat, wuduk dan hukum pengharaman nikah antara mereka. Dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 (EUKIS) ada dinyatakan berkenaan senarai orang diharamkan berkahwin termasuklah adik-beradik susuan. Namun begitu, tiada sebarang peruntukan lain berkaitan pendokumentasian amalan penyusuan anak orang lain atau peruntukan yang mengarahkan amalan penyusuan anak orang lain direkodkan. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan menganalisis konsep radha'ah, fatwa yang pernah diwartakan serta peruntukan EUKIS dan meninjau pelaksanaan MyRadha'ah di negeri Selangor. Metodologi kajian adalah secara analisis kandungan dan data terkumpul dianalisis secara deskriptif dan tematik. Data turut dikumpulkan melalui kaedah temubual semi struktur dengan tujuh orang tenaga pakar yang dilaksanakan melalui Perbincangan Meja Bulat (RTD). Semua hasil temubual telah disalin secara verbatim dan diklasifikasi mengikut tema yang dipilih. Hasil dapatan kajian menunjukkan walaupun amalan penyusuan boleh menyebabkan pensabitan nasab mahram antara anak susuan dan keluarga ibu susuannya tetapi amalan dokumentasi penyusuan tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak terlibat, kecuali ianya direkodkan melalui inisiatif mereka sendiri. Hal ini berlaku kerana tiada peruntukan khas dalam undang-undang yang mewajibkan pendokumentasian diadakan. Kajian ini menyarankan agar pihak berwajib mengambil tindakan mewujudkan pindaan kepada EUKIS 2003 dan juga pertingkatkan sistem myRadha'ah Selangor supaya amalan penyusuan bayi orang lain dapat direkodkan secara rasmi dan dijalankan secara sistematik oleh pihak yang berautoriti bagi menjaga kebajikan rakyat negeri Selangor.

Kata kunci : *radha'ah, penyusuan bayi, pendokumentasian, undang-undang, mahram.*

PENGENALAN

Kajian sains menunjukkan susu ibu mengandungi nutrien dan zat yang dapat membantu perkembangan fizikal dan mental bayi membina antibodi lebih kuat dan sukar diserang penyakit berbahaya seperti radang paru-paru dan cirit-birit (F Abdulla, MM Hossain, M Karimuzzaman, M Ali, 2022); Dennis, 2002). Amalan memberi susuan kepada anak sendiri tidak menimbulkan sebarang isu kerana ia melibatkan hak anak dan tanggungjawab ibu bapa dalam memberi khasiat pemakanan baik kepada anak mereka. Terdapat segelintir ibu-ibu yang bukan hanya menyusu anak kandung mereka, bahkan turut menyusu anak orang lain. Ada yang menyusu anak orang lain merekodkan nama anak yang disusukan. Namun ada yang tidak merekodkan amalan ini. Sehingga kini, tiada undang-undang mengarahkan amalan penyusuan didokumentasikan.

Secara dasarnya, Islam tidak menghalang seseorang wanita menyusu anak orang lain, namun amalan penyusuan ini mempunyai kesan hukum dan melibatkan implikasi perundangan. Ini termasuklah hukum melibatkan hak dan tanggungjawab, hubungan keluarga ibu susuan dan anak susuan, kesan yang melibatkan perkahwinan, aurat, upah penyusuan kepada ibu yang menyusukan serta pelbagai lagi aspek hukum yang berbangkit daripada penyusuan ini.

Pada masa yang sama, ada juga ibu-ibu yang tidak dapat menyusu anak mereka berusaha mendapatkan dari pihak lain demi mencapai hasrat memberi susu ibu kepada bayinya. Ada yang sanggup mengupah orang lain menyusukan anaknya, bahkan ada yang sanggup membeli susu ibu yang dijual daripada pihak-pihak tertentu. Permintaan dan penawaran terhadap susu ibu menjadi semakin berleluasa dan diterima umum. Perkembangan dalam negara kita menyaksikan terdapat segelintir wanita yang menjualkan susunya kepada dan mendapat sejumlah wang yang agak tinggi. Ini dibuktikan apabila seorang ibu Muslim membuat pengakuan telah menjual stok susu badannya sehingga mampu memperolehi pendapatan sehingga RM5,000 (Malaymail Online, 2016).

Perkembangan ini juga boleh memberi kesan di mana ibu yang empunya susu dan anak susuan yang menerima susunya tidak mengenali sesama mereka. Sedangkan dalam Islam perkara-perkara sedemikian memberi kesan hukum sama ada terhadap ibu susuan mahu pun anak susuan dan keluarga mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Perkembangan semasa di mana ibu-ibu menyusu anak orang lain secara sukarela atau dibayar, atau ibu-ibu membeli susu orang lain untuk anak mereka semakin diterima dalam masyarakat Islam pada masa kini. Namun begitu, sebahagian masyarakat kita mungkin prihatin terhadap hukum penyusuan tersebut tetapi tidak begitu mengambil berat berkenaan pendokumentasian amalan tersebut. Salasiah et.al (2022) dalam kajiannya melibatkan 100 ibu susuan yang pernah menyusu anak orang lain di negeri Selangor mendapati bahawa 70% merekodkan data maklumat tentang latar belakang anak yang pernah disusuinya. Catatan itu pula lebih kepada menulis secara ringkas dan 30% yang lain mengaku tidak mencacat sebarang rekod berkenaan anak ang disusuinya dan hanya berpandukan kepada ingatan semata-mata. Keadaan sebegini boleh menimbulkan masalah di masa hadapan sekiranya pihak-pihak yang terlibat lupa atau telah hilang catatan yang disimpan berkenaan anak susuan mereka. Adalah dibimbangi berlaku masalah di mana anak-anak ini tidak mengetahui bahawa mereka adalah adik-beradik susuan dan mungkin jatuh cinta dan ingin berkahwin sesama mereka. Ini semua boleh memberi kesan kepada keabsahan perkahwinan.

Undang-undang yang ada setakat ini tidak memperuntukkan sebarang arahan pendokumentasian atau mengarahkan ibu-ibu yang menyusukan anak melaporkan kepada pihak Jabatan Agama berkenaan amalan ini. Walaupun begitu, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan usaha meminta ibu-ibu yang pernah menyusu anak orang lain tampil dan mendaftarkan nama anak susuan mereka sebagai langkah persediaan di bawah skim My-Radha'ah. Namun ia hanya bersifat optional dan tidak diwajibkan. Perkembangan ini menunjukkan ada kelompongan yang boleh memberi impak kepada hubungan antara adik-beradik susuan yang tidak mempunyai sebarang dokumen berkenaan hubungan mereka.

TUJUAN KAJIAN

i. Menganalisis konsep asas radha'ah, fatwa yang pernah dikeluarkan melibatkan radha'ah dan pelaksanaan MyRadhaah Selangor
ii. Mengkaji peruntukan undang-undang semasa dalam negeri Selangor berkenaan penyusuan.
iii. Mencadangkan penambahbaikan kepada peruntukan undang-undang sedia ada.

SKOP KAJIAN

Kajian ini memberi fokus khusus kepada peruntukan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 (EUKIS), fatwa yang pernah dikeluarkan dalam negeri Selangor berkaitan perkara ini dan cadangan melibatkan penambahbaikan amalan dalam negeri Selangor sahaja terutama Jabatan Agama Islam Selangor dan EUKIS tanpa menyentuh negeri-negeri lain yang berada di luar bidang kuasa MAIS.

TINJAUAN LITERATUR

Kepentingan tentang memberi susu ibu kepada anak diketengahkan melalui perbincangan yang agak terperinci dalam sistem kekeluargaan Islam (fiqh munakahat) sehingga diberikan bab khusus iaitu *bab al-radha'ah* (al-Jaziri. AR, 1987, Abu Muhammad al-Ghunaymi, 2003). Ini kerana, kepentingan penyusuan dalam Islam bukan hanya kerana khasiat susu ibu kepada tumbesaran anak, tetapi juga mempunyai kesan lain terutama hukum pergaulan dan aurat di antara banyak pihak. Seseorang anak susuan menjadi mahram dan tidak boleh mengahwini ibu susuan dan bapa susuan termasuklah keturunan mereka seperti mana hukum yang timbul disebabkan oleh hubungan darah. Adik beradik susuan juga tidak boleh dikahwini, tidak terbatal wuduk sekiranya bersentuhan dan harus bergaul seperti adik beradik kandung dengan hukum aurat seperti saudara kandung yang lain.

Sekiranya anak susuan adalah seorang lelaki, maka dari sudut jalur ibu susuan yang haram dikahwini adalah adik-beradik perempuan ibu susuan, anak-anak perempuan ibu susuan, cucu-cucu perempuan ibu susuan dan juga ibu kepada ibu susuan. Bapa susuan juga haram dikahwini dan jalur bapa susuan termasuklah adik beradik perempuan bapa susuan, anak perempuan bapa susuan walaupun daripada isteri yang lain, cucu perempuan bapa susuan dan ibu kepada bapa susuan. Ini disepakati oleh mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali (al-Syafi'i, tt; al-Sarkhasi, tt; al-Dusuqi, tt)

Mengenai jumlah penyusuan pula, wujud perbezaan pendapat dalam kalangan fuqaha dalam menilai kadar penyusuan yang boleh membawa kepada wujudnya hukum mahram. Menurut mazhab Hanafi dan Maliki, kadar susuan atau jumlah susu badan ibu susuan tidak menjadi isu yang besar. Sedikit atau banyak tidak mengubah kesannya. Bahkan hukum tetap berlaku walaupun bayi tersebut diberi sekali hisapan sahaja (Ibn Humam, tt; Al-Asbahi, tt) Namun begitu, mazhab Shafi'i dan Hanbali berbeza pendapat dengan menekankan bahawa hukum mahram hanya berlaku apabila penyusuan diberikan dalam kadar mengenyangkan dalam tempoh berlainan selama lima kali atau lebih (al-Jawziyyah, 1992).

Selain itu, syarat penyusuan yang perlu dipatuhi sebelum seseorang anak sabit sebagai anak susuan juga perlu diperhatikan. Al-Mughni (1997) menyebut bahawa terdapat tiga syarat penting iaitu tempoh atau masa penyusuan perlu jelas, berlaku perubahan pada badan bayi dari sudut bertambah gemuk atau tidak dan juga tempat bayi tersebut disusukan perlu jelas. Ini kerana ia akan berkaitan dengan upah yang perlu dibayar kepada ibu susuan.

Dari sudut umur anak yang disusukan, terdapat beberapa pandangan di kalangan para ulama'. Majoriti para fuqaha bersetuju bahawa anak yang disusukan hendaklah berumur tidak lebih daripada dua tahun yang membawa kepada berbangkitnya hukum mahram antara mereka. Justeru, sekiranya seorang ibu menyusukan seorang bayi yang berusia lebih daripada dua tahun, maka pensabitan mahram tidak akan berlaku. Selain itu, kaedah penyusuan juga perlu diteliti dalam menentukan hukum penyusuan anak orang lain. Ulama bersepakat bahawa sah menjadi anak susuan jika anak tersebut minum susu ibu susuannya melebihi 5 kali kenyang dengan pelbagai kaedah sama ada melalui payu dara, perahan susu yang diberikan melalui botol susu dan sebagainya (Al-Mawardi, 1996; Al-Kasani, 2000, Ibn Qudamah, 1983). Walaupun anak susuan berhak dilayan seperti mana haram seperti hubungan darah dari sudut hukum pergaulan aurat dan batal wuduk, namun dari sudut penasaban, anak susuan tidak boleh dinasabkan kepada bapa susuannya. Begitu juga dengan perwalian, anak susuan tidak boleh diwalikan oleh bapa susuannya. (Zilal Saari, 2014). Berkenaan pewarisan harta pula, anak susuan tidak mendapat pewarisan daripada ibu susuan, dan tidak pula mewariskan harta kepada ibu susuan (Zanariah et al., 2018)

Sebelum ini, terdapat beberapa penyelidikan yang pernah dijalankan melibatkan amalan penyusuan di Malaysia. Namun fokus diberikan hanya kepada ibu-ibu yang pernah menyusukan anak orang lain, untuk mengkaji tahap pengetahuan dan kefahaman ibu susuan berkenaan konsep penyusuan, sikap dan amalan ibu yang menyusukan, tempoh penyusuan, hak dan kewajipan dalam penyusuan, cabaran penyusuan bagi ibu yang berkerjaya serta faktor seorang ibu tidak meneruskan penyusuan susu badan. Ini termasuklah Normadiah & Zuliza (2014), Normadiah et al. (2012), Radzniwan et al. (2009), Tengku Alina et al. (2012) dan Normadiah et al. (2015). Ia juga diketengahkan dalam kajian yang agak terkini iaitu pada tahun 2019, mendapati bahawa majoriti ibu-ibu susuan memahami hukum berkaitan perkahwinan seperti anak susuan haram berkahwin dengan ibu atau bapa susuan (99%) dan anak susuan tidak boleh berkahwin dengan anak kandung ibu susuannya (99%) (Salasiah et al, 2022; Latifah Abdul Majid et.al, 2022)

Isu lain yang turut diketengahkan sebelum ini adalah berkenaan cadangan menubuhkan bank susu supaya mana-mana bayi yang perlukan susu ibu boleh memperolehinya melalui bank susu, terutamanya bayi yang lahir pra-matang dan menghadapi masalah tumbesaran. Menurut Taqwa Binti Zabidi (2012) di dalam artikel bertajuk 'Penubuhan Bank Susu Ibu Di Malaysia: Satu Analisis Hukum,' menyatakan bahawa penubuhan bank susu tidak diharuskan kerana ia boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram. Selain itu, keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahah awam.

Pada masa yang sama, negara kita turut menyaksikan usaha sokongan kepada amalan penyusuan bayi orang lain untuk dijadikan anak angkat di beberapa pusat kesihatan di Malaysia. Pemberian susu tersebut menggunakan kaedah cetusan laktasi. Kaedah ini turut dilakukan di Hospital Pusrawi bagi membantu ibu angkat berkenaan informasi dan kaedah penyusuan bayi (Metro 2017). Menurut Zilal Saari (2015) yang memberi fokus kepada amalan ini mendapati bahawa 12 orang ibu angkat yang terlibat dalam proses penyusuan anak angkat menggunakan kaedah cetusan laktasi telah berjaya menyusu anak angkat mereka.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 telah memutuskan bahawa Islam memberi kebenaran kepada wanita yang tidak mampu melahirkan anak untuk berusaha memberi susu ibu kepada anak angkat mereka dengan bantuan pakar perubatan. Namun menurut Azizah Mohammad (2007), usaha menyusukan anak orang lain, tidak seharusnya terhenti kepada amalan susuan sahaja tetapi ia perlu kepada tindakan lebih tegas dari sudut perundangan untuk mengelakkan sebarang masalah kemudian hari.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah secara analisis kandungan dan data terkumpul dianalisis secara deskriptif dan tematik. Data dikumpulkan melalui dua kaedah iaitu kajian kepustakaan dan juga temu bual semi struktur. Pendekatan kajian kepustakaan digunakan bagi mendapatkan data serta mengumpulkan hasil-hasil penulisan sebelum ini yang berkaitan dengan penyusuan, hukum penyusuan dan amalan menyusu anak orang lain serta fatwa dan peruntukan undang-undang berkaitan. Ini adalah termasuk kitab-kitab fiqh dan tafsir, buku, jurnal, kertas kerja, artikel majalah dan surat khabar yang membincangkan mengenai perkara ini.

Data turut dikumpulkan melalui kaedah temubual semi struktur bersama tujuh orang tenaga pakar yang dilaksanakan melalui Perbincangan Meja Bulat (RTD). Temubual dengan responden secara bersemuka merupakan kaedah secara langsung mendapatkan maklumat yang berbentuk pandangan daripada informan secara lisan atau perbualan dan direkodkan (Siti Uzairiah, 2017). Ia juga bertujuan mendapatkan pandangan mengenai amalan penyusuan dalam masyarakat serta cadangan penambahbaikan terutama melibatkan isu perundangan dan pendokumentasian amalan penyusuan anak orang lain. Selain itu, temubual pakar juga bertujuan mengukuhkan teori-teori yang diperolehi dalam kajian literatur dengan amalan penyusuan yang dijalankan. Mereka adalah Prof Madya Dr Normadiah Daud (UNISZA), Dr Siti Fatimah Salleh (UNISZA), Datuk Dr Anhar Opir (ketika itu Timbalan Mufti Selangor), Puan Mariam Md Zin (ketika itu BUU JAIS-MyRadha'ah), Dr Zilal Saari (UTM), Prof Madya Dr Azizah Mohd (UIA) dan Puan Siti Mariam Ali (Pusat Laktasi Negara).

Data-data diperolehi melalui kaedah temu bual pakar telah dirakam dan ditranskripkan dalam bentuk perkataan demi perkataan *(verbatim).* Ini kerana untuk menganalisis data ia perlu ditaip kembali secara *verbatim*, bagi tujuan mengenal pasti beberapa dapatan penting melibatkan objektif kajian (Ghazali, 2016). Semua data diklasifikasi mengikut tema yang dipilih dan dianalisa secara tematik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Fatwa Negeri Selangor dan Peruntukan EUKIS Berkaitan Penyusuan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-96 pada 13-15 Oktober 2011 telah membincangkan mengenai hukum berkaitan dengan penyusuan ini dan mengeluarkan pernyataan berkenaan keharusan menyusu anak orang lain, kaedah pemberian susu serta hukum muhrim antara anak susuan dan keluarga ibu bapa susuannya. Negeri Selangor juga telah mewartakan Fatwa di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Bilangan 65, No. 12 bertarikh 7hb Jun 2012. (http://www.muftiselangor.gov.my/2016-06-27-08-57-00/fatwa/fatwa-terkini/267-hukum-wanita-menyusukan-anak-angkat).

Fatwa yang diwartakan di Selangor menyatakan:

1. Diharuskan wanita yang tidak melahirkan anak tetapi mengambil anak angkat untuk menyusukan sendiri anak tersebut dengan bantuan rawatan perubatan. Ini adalah berdasarkan pandangan fuqaha yang tidak mensyaratkan seseorang wanita itu mesti hamil terlebih dahulu untuk menyusukan anak.

2. Penggunaan ubat atau suntikan untuk merangsang pengeluaran susu badan adalah harus dengan syarat ianya seorang wanita yang telah mencapai umur baligh sama ada telah

berkahwin atau pun sebaliknya dan ubat atau hormon yang digunakan tersebut tidak mengandungi sebarang unsur-unsur najis atau mudarat. Keharusan ini tidak tertakluk bagi seorang lelaki yang berubah menjadi wanita melalui pertukaran jantina.

3. Jumhur fuqaha juga bersepakat bahawa terdapat dua kaedah penyusuan bagi menjadikan bayi tersebut muhrim dengan sebab susuan, iaitu penyusuan secara langsung dari payudara dan penyusuan secara tidak langsung seperti menggunakan tiub, botol susu dan sebagainya. Sehubungan itu, bagi wanita yang menggunakan alat sokongan atau alat bantuan sebagai kaedah menyusukan bayi, maka bayi tersebut sah sebagai anak susuan apabila cukup syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh syarak seperti berikut :
   i. Bilangan susuan hendaklah dengan lima kali penyusuan;
   ii. Susu yang dihisap mestilah sampai ke perut bayi;
   iii. Umur bayi tidak melebihi dua tahun mengikut perkiraan bulan qamariah.

   Hujah sabitan ini ialah kerana susu ibu tersebut telah menjadi makanan asasi kepada bayi yang menumbuhkan daging dan memanjangkan tulang, sama seperti bayi yang menyusu secara terus daripada payudara. Walau bagaimanapun, sekiranya kaedah yang dilakukan adalah dengan cara menyuntik susu melalui qubul atau dubur, menitik susu ke dalam mata, telinga atau di tempat luka tubuh badan, maka bayi tersebut tidak sah sebagai anak susuan.

4. Seorang wanita beragama Islam harus menyusukan bayi bukan Islam dan begitu juga seorang bayi beragama Islam boleh menyusu kepada wanita bukan Islam kerana tidak ada nas Syarak yang melarangnya. Penyusuan tersebut tidak memberi kesan kepada akidah dan agama bayi yang disusukan tersebut.

5. Susu ibu yang bercampur dengan bahan-bahan lain adalah sama seperti susu ibu yang tidak bercampur dengan makanan, minuman atau lainnya kerana untuk sabit menjadi anak susuan ialah perlu memenuhi syarat-syarat penyusuan yang ditetapkan oleh Syarak.

6. Lelaki yang menjadi suami kepada wanita yang menyusukan bayi angkat dan bayi tersebut telah sabit menjadi anak susuan, adalah menjadi muhrim kepada anak susuan tersebut.

Bertarikh 26 April 2012 [MAIS/SU/BUU/05/002/18-3; P.U. Sel. AGM. 0007 Jld. 3]

Fatwa ini menjelaskan keharusan memberi susu kepada anak sendiri dan juga anak orang lain serta keharusan mengambil rawatan yang merangsang pengeluaran susu bagi wanita yang terlibat. Kaedah pemberian susu juga adalah pelbagai di mana ia boleh secara langsung daripada payudara dan juga secara menggunakan botol dengan syarat susuan itu dilaksanakan sebanyak lima kali penyusuan atau lebih, susu yang dihisap sampai ke perut bayi dan bayi hendaklah berumur di bawah dua tahun. Apa yang menarik, fatwa tidak meletakkan asas kenyang sebagai prasyarat penyusuan. Berkenaan istilah ketika menjelaskan mengenai hubungan di antara anak susuan dengan ibu bapa serta adik-beradik susuannya, Fatwa Selangor menggunakan perkataan muhrim sedangkan Muzakarah Kebangsaan menggunakan istilah mahram.

Walaupun beberapa perkara asas disentuh dalam fatwa ini, namun begitu, isu berkenaan pendokumentasian amalan penyusuan ini sama ada direkod secara rasmi oleh pihak berkuasa ataupun direkod secara tidak rasmi oleh ibu-ibu susuan tidak dinyatakan.

Selain daripada hukum menyusu anak sendiri dan anak orang lain dinyatakan, isu berkenaan hukum penubuhan bank susu turut disentuh oleh pihak Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Pihak Muzakarah memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan. Alasan diberikan adalah bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan

membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram, dan keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahah awam. Justeru, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penubuhan bank susu adalah tidak diharuskan. Manakala bagi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan dan ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain. (-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10287)

Pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah menerima dan mewartakan fatwa yang sama dengan pernyataan yang lebih pendek. Fatwa Selangor turut menegaskan hukum penubuhan bank susu ibu adalah tidak diharuskan atas alasan:

i. Penubuhan bank susu boleh mengakibatkan percampuran nasab dan membawa umat Islam terjebak dalam keraguan dan perkara yang haram; dan
ii. Keperluan penubuhannya juga tidak berada dalam keadaan darurat sehingga mengancam maslahah awam.

Bertarikh 20 Disember 2012 [MAIS/SU/BUU/05/002/19-4;P.U. Sel. AGM. 0007 Jld. 3] http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-terkini/213-hukum-menubuhkan-bank-susu-di-malaysia

Ketika mengulas kedudukan ini dalam *Bayan Linnas*, mantan Mufti Wilayah Persekutuan (ketika itu), Dato' Zulkifli Mohamad al-Bakri (2016) menyatakan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak sehingga wujud keadaan darurat seperti kes kematian ibu bagi bayi berkenaan dan lain-lain sebab, maka ketika itu hukum penubuhan bank susu boleh bertukar kepada harus. Namun begitu, beliau menegaskan beberapa syarat perlu diambil berat iaitu, susu kepada anak terlibat hendaklah dari seorang wanita sahaja dan tidak bercampur- aduk dan pihak pengurusan bank susu hendaklah mengeluarkan sijil 'Ibu susuan' agar bayi yang disusukan mengetahui siapa ibu susuan dan saudara susuannya.

Apa yang menarik dalam saranan beliau adalah berkenaan keperluan pendokumentasian anak susuan dilaksanakan dengan lebih tersusun. Beliau turut menyarankan Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri dan hospital bekerjasama mengumpulkan data ibu yang memberi susu kepada anak orang lain supaya dapat didaftarkan dan disediakan kad atau sijil sabitan penyusuan untuk masa depan anak tersebut. Usaha ini dilakuan agar tidak berlaku kecelaruan nasab dan perkahwinan dengan saudara susuannya atau orang yang diharamkan kahwin dengan sebab susuan. Bahkan beliau turut menyarankan supaya nama ibu yang menyumbangkan susu dilabelkan pada setiap botol.

Dari sudut undang-undang sedia ada (dengan merujuk kepada Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor (EUKIS) 2003, peruntukan melibatkan penyusuan disentuh secara amat ringkas di bawah tajuk 'Pertalian Yang Melarang Perkahwinan'. Seksyen 9 (3) dan (4) EUKIS memperuntukkan;

(3) Tiada seseorang lelaki atau perempuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, oleh sebab **sesusuan**, berkahwin dengan seseorang perempuan atau lelaki yang ada hubungan dengannya melalui penyusuan di mana, jika hubungan itu adalah melalui kelahiran dan bukan melalui penyusuan, perempuan atau lelaki itu tetap dilarang berkahwin dengannya oleh sebab nasab atau pertalian kahwin.
(4) Tiada seseorang lelaki boleh mempunyai lebih dari satu isteri pada satu masa jika isteri-isteri itu adalah bertalian antara satu sama lain melalui nasab, pertalian kahwin, atau **sesusuan** yang mana perkahwinan antara mereka tidak sah mengikut Hukum Syarak.

Peruntukan ini menunjukkan bahawa hal melibatkan penyusuan seperti yang dinyatakan dalam undang-undang di atas hanyalah berkaitan dengan larangan berkahwin dan juga amalan poligami yang mungkin melibatkan orang yang mempunyai hubungan susuan.

Dari sudut amali, sebarang pertalian nasab keturunan dibuktikan dengan kewujudan dokumen surat beranak dan juga bahagian berkenaan maklumat ibu dan bapa. Manakala hubungan perkahwinan pula dapat dibuktikan dengan surat nikah yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam. Namun, bagaimana pula dengan pertalian penyusuan? Ini menunjukkan bahawa hubungan penyusuan juga wajar dibuktikan dengan satu dokumen bertulis yang boleh mengesahkan kewujudan hubungan tersebut. Namun begitu, adalah jelas bahawa tiada sebarang peruntukan berkaitan tuntutan pendaftaran penyusuan dan apa-apa isu mengenai pendokumentasian.

Diandaikan sekiranya berlaku keadaan melibatkan perkahwinan sesama anak susuan atau adik beradik susuan, maka sudah tentu berlaku kesukaran kerana tiada dokumen rasmi yang boleh membuktikan bahawa mereka mempunyai pertalian mahram kerana susuan. Oleh itu sememangnya terdapat keperluan yang mendesak agar diwujudkan satu kaedah pendaftaran anak susuan agar dapat memastikan adanya rekod atau catatan formal berkenaan hubungan tersebut.

MyRadha'ah Selangor dan Usaha Pendokumentasian Penyusuan di Selangor

Pendokumentasian amalan penyusuan anak orang lain di kalangan umat Islam sangat penting untuk menjaga institusi keluarga Islam, khususnya yang melibatkan hubungan nasab dan mahram bagi menjaga Maqasid Syariah berkenaan keturunan. Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengambil inisiatif awalan dengan memperkenalkan perkhidmatan kad MyRadha'ah yang dikhaskan bagi pendokumentasian bayi yang menyusu daripada wanita bukan ibu kandung. Ia bertujuan untuk merekodkan pendaftaran anak dan ibu susuan tersebut secara sukarela supaya ibu susuan boleh mempunyai satu rekod melibatkan amalan tersebut.

Dari sudut prosedur dan syarat permohonan Kad MyRadha'ah, pihak JAIS telah meletakkan beberapa garis panduan. Antaranya:

a. Pemohon hendaklah terdiri daripada warganegara Malaysia;
b. Ibu atau anak susuan hendaklah bermastautin di Negeri Selangor lebih daripada empat (4) bulan;
c. Pemohon perlu hadir secara sukarela tanpa paksaan dari mana-mana pihak untuk mengisi borang permohonan yang ditetapkan;
d. Satu (1) borang permohonan mewakili satu (1) ibu susuan dan anak susuannya. Jika ibu mempunyai satu (1) atau lebih anak susuan, ibu perlu mengisi borang permohonan yang berlainan;
e. Permohonan boleh dibuat bagi ibu susuan yang telah menyusukan anak susuan sahaja.

Borang permohonan pendaftaran kad MyRadha'ah boleh diperolehi di setiap Pejabat Agama Islam Daerah atau di Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS. Kemudian borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan semula kepada Bahagian Undang-Undang Keluarga JAIS di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam (http://www.jais.gov.my/v2/index.php).

Walaupun pendaftaran melalui MyRadha'ah tersebut hanyalah bersifat sukarela semata-mata, namun ia mendapat sambutan yang agak baik daripada ibu-ibu susuan yang menyusu anak orang lain. Daripada awal pelancaran sehingga tahun 2021, terdapat hampir 100 ibu-ibu yang telah mendaftar seperti dinyatakan dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Data Pendaftaran Kad MyRadha'ah di BUUK, JAIS

Tahun	Jumlah
2018	9
2019	56
2020	17
2021	18
Jumlah	100

Sumber : BUUK, JAIS 2022

Jadual 1 menunjukkan bahawa pada peringkat awal sistem MyRadha'ah dilancarkan, hanya 9 orang ibu yang hadir mendaftar untuk anak susuannya. Jumlah tersebut meningkat dengan begitu cepat pada tahun 2019 sehingga 56 pendaftaran berjaya direkodkan. Pada tahun 2020 dan 2021, negara kita mengalami COVID-19 di mana semua pergerakan adalah terhad. Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada jumlah pendaftaran MyRadha'ah pada tahun tersebut.

Dapatan ini menunjukkan walaupun pendaftaran adalah bersifat sukarela dan tiada punca kuasa yang mengarahkan ibu-ibu mendaftar, jumlah pendaftaran MyRadha'ah yang bertambah menunjukkan pengamal pemberian susu ibu kepada anak orang lain sememangnya menunggu-nunggu usaha murni daripada pihak berwajib bagi membantu mereka dalam urusan pendokumentasian ini.

Pandangan Pakar Berkaitan Pendokumentasian Penyusuan

Hasil temu bual bersama pakar telah menghasilkan beberapa dapatan dan cadangan penting berkenaan amalan pendokumentasian penyusuan anak orang lain. Ia melibatkan amalan masyarakat awam dalam merekodkan amalan penyusuan mereka, kesungguhan pihak berwajib dan keperluan tambahbaik amalan semasa di negeri Selangor.

Menurut Puan Maryam Md Zin (2019) daripada JAIS, terdapat tiga faktor yang dikenalpasti yang mempengaruhi ibu-ibu menyusu anak orang lain. Pertama, untuk menjadikan anak tersebut mahram, kedua kerana mereka mempunyai lebihan air susu dan ketiga, mereka berhasrat membantu pihak yang memerlukan. Maklumat ini diperolehi daripada ibu-ibu yang telah datang ke JAIS bagi mendaftarkan anak susuan mereka di bawah MyRadha'ah. Beliau menyebut;

> *"Pertama, mereka memang ingin menjadikan anak tersebut mahram. Maknanya mereka tahu wujudnya hukum tersebut. Kedua, kerana mereka mempunyai susu yang banyak dan berlebihan, lebih baik mereka menyusu anak orang lain supaya manfaat susu ibu dapat diperolehi oleh anak orang lain tersebut. Ketiga pula kerana mereka mempunyai kelompok khusus, support group bagi menolong sesama mereka yang memerlukan."*

Ia turut disokong oleh Puan Maryam Ali daripada Pusat Laktasi Negara yang menyatakan majoriti ibu angkat menyusukan anak angkatnya untuk menjadikan mereka mahram, seperti kenyataan berikut;

> *"Berdasarkan rekod kami, majoriti ibu-ibu menyusu anak orang lain kerana ingin menjadikan anak tersebut mahram dengan dirinya atau dengan suami dan anak-anaknya. Contohnya mereka mengambil anak angkat. Mereka ingin anak angkat tersebut menjadi mahram dengan keluarganya, maka ibu atau bapa angkat tadi datang ke Pusat Laktasi Negara meminta nasihat untuk melaksanakan hasrat mereka. Antara sebab lain juga adalah mereka ingin menyusukan untuk ada rasa bonding dengan anak tersebut. Ini menunjukkan sebahagian ibu-ibu angkat faham tentang hukum mahram tersebut."*

Berkenaan usaha mencatat nama dan latar belakang anak susuan untuk tujuan pendokumentasian, kajian Prof Madya Dr Normadiah Daud (2019) mendapati hanya sebahagian ibu-ibu yang menyusu anak orang lain tidak prihatin tentang keperluan mencatat atau merekodkan amalan tersebut. Ramai yang tidak mengambil serius urusan membuat dokumentasi ini dan hanya mengingat dan berdasarkan ingatan sahaja. Hal ini kerana tiada sebarang polisi atau peruntukan undang-undang yang mewajibkan pendokumentasian amalan penyususn ini. Sebagai salah seorang pengamal yang menyusukan anak orang lain, beliau telah mengambil inisiatif sendiri merekodkan amalan tersebut bagi mengelakkan masalah berbangkit tentang hubungan mahram yang timbul kerana penyusuan di antara di antara ibu susuan dan keluarganya dengan anak susuan tersebut. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut;

> *Saya bagi sijil yang di print sendiri. Kiranya sijil ini dipegang sampai anak tu mati. Contohnya anak susuan saya, saya tulis nama dia, nama mak dia, nama saya ... lepas tu senarai orang yang dia tak boleh kahwini sepanjang hayat dia. Saya tulis dalam sekeping kertas dan saya laminate.....*

Namun usaha seperti itu hanya bersifat usaha individu yang tidak mempunyai sebarang kesan undang-undang. Justeru, beliau berpandangan bahawa pendokumentasian rasmi perlu diusahakan dan dipantau oleh pihak berkuasa seperti Jabatan Agama Islam Negeri. Ini kerana tidak semua ahli masyarakat kita memahami kepentingan hukum yang berbangkit hasil daripada tindakan menyusu anak orang lain ini.

Menurut Dr Siti Fatimah Salleh (2019), secara umumnya, tiada pemantauan dilakukan oleh pihak Jabatan Agama terhadap amalan penyusuan anak orang lain ini tetapi banyak kempen dijalankan supaya anak-anak diberi susu ibu kerana ia berkhasiat. Justeru, orang ramai sememangnya berusaha untuk memberi atau mendapatkan susu ibu untuk anak mereka. Ini menyebabkan wujud keperluan diadakan satu sistem pendokumentasian amalan penyusuan anak orang lain secara rasmi dan tersusun bagi mengelak pertindihan nasab. Apatah lagi kerana gaya hidup masyarakat yang menyedari tentang khasiat susu ibu, terutamanya bagi bayi pra-matang, bayi bermasalah kesihatan menyebabkan mereka berusaha memberikan susu ibu kepada anak atau memberi susu mereka kepada bayi orang lain, demi menjamin kelangsungan hidup bayi tersebut.
Tanpa menafikan usaha peribadi dalam merekodkan amalan ini, Prof. Madya Dr Normadiah (2019) turut menekankan tentang pentingnya pendokumentasian dibuat oleh pihak berwajib kerana sesiapa sahaja boleh mengeluarkan sijil yang boleh dipertikaikan kebenarannya kerana tiada pemantauan daripada badan tertentu. Hal ini ditegaskan melalui melalui kenyataan beliau;

> *Apabila seseorang ibu melahirkan anak, bukan dia yang mengeluarkan sijil surat beranak untuk mengesahkan hubungan nasab, tetapi badan berwajib iaitu pihak Jabatan Pendaftaran Negara yang dipercayai yang membuat pendaftaran. Justeru, dokumen tersebut tidak akan dipertikaikan. Jika individu yang mengeluarkan sijil sendiri, ia boleh dipertikaikan dan boleh ditolak.*

Dari sudut undang-undang, Prof Madya Dr Azizah Mohammad (2019) berpendapat bahawa ibu angkat yang menyusukan anak angkat perlu mendatangkan saksi atau pembuktian tentang amalan penyusuan tersebut bagi mengelakkan masalah di masa hadapan. Justeru pelaksanaan dokumentasi amalan penyusuan secara rasmi sangat wajar diwujudkan di bawah pengawasan pihak berkuasa agama yang bertujuan menjadikan dokumentasi tersebut sebagai rujukan bahan bukti rasmi kepada status hubungan ibu susuan dan anak susuan.

Satu cadangan yang perlu diadakan adalah dengan membuat pindaan kepada peruntukan Seksyen 9 EUKIS. Beliau menyebut;

> *Peruntukan susuan terdapat dalam Seksyen 9 EUKIS subseksyen 3 dan Subseksyen 4 telah menyebut tentang hubungan kerana penyusuan. Adalah penting diwujudkan peruntukan tambahan khusus yang menjadi punca kuasa kepada pihak Jabatan Agama untuk mengambil tindakan lebih drastik melibatkan pendokumentasian amalan menyusu anak orang lain.*

Profesor Madya Dr Azizah Mohd (2019) bahkan membandingkan sekiranya arahan pendaftaran atau dokumentasian penyusuan ini diperkenalkan dalam bentuk Kaedah atau Garis Panduan, ia mempunyai kesan yang lebih rendah berbanding dengan adanya pindaan kepada peruntukan undang-undang.

> Beliau menyatakan dengan tegas;
> *Apabila berlaku perkahwinan, kita perlu daftar. Seperti poligami, kita perlu daftar. Begitu juga penyusuan, perlu ada pendaftaran. Peruntukan dalam undang-undang lebih kuat kedudukannya berbanding dengan diwujudkan Kaedah. Kerana apabila membaca undang-undang, orang akan sedar perkara ini perlu didaftarkan. Kaedah bersifat menyokong dari sudut memperincikan proses pendaftaran tersebut. Bagaimana perlu daftar, apa perlu dibawa, itu berada dalam Kaedah, bukan undang-undang. Amat berbeza antara Kaedah dan peruntukan undang-undang dalam EUKIS. Justeru perlu diwujudkan peruntukan khusus untuk penyusuan ini.*

Pandangan beliau turut disokong oleh Timbalan Mufti Selangor (ketika itu), Datuk Dr Anhar Opir yang bersetuju supaya diwujudkan peruntukan khusus berkenaan pendaftaran penyusuan. Bahkan beliau menyarankan agar kesan penyusuan anak orang lain, kepentingan mendokumentasikan dan menggalakkan ibu dan bapa susuan hadir untuk mendaftar wajar dimasukkan dalam khutbah yang dibaca di seluruh negeri Selangor. Beliau menyebut;

> *Perlu dijalankan kempen melibatkan semua pihak. Perbincangan isu ini juga wajar dimasukkan dalam teks khutbah yang boleh dibaca ketika solat Jumaat dan disebar luaskan melalui media sosial.*

Justeru, adalah dicadangkan subseksyen kepada Seksyen 9 (3) dan (4) EUKIS yang disebut (3a) dan (4a) dimasukkan pindaan seperti berikut;

(3) Tiada seseorang lelaki atau perempuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh, oleh sebab **sesusuan**, berkahwin dengan seseorang perempuan atau lelaki yang ada hubungan dengannya melalui penyusuan di mana, jika hubungan itu adalah melalui kelahiran dan bukan melalui penyusuan, perempuan atau lelaki itu tetap dilarang berkahwin dengannya oleh sebab nasab atau pertalian kahwin.

(3a) **Setiap ibu yang menyusu anak orang lain haruslah mendaftar penyusuan mereka**.

(4) Tiada seseorang lelaki boleh mempunyai lebih dari satu isteri pada satu masa jika isteri-isteri itu adalah bertalian antara satu sama lain melalui nasab, pertalian kahwin, atau **sesusuan** yang mana perkahwinan antara mereka tidak sah mengikut Hukum Syarak.

(4a) **Setiap ibu yang menyusu anak orang lain haruslah mendaftar penyusuan mereka**.

RUMUSAN

Kajian menunjukkan masyarakat Islam sudah menerima amalan penyusuan anak orang lain atas beberapa faktor tertentu. Apabila dilihat kepada usaha JAIS melalui MyRadha'ah yang meminta ibu-ibu yang menyusukan anak orang lain hadir untuk membuat pendaftaran, maka mereka telah hadir secara sukarela. Ini menunjukkan masyarakat memerlukan usaha daripada pihak berwajib untuk membantu mereka mendokumentasikan amalan ini dan usaha ini wajar ditambahbaik melalui pindaan undang-undang.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mendapati bahawa peruntukan undang-undang khusus yang mengawal amalan penyusuan anak orang lain perlu diwujudkan bertujuan menguatkuasakan amalan merekodkan amalan menyusu anak orang lain. Ini kerana, walaupun MyRadhaa'h dilaksanakan, ia tidak mempunyai punca kuasa yang tepat. Ketiadaan peruntukan khusus, usaha pendokumentasian MyRadha'ah tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Melalui pindaan yang mewujudkan punca kuasa disediakan dalam EUKIS, ia akan memudahkan pengurusan pelaksanaan dan pelarasan secara menyeluruh di semua pejabat agama atau badan yang berautoriti penguatkuasaannya di negeri Selangor ini. Selain itu ia berperanan untuk mengiktiraf dan melindungi hak-hak yang diperolehi sebagai anak susuan dan mahram susuan sama ada dalam aspek pematuhan perintah syarak dan interaksi sosial.

Pada masa yang sama, adalah tidak mustahil selepas berlakunya penyusuan terhadap anak orang lain, kedua pihak berpindah menetap di tempat lain dan tidak lagi bertemu. Bahkan mungkin ada yang tinggal di luar negeri Selangor atau pun mungkin menetap di luar negara. Ini merupakan alasan yang menyokong kenapa perlunya sistem pendokumentasian amalan penyusuan ditambahbaik. Hal ini penting kerana sekiranya tiada direkodkan amalan menyusu anak orang lain, dikhuatiri kemungkinan mereka jatuh hati dan tanpa sedar berkahwin dengan adik beradik susuan. Justeru, bagi mengelakkan pertindanan nasab kerana penyusuan, adalah wajar untuk menguatkuasakan amalan merekodkan menyusu anak orang lain.

Tambahan lagi, kajian juga mendapati sebahagian masyarakat menyedari tentang keperluan merekodkan amalan menyusu anak orang lain, namun ketiadaan usaha rasmi atau penguatkuasaan daripada pihak berkuasa tertentu, secara tidak langsung menyebabkan masyarakat hanya memaklumkan amalan tersebut kepada keluarga dan kawan-kawan terdekat. Sebahagian mereka mempunyai inisiatif merekodkan amalan tersebut dengan cara yang difahami seperti mengeluarkan sijil bahawa anak ini merupakan anak susuan kepada seseorang. Namun amalan sedemikian tidak dapat dipercayai secara tuntas dan dikhuatiri disalahgunakan jika dilaksanakan tanpa pengawasan pihak berkuasa.

Justeru itu, hasil daripada dapatan yang diperolehi, kajian ini mencadangkan agar suatu punca kuasa khusus diwujudkan supaya tindakan susulan dapat dijalankan seperti Kaedah Penyusuan, Kaedah Pendaftaran, Pemantauan Amalan dan sebagainya dapat diambil seterusnya oleh pihak berkuasa agama. Justeru satu pindaan peruntukan undang-undang berkaitan perlu dilakukan dengan diwujudkan subseksyen tambahan kepada Seksyen 9 iaitu diwujudkan subseksyen (3a) dan (4a) demi menjaga kelestarian dan kebajikan umat Islam di negeri Selangor khususnya dan di negara ini amnya.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai penyumbang dana geran (600-IRMI/PBT 5/3(008/2019) bertajuk Kajian Amalan Radha'ah dalam Kalangan Masyarakat Islam di Negeri Selangor.

RUJUKAN

Abu Muhammad Ali Bin Ahmad bin Said bin Hazm. 2003. *Al-Muhalla*. Beirut: Darul Fikri.

Al Jaziri. AR. 1987. Kitabul Fiqhi Ala mazahibul Arba'ah, Juz 4. Darul Fikri

Al-Asbahi, Imam Malik bin Anas. 1991. Al-Mudawwanah al-Kubra. Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib. 1996. Kitab al-Rada'. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Dennis, C. L. 2002. Breastfeeding Initiation and Duration: A 1990-2000 Literature Review. Journal of Obstetric, Gynecologic, & Neonatal Nursing 31(1): 12-32.

Dusuqi, Shams al-Din al-Shaikh Muhammad 'Arafah. t.t. Hashiyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir. Kaherah: 'Isa al-Halabi.

F Abdulla, MM Hossain, M Karimuzzaman, M Ali. 2022. Likelihood of infectious diseases due to lack of exclusive breastfeeding among infants in Bangladesh*, PloS one.*

Fatwa Bank Susu Selangor (2012: 20 December 2012 [MAIS/SU/BUU/05/002/19-4; P.U. Sel. AGM. 0007 Jld. 3]

Hashim, Norainan Bahari, Zuliza Mohd. Kusrin, Latifah Abdul Majid, Rafeah Saidon,

Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. 1983. Al-Mughni. Palestin: Dar 'Alam al-Kutub.

Latifah Abdul Majid, Nurhidayah Muhammad Hashim, Salasiah Hanim Hamjah, Zuliza Mohd Kusrin, Rafeah Saidon, Norsyamlina Che Abdul Rahim, Norainan Bahari. 2022.

Muhamad Zariff Illias, 2022. A quantitative study on Muslim milk mother's understanding of the Islamic concept of wet nursing, PLOS One.

Normadiah Daud et. al. 2016. Upah Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam . Kertas prosiding International Conference on Islamic Jurisprudence (1CIJ).

Normadiah Daud, Zuliza Kusrin. 2014. Penyusuan susu ibu: prinsip, hak dan kewajipannya menurut perspektif Islam. E-Jurnal Pengajian Islam KUIS 7(1).

Radzniwan AR, Azimah NM, Zuhra H, Khairani O. 2009. Breastfeeding practice and knowledge among mothers attending an urban Malaysian maternal and child health clinic. Med & Health 2009 4(1) 1-7. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salasiah Hanin Hamjah, Norsyamlina Che Abdul Rahim, Nurhidayah Muhammad

Sarkhasi, Abi Bakr Mohammad Ibn Mohammad. t. th. al-Mabsut. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Siti Fatimah Binti Salleh et al. 2017. Aplikasi doktrin al-qawaid al-fiqiyyah dalam menganalisis isu contemporary. The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society (ISLAC 2017).

Siti Fatimah Salleh dan Halimatus Saadiah Safir. 2017. Pengendalian Dokumentasi Amalan Penyusuan Anak Susuan Dalam Kalangan Ibu Susuan. Proceedings Islac 2107. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Siti Fatimah Salleh, Normadiah Daud dan Saadan Man. 2014. Amalan pengambilan ibu susuan: satu kajian sorotan terhadap dokumentasi bukti penyusuan. Journal of Fatwa Management and Research. Vol. 4, 2014.

Taqwa binti Zabidi. 2012. Penubuhan Bank Susu Ibu Di Malaysia: Satu Analisis Hukum. Jurnal Penyelidikan Islam. Bil 25. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Tengku Alina Tengku Ismail, Zaharah Sulaiman, Rohana Jalil, Wan Manan Wan Muda, Nik Normanieza Nik Man. 2012. Breast milk, expression among formally employed women in urban and rural Malaysia: A qualitative study. International Breastfeeding Journal 7. 11 – 15. London: BioMed Central.

Wet-nursing Practice in the Malay Society According to Islamic Perspective: A Cross-Sectional Study. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 12(1), 661 –677

Zilal Saari, Farahwahida Mohd Yusof. 2015. Motivating factors to breastfeed an adopted child in a muslim community in malaysia. Jurnal Teknologi.74(1): 211-220.

Zilal Saari. 2014. Model on adoptive breastfeeding from fiqh and science perspective [doctoral's thesis]. [Johor]: University of Technology, Malaysia.
Zilal Saari. 2015. Model Garis Panduan Penyusuan Anak Angkat Menurut perspektif Fiqh dan Sains. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
Zulkifli MA (2016). Irsyad fatwa-153: Hukum menjual susu ibu. Pejabat Mufti Wilayah [2017 Dis 10] melalui http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/irsyad-fatwa/968-irsyad-al-fatwa-ke-153-hukum-menjual-susu-ibu

AKTA, ENAKMEN DAN ORDINAN

Enakmen Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 .

LAMAN SESAWANG:

1. Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, Bayan Linnas Siri ke-70: Isu berkenaan ibu susuan & pelbagai hukum (kad atau sijil susuan), https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1138-bayan-linnas-siri-70-isu-berkenaan-ibu-susuan-pelbagai-hukum-kad-atau-sijil-susuan
2. http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10287
3. http://h.usm.my/rakanbayi/index.php/bahan-bacaan/26-penyusuan-susu-ibu-secara-eksklusif Malaymail Online (2016).
4. http://mufti.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan/bahagian-fatwa/keputusan-fatwa/23-keputusan-fatwa-2011/81-hukum-menyusukan-anak-angkat
5. http://www.muftiselangor.gov.my/en/general/fatwas/latest-fatwas/213-hukum-menubuhkan-bank-susu-di-malaysia.
6. Kaut RM5,000 sebulan, wanita jual 200 botol susu badan [2017 Dec 10] melalui; http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/kaut-rm5000-sebulan-wanita-jual-200-botol-susu-badan-sebulan.
7. https://www.hmetro.com.my/hati/2017/09/262315/penyusuan-anak-angkat
8. https://www.malaysianreview.com › Berita Harian –
9. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. (2011). Hukum Penubuhan Bank Susu,
10. Majlis Fatwa Kebangsaan. (2011). Fatwa Hukum Wanita Menyusukan Anak Angkat - smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/10282

PENILAIAN TERHADAP ISU PERLAKSANAAN TA'WIDH DAN GHARAMAH: SEBUAH KAJIAN KES DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

Rusni Hassan &
Fatimah Mohamad Noor

PENILAIAN TERHADAP ISU PERLAKSANAAN TA'WIDH DAN GHARAMAH: SEBUAH KAJIAN KES DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

[1]Rusni Hassan & [2]Fatimah Mohamad Noor

[1]Institute of Islamic Banking and Finance, IIUM
[2]International Islamic University Malaysia

ABSTRAK

Konsep ta'widh dan gharamah telah diamalkan secara konsisten dalam industri kewangan Islam di Malaysia bagi menangani masalah kemungkiran kontrak seperti kelewatan dalam membuat pembayaran hutang. Namun begitu, permasalahan baharu timbul apabila terdapat sebahagian institusi bukan kewangan Islam turut melaksanakan konsep ini bagi menangani masalah yang sama sama. Hal ini kerana, garis panduan semasa mengenai ta'widh dan gharamah hanyalah terpakai kepada institusi kewangan Islam di Malaysia sahaja. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan salah satu institusi bukan kewangan yang dikatakan turut melaksanakan ta'widh dan gharamah dalam kes yang melibatkan kemungkiran kontrak. Persoalan timbul tentang apakah garis panduan sebenar pelaksanaan ta'widh dan gharamah bagi institusi selain daripada kewangan Islam dan apakah isu yang akan berlaku disebabkan ketiadaan garis panduan yang khusus tentang pelaksanaan ta'widh dan gharamah di institusi ini. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu dan permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan ta'widh dan gharamah di MAIS. Kaedah yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini ialah melalui kaedah temu bual. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga isu utama mengenai pelaksanaan ta'widh dan gharamah di MAIS. Isu-isu tersebut adalah seperti isu pelaksanaan ta'widh yang melibatkan kaedah, amaun ta'widh, tuntutan kos sebenar dan seumpamanya. Isu seterusnya adalah melibatkan isu tadbir urus terhadap ta'widh dan gharamah. Isu terakhir adalah isu melibatkan peraturan mengenai ta'widh dan gharamah di MAIS. Seterusnya, kajian ini mencadangkan pendekatan yang sesuai bagi setiap isu pelaksanaan ta'widh dan gharamah oleh MAIS.

Kata Kunci: *Ta'widh, Gharamah,* MAIS

PENGENALAN

Konsep *ta'widh* dan *gharamah* telah diperkenalkan dan dipraktikkan berdasarkan resolusi yang telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Pelaksanaan *ta'widh* adalah dibenarkan sekiranya penghutang sengaja melewatkan pembayaran balik (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2017; Bank Negara Malaysia 2010). *Ta'widh* adalah ganti rugi atau bayaran yang dikenakan ke atas kerugian sebenar (*actual cost*) yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya. Dalam konteks transaksi kewangan, perkara tersebut merujuk kepada caj lewat bayar (*gharamah*), penalti atau denda yang dikenakan oleh bank ataupun pemiutang kepada penghutang yang gagal untuk membayar semula kadar prinsipal dan keuntungan yang telah dipersetujui, seperti kes transaksi *murabahah* kerana kelewatan melunaskan hutang, tanpa perlu pembuktian kewujudan kerugian sebenar.

Meskipun, konsep *ta'widh* dan *gharamah* diaplikasikan secara konsisten dalam industri kewangan Islam, persoalan timbul mengenai aplikasinya terhadap institusi selain kewangan Islam yang juga beroperasi mengikut prinsip-prinsip Syariah seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Justeru, fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu dan permasalahan *ta'widh* dan *gharamah* yang telah dilaksanakan di MAIS. Isu-isu tersebut adalah sangat penting untuk digarap kerana di

dalam MAIS wujud transaksi kewangan yang melibatkan pihak ketiga seperti kontrak pembekal, kontrak pelaburan, dan sebagainya. Oleh itu, resolusi dan garis panduan yang terdapat dalam praktis kewangan Islam berkenaan *ta'widh* dan *gharamah* akan dianalisis secara kritikal untuk melihat kesesuaiannya dalam pengaplikasian terhadap MAIS. Seterusnya, kajian ini akan mencadangkan pendekatan yang sesuai bagi setiap isu dan permasalahan yang dihadapi oleh MAIS dalam pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* yang boleh diterima pakai dan diterapkan oleh MAIS. Kajian ini juga diharapkan akan memudahkan penerbitan fatwa berkenaan *ta'widh* dan *gharamah*, malah, bukan sahaja kepada MAIS bahkan kepada institusi-institusi selain MAIS yang turut beroperasi berlandaskan prinsip-prinsip Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, sebagai sebuah institusi agama yang juga melaksanakan beberapa operasi yang berkaitan dengan pihak-pihak yang berkontrak, MAIS juga sedang berdepan dengan isu kelewatan bayaran balik dan kemungkiran pembayaran pinjaman oleh pelbagai pihak yang terhasil daripada akad-akad pertukaran. Bagi mengatasi isu ini, MAIS telah memutuskan untuk melaksanakan *ta'widh* dan *gharamah* terhadap penghutang yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka untuk membayar balik pinjaman yang tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak. Perkara ini merupakan alternatif perundangan sebagai mana yang telah dilakukan di institusi-institusi perbankan Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, MAIS dipercayai sedang berhadapan dengan isu penentuan kos sebenar (*actual cost*) dan kadar caj lewat bayar disebabkan ketiadaan garis panduan dan amalan yang boleh dirujuk. Bahkan masih tiada fatwa yang jelas dikeluarkan mengenai isu ini yang sesuai untuk dirujuk dalam konteks MAIS.

Hal demikian disebabkan oleh beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan literatur yang membincangkan konsep dan aplikasi kaedah ganti rugi dan penalti hanya memfokuskan dalam spektrum perbankan Islam sahaja. Bahkan sangat kurang literatur yang menyatakan pelaksanaan konsep *ta'widh* dan *gharamah* untuk institusi selain kewangan Islam yang juga mempunyai sistem dan operasi yang hampir sama dengan sistem kewangan Islam yang sedia ada. Selain itu, menurut kajian-kajian lepas, caj penalti yang dikenakan oleh institusi kewangan Islam tidak boleh dikira sebagai pendapatan kepada institusi tersebut dan amaun itu harus disalurkan kepada badan-badan kebajikan. Jadi, persoalan timbul tentang bagaimana caj penalti harus diurus oleh MAIS yang mana MAIS juga merupakan sebuah institusi agama yang berorientasikan kebajikan. Oleh itu, hal ini menuntut satu garis panduan yang jelas bagi memastikan caj penalti tersebut benar-benar dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan seperti yang telah diamalkan dalam sistem kewangan Islam di Malaysia khususnya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

i. Mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi oleh MAIS dalam melaksanakan *ta'widh* dan *gharamah.*
ii. Mencadangkan mekanisme dan kerangka yang terbaik bagi pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* bagi kes MAIS.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada isu dan permasalahan yang dihadapi oleh MAIS dalam melaksanakan *ta'widh* dan *gharamah*. Hal ini kerana, MAIS dikatakan telah melaksanakan kaedah *ta'widh* dan *gharamah* seperti mana yang diamalkan di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia bagi menangani masalah melibatkan obligasi kewangan seperti kemungkiran kontrak, hutang yang tidak dibayar atau lewat dalam pembayaran dan sebagainya.

TINJAUAN LITERATUR

Kemungkiran Kontrak (*Breach of Contract*)

Kemungkiran kontrak merujuk kepada keingkaran pelanggan untuk menjelaskan hutangnya mengikut waktu yang telah ditetapkan (Ismail et.al, 2014). Pada pandangan kebanyakan ulama, mereka telah bersepakat bahawa isu kemungkiran kontrak akan melibatkan pelanggaran hak pihak yang telah berkontrak dan hal ini harus ditangani bagi memenuhi tuntutan hak yang telah dilanggar. Perintah untuk memenuhi semua tanggungjawab yang terdapat dalam al-Quran adalah bersifat umum dan terpakai kepada semua termasuk menunaikan janji kepada kepada orang bukan Islam. Bahkan, terdapat banyak ayat al-Quran yang memerintahkan agar setiap umat manusia memenuhi tanggungjawab, menunaikan janji sebagaimana yang telah diikrarkan. Dalam konteks perbankan Islam, masalah kemungkiran kontrak banyak berlaku dalam beberapa kontrak seperti *murabahah* (jual beli tertangguh), *istisna'* (pembuatan) dan sebagainya yang mana bank merupakan pengkredit kepada pelanggan. Manakala, bagi kes kontrak yang berasaskan *ijarah* (penyewaan), bank Islam terlibat dengan obligasi di antara pelanggan yang mana pelanggan haruslah membayar sewa pada waktu yang telah ditetapkan sebelum tarikh matang (Hasan, et al. 2018).

Menurut pandangan sarjana ekonomi Islam, terdapat dua faktor utama yang menyebabkan berlakunya kes kemungkiran kontrak sama ada sengaja atau tidak sengaja iaitu hilangnya kemampuan penghutang untuk melunaskan bayaran balik pinjaman. Oleh itu, mereka bersepakat bahawa bagi penghutang yang mampu membayar bayaran balik tetapi sengaja melewatkan tanpa sebab yang munasabah adalah satu tindakan yang dilarang sama sekali di sisi syarak (Ismail et al., 2014). Ini telah di sokong oleh ulama fiqh terdahulu yang telah membahagikan penghutang sengaja melewatkan pembayaran dan penghutang tidak sengaja kepada dua kategori sebagaimana berikut:

a. Penghutang mampu dan sengaja melewatkan pembayaran (*Solvent Defaulter*)

Penghutang sengaja melewatkan pembayaran semula merujuk kepada penghutang yang sengaja memilih untuk melewatkan pembayaran hutang walaupun mampu untuk berbuat demikian. Keengganan untuk membayar hutang adalah satu kesalahan berat dan tidak berlaku adil yang melayakkannya untuk dihukum selagi mana hutang tersebut tidak dijelaskan. Hal ini telah disebut dalam satu hadis tentang perbuatan sengaja melewatkan pembayaran hutang oleh penghutang yang kaya adalah satu bentuk ketidakadilan (Hassan et.al, 2018). Rasulullah SAW telah bersabda:

مَطْلُ الغَنِيِّ ظُلْمٌ

Maksudnya: "Penangguhan sengaja (daripada membayar hutang) oleh orang yang berkemampuan adalah satu kezaliman*."* (Hadis riwayat Sahih al-Bukhari, Hadis No. 2400)

Rasulullah SAW juga telah bersabda:

لَيُّ الْوَاجِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ، وَعُقُوبَتَهُ

Maksudnya "Penangguhan hutang oleh orang yang berkuasa membayarnya, adalah satu kezaliman, halal maruah dan hukuman ke atasnya (iaitu pemberi hutang boleh mengambil tindakan ke atas diri dan maruahnya." (Hadis riwayat Abu Daud, Hadith No. 3628)

Kedua-dua hadis ini telah menjelaskan bahawa keengganan seseorang dalam melangsaikan hutang walaupun berkemampuan tertakluk kepada hukuman ataupun penalti.

b. Penghutang yang tidak sengaja melewatkan pembayaran (*insolvent defaulter*)

Penghutang yang tidak sengaja melewatkan pembayaran (*insolvent defaulter*) merujuk kepada *mu'sir*. Perkataan *mu'sir* berasal daripada *i'sar* membawa maksud kesusahan, kesulitan, kesukaran dan terbatas. Ia juga merujuk kepada kesusahan dalam kehidupan, tidak ada harta, kemiskinan yang dihadapi oleh orang susah sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah penangguhan sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui." (Al-Baqarah: 280)

AAOIFI (2010) mendefinisikannya sebagai ketidakmampuan semasa untuk melepaskan tanggungjawab kewangan yang dikenakan ke atas liabiliti seseorang. Oleh itu, *mu'sir* boleh ditakrifkan sebagai seseorang yang tidak berkemampuan untuk melangsaikan hutangnya walaupun selepas dihimpunkan keseluruhan aset yang dimilikinya. Definisi ini berasal daripada ayat al-Quran berkaitan dengan perkataan *i'sar* sebagaimana yang telah disebut dalam ayat di atas (Hassan et.al, 2018).

Penalti Kewangan dalam Islam

Terdapat tiga pandangan ulama mengenai mengenai hukum keharusan mengenakan penalti dalam bentuk kewangan (Mohd Noor & Haron, 2016; Ismail et al., 2014; Al-Tabtabae, 2006). Berikut adalah pandangan yang telah dikemukakan oleh ulama' kontemporari dalam hal ini:

a. Harus mengenakan penalti dalam bentuk kewangan

Penalti dalam bentuk wang adalah diharuskan bagi memenuhi kemaslahatan umum dan perkara tersebut bertepatan dengan prinsip syariah yang mendahului kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Selain itu, penentuan hukum ditentukan oleh pihak yang berautoriti iaitu pihak hakim ataupun pemerintah sahaja. Menurut pandangan ini, tindakan membuat persetujuan awal di antara pihak bank dan penghutang berhubung kadar ganti rugi yang harus dibayar penghutang atas kelewatan adalah tidak dibenarkan. Namun terdapat sebahagian ulama mengharuskan persetujuan awal. Manakala, bagi penalti dalam bentuk tuntutan ganti rugi, kadar hanya boleh ditentukan berdasarkan kerugian sebenar yang dihadapi oleh pembiaya. Justeru, amatlah penting bagi pihak pembiaya mengetahui kaedah

penentuan kemudaratan agar terhindar daripada salahlaku riba (Az-Zarqa', 1999; Al-Mani', 1985; Ad-Darir,1985; Laldin, 2006)

b. Harus mengenakan penalti kewangan dan mestilah disalurkan kepada perkara kebajikan.

Beberapa ulama' seperti Abd Sattar Abu Ghuddah, Sheikh Taqi 'Usmani, Ahli Majlis Syariah AAOIFI berpandangan bahawa penalti kewangan yang dikenakan bagi kes lewat bayar dan hasil daripada denda tersebut perlulah disalurkan kepada perkara-perkara kebajikan. Mereka berhujah bahawa penyaluran wang penalti kepada badan kebajikan ataupun perkara-perkara kebajikan adalah termasuk dalam konsep *iltizam bitabarru'* menurut Mazhab Maliki. Ini bermaksud, pihak penghutang haruslah bersetuju untuk menyumbangkan wang penalti sebagai sedekah sekiranya mereka gagal untuk memberi komitmen dalam melunaskan hutang mereka. Sekiranya penalti yang dikenakan disalurkan kepada pihak ketiga dalam bentuk wang, perkara ini tidak lagi boleh dikira sebagai riba (Mohd Noor & Haron, 2016; Ismail et al., 2014; Rahman, 2009). Al-Hattab (1984) menyatakan bahawa sekiranya seseorang tidak membayar hutang dalam waktu yang telah ditetapkan, dia akan membayar hutang tersebut dan dia juga akan menyalurkan sebahagian wang tersebut kepada mereka yang miskin dan tidak berkemampuan. Kebanyakan bank yang melaksanakan fatwa ini akan melantik jawatankuasa Syariah untuk mengawasi keseluruhan proses bagi mengelakkan ketidakpatuhan dan penyalahgunaan (Mohd Noor dan Haron, 2016).

c. Pandangan ulama yang tidak mengharuskan

Hujah yang dikemukakan oleh golongan kedua adalah penalti kewangan ini boleh dianggap sebagai perbuatan menghampiri riba (*syibih riba*). Dalam erti kata lain, mereka berhujah bahawa kaedah ini adalah helah kepada riba. Menurut pendapat ini, hanya hakim ataupun pemerintah sahaja yang layak untuk menentukan hukuman terhadap penghutang yang melanggar kontrak ataupun mungkir janji bagi melunaskan bayaran balik pinjaman. Hukuman yang dimaksudkan adalah hukuman *ta'zir*. Selain itu, mereka juga mencadangkan mekanisme kafalah atau kaedah yang lebih baik berbanding kaedah ganti rugi dan denda yang mana boleh dianggap sebagai helah kepada riba (Hammad,1985; Al-Misri, 1985; Syaaban, 1989; Al-Qurrahdaghi, 2006).

Pelaksanaan penalti kewangan sebagai undang-undang

Ahli Fiqh telah menekankan tentang kepentingan *Fiqh al-Waqi* (fiqh setempat) dalam merangka polisi berorientasikan syariah (*Siyasah Syar'iyyah*,) yang berhubungkait dengan politik dan pentadbiran hal ehwal masyarakat. *Siyasah* adalah hal yang berhubungan dengan isu kehidupan sebenar dan menelusuri peraturan fiqh secara khusus dibawah panduan tujuan *syariah* dan objektifnya (Kamali, 2017). *Siyasah Syar'iyyah* juga berada di bawah kategori ijtihad yang berasaskan *maslahah* dan s*add zara'i* yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia seperti politik, pendidikan, ekonomi, kewangan dan sebagainya (Ibn al-Qayyim, 2002). Justeru, di bawah panduan *siyasah syar'iyyah*, penalti kewangan boleh dikenakan kerana *maslahah* menuntut perkara tersebut. Bahkan pandangan ini juga disokong dengan keharusan melaksanakan penalti kewangan menurut pandangan ulama kontemporari yang akan dibahaskan dalam bahagian seterusnya (Kamali, 2017).

Bentuk-Bentuk Penalti Kewangan dalam Islam dan Keharusannya

a. Ta'widh

Dari segi bahasa, *ta'widh* ataupun ganti rugi merupakan bentuk pampasan yang diberikan kepada pihak tertentu, sama ada dalam bentuk nilai wang atau barangan yang sama disebabkan kerugian atau kerosakan harta. Contoh pampasan kerosakan seperti kebakaran premis perniagaan. Manakala, pampasan kerugian seperti kes pengambilan tanah untuk kepentingan awam oleh kerajaan. (Mohamad, Awang & Syed Adwam Wafa, 2010, 22).

Manakala dalam aspek kewangan Islam *ta'widh* merujuk kepada "bayaran ganti rugi yang dikenakan kepada pengeluar hutang Islam sebagai denda kelewatan dan kegagalannya membuat bayaran kepada pemberi hutang dari tempoh yang ditetapkan. Kelewatan ini boleh berlaku disebabkan oleh kelewatan membayar margin atau kelewatan bayaran terhadap harga pokok. Ganti rugi dikenakan setelah didapati terdapat unsur sengaja melengahkan pembayaran." (Ismail, Sanep & Jaafar 2011, 37). Sementara itu Bank Negara Malaysia mentakrifkan *ta'widh* sebagai "ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pembiaya kesan kelewatan pembayaran pembiayaan oleh penerima biaya" (Bank Negara Malaysia, 2010, p.129). Dalam hal ini, terdapat kesepakatan di antara ulama seperti Al-Zarqa (1999), Al-Mani' (2003), Ad-Darir (1985), Hammad (1985) dan Syaaban (1989) bahawa *ta'widh* boleh dikira sebagai riba jika sekiranya penghutang dipaksa untuk membayar dalam keadaan tidak mampu membayar (*insolvency*) dan apabila tindakan lewat dalam pembayaran itu tidak memudaratkan pemiutang.

b. Gharamah

Dari segi bahasa *Gharamah* diertikan sebagai penalti yang dikenakan oleh pemerintah disebabkan oleh sesuatu kesalahan yang memperuntukkan pengenaan penalti dalam bentuk kewangan (Al-Qurrahdaghi, 2007). Manakala menurut Bank Negara Malaysia (2010) *gharamah* merujuk kepada penalti yang dikenakan sebagai langkah pencegahan kepada kelewatan pembayaran oleh penghutang. Sementara itu, *gharamah* juga adalah denda yang dikenakan sebagai hukuman kepada penghutang dan bukanlah tuntutan ganti rugi disebabkan oleh kelewatan penghutang. Denda hanya dikenakan setelah pihak pembiaya telah mengalami kerugian dan kemudaratan disebabkan oleh lewat bayar. Kerugian yang dimaksudkan adalah kerugian sebenar yang dialami oleh pemiutang. Selain itu, hasil daripada pungutan denda tersebut haruslah disalurkan kepada kebajikan dan tidak boleh dimanfaatkan oleh pihak pembiaya iaitu bank (Bank Negara Malaysia, 2010).

Keharusan *gharama*h adalah berdasarkan pandangan ulama yang mengharuskan penalti kewangan sebagai hukuman *ta'zir* bagi konteks sesebuah kerajaan dan *gharamah* ditentukan oleh pihak pemerintah atau hakim. Namun begitu, bagi kes yang melibatkan institusi kewangan Islam, kadar *gharamah* ditentukan oleh pihak yang berautoriti seperti Bank Negara Malaysia.

c. Syarat Jaza'i (syarat balasan)

Syarat Jaza'i atau dikenali sebagai syarat balasan ialah perjanjian awal di antara dua parti yang berkontrak dalam bentuk wang yang perlu dibayar kepada pembiaya, sekiranya dia gagal untuk menunaikan tanggungjawabnya ataupun lewat dalam pembayaran (Saad, 2006; Al-Qurrahdaghi, 2007). Al-Hamawi (2012) menyebutkan *syarat jaza'i* adalah perjanjian di antara dua parti yang berkontrak tentang penentuan ganti rugi yang akan dibayar oleh penghutang sekiranya lewat dalam pembayaran.

Syarat balasan yang terdapat di dalam kontrak pada masa kini adalah penting kerana dengan adanya syarat balasan ini dapat melindungi pihak yang berkontrak sekiranya dalam tempoh kontrak berjalan, akan berlakunya kemungkiran kontrak. Pandangan ini telah disokong oleh ulama yang mengharuskan *syarat jaza'i* yang menyebutkan bahawa setiap syarat adalah harus selagi mana syarat tersebut tidak bertentangan dengan Al-Quran dan As-Sunnah (Al-Qurrahdaghi, 2007). *Syarat jaza'i* boleh berlaku dalam dua bentuk kontrak:

1. *Syarat jaza'i* disebabkan lewat dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dan pelaksanaan projek.

   Bagi *syarat jaza'i* disebabkan lewat dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan dan pelaksanaan projek terdapat dua bentuk *syarat jaza'i* yang mengandungi ganti rugi tertentu disebabkan oleh berlaku kelewatan dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan ataupun tidak melaksanakannya (Al-Qurrahdaghi, 2007).

   i. *Syarat jaza'i* berserta dengan akad *muqawalah* ataupun *istisna'* (pembuatan) yang memperuntukkan sejumlah ganti rugi tertentu mengikut hari ataupun bulan kelewatan dari tarikh yang dijanjikan untuk disempurnakan.

   ii. *Syarat jaza'i* disertakan dengan akad *ijarah ala amal* (perkhidmatan) dan *ijarah ala a'yan* (sewaan ke atas barangan). *Syarat jaza'i* pada kedua akad bermaksud mensyaratkan ganti rugi dengan jumlah tertentu sekiranya berlaku kelewatan dalam salah satu bentuk akad yang disebutkan di atas. Seperti contoh penyewa lewat dalam membuat pembayaran sewaan (Al-Qurrahdaghi, 2007).

   Terdapat banyak nas-nas syarak yang memperuntukkan setiap pihak yang berkontrak memenuhi dan mematuhi janji dan syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian. Keharusan ini juga selaras dengan apa yang telah diputuskan dalam muktamar Majma' Fiqh Islami yang ke-7 di Jeddah pada 7-12/11/1412 Hijrah bersamaan 9-14 Mei 1992 Masihi yang telah menyebutkan harus pada akad *istisna'* yang memperuntukkan syarat jazai yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkontrak selagi mana tidak berlaku paksaan (Al-Qurrahdaghi, 2007).

2. *Syarat jaza'i* dalam akad-akad yang melibatkan hutang

   Syarat balasan dalam akad-akad yang melibatkan hutang merujuk kepada nilai ganti rugi hasil daripada kelewatan membayar hutang

d. Iltizam bitabarru'

Iltizam bitabbarru' (beriltizam dengan sedekah) adalah salah satu kaedah yang dipersetujui oleh ulama seperti Dr Abd Sattar Abu Ghuddah, Sheikh Taqi 'Usmani dan Ahli Majlis Syariah AAOFI yang mengharuskan penalti dalam bentuk kewangan. Meskipun mereka mengharuskan penalti kewangan, hasil pungutan wang penalti dikira sebagai derma kepada kebajikan bagi mengelakkan berlaku perbuatan kepada menghampiri riba. Ini adalah salah satu bentuk perjanjian unilateral yang dibuat di awal perjanjian yang mana pihak penghutang haruslah bersetuju menyalurkan sejumlah amaun kepada kebajikan sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab ataupun lewat dalam pembayaran semula hutang dalam waktu yang telah ditetapkan. Penyaluran kepada pihak ketiga ini tidak lagi dikira sebagai riba (Mohd Noor & Haron, 2016; Ismail et al., 2014; Rahman, 2009).

Kaedah Penentuan Kos Sebenar

Pengenaan kos sebenar dalam hal yang melibatkan pembiayaan, jual beli secara bertangguh dan sebagainya adalah dibenarkan menurut kebanyakan ulama. Alasan utama pengenaan kos sebenar kepada pelanggan ataupun penghutang adalah untuk mengelakkan pemiutang daripada mendapat manfaat yang berlebihan daripada pinjaman ataupun jual beli dalam bentuk mengenakan yuran, komisen, dan sebagainya. Hal ini merupakan sebahagian bentuk riba yang tidak dibenarkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes kos sebenar yang berlaku tidak dikira sebagai riba tetapi dikira sebagai *ijarah 'ala amal* (perkhidmatan) sebagai kos yang telah ditanggung oleh bank.

a. Tuntutan ganti rugi berdasarkan kos sebenar (*actual cost*)

Menurut pandangan sesetengah ulama kontemporari, pembayaran ke atas ganti rugi haruslah mengikut nilai sebenar kerugian yang diterima oleh pembiaya. Ini berdasarkan hadis yang telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW berkenaan keengganan penghutang untuk membayar semula pinjaman dan sengaja melengahkan pembayaran. Perbuatan ini dianggap tidak memberi keadilan kepada pembiaya. Bahkan, mereka berpendapat adalah wajar dikenakan hukuman terhadap penghutang yang sengaja melambatkan dan tidak melunaskan obligasi kewangan mereka. Meskipun, hukuman yang dinyatakan masih bersifat umum dan mungkin juga melibatkan hukuman penjara. Bukan itu sahaja, hadis tersebut juga telah menyatakan secara jelas tentang hukuman terhadap penghutang yang tidak serius membayar semula hutang dan boleh dikenakan hukuman ganti rugi (Syaaban, 1989; Al-Tabtabae, 2006). Kaedah ganti rugi ini dibenarkan hanya merujuk kepada kerugian sebenar yang hilang, rosak dan seumpamanya (Syaaban, 1989).

b. Tuntutan ganti rugi berdasarkan kos peluang yang hilang (*opportunity lost*)

Manakala, menurut pandangan sebahagian ulama seperti Az-Zarqa (1999), Ad-Darir (1985) dan Al-Mani' (1985) mereka bersepakat bahawa harus mengenakan caj ganti rugi terhadap penghutang yang mampu membayar mengikut kadar waktu yang telah ditetapkan tetapi sengaja melambatkan pembayaran dengan merujuk kepada kos peluang yang hilang. Peluang yang hilang merujuk kepada hilangnya peluang keuntungan di masa akan datang disebabkan oleh beberapa faktor dan pilihan yang ada. Namun begitu, kaedah ini tidak termasuk penentuan kos perbelanjaan sebenar terhadap pembiayaan tetapi dengan hanya membandingkan dengan produk-produk pembiayaan lain. Pada pandangan mereka, perbuatan sengaja melewatkan pembayaran balik dengan kadar tempoh yang telah ditetapkan adalah tidak adil bagi pembiaya kerana mereka tidak mampu mendapatkan semula modal malah tidak dapat memanfaatkannya semula. Oleh itu, memasukkan kos peluang yang hilang dalam penentuan ganti rugi adalah dibenarkan (Mohd Noor & Haron, 2016).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang mana beberapa kaedah kajian kualitatif telah diguna pakai. Segala informasi dan maklumat mengenai MAIS diperoleh melalui teknik temu bual separa berstruktur dan secara personal. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang isu dan permasalahan yang dihadapi oleh MAIS melaksanakan *ta'widh* dan *gharamah* dengan pihak-pihak yang mempunyai obligasi kewangan yang terhasil daripada akad-akad pertukaran. Segala maklumat ini adalah sangat penting bagi mencapai objektif utama kajian ini iaitu

mengenal pasti isu pelaksanaan ta'wdih dan gharamah di MAIS seterusnya mencadangkan satu kerangka pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* yang sesuai dan praktikal bagi MAIS.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dan menganalisis dapatan kajian yang telah diperoleh hasil daripada kajian lapangan di MAIS. Pendekatan temu bual separa berstruktur telah digunakan bagi tujuan mendapatkan data yang dikehendaki. Temu bual ini dilaksanakan mengikut sektor yang terlibat dengan pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* di MAIS. Terdapat empat sektor utama yang terlibat dengan pelaksanaan *ta'widh* di MAIS iaitu;

1. Sektor undang-undang
2. Sektor khidmat pengurusan
3. Sektor Projek dan Hartanah
4. Sektor Baitulmal

Seramai 7 orang pegawai telah ditemu bual daripada sektor yang berbeza yang terlibat dengan proses *ta'widh* dalam konteks MAIS. Jadual di bawah menunjukkan senarai pegawai yang terlibat dengan temu bual yang telah dijalankan.

Jadual 1 Senarai Pengawai MAIS Yang Terlibat

No.	Sektor	Pegawai Yang Terlibat Beserta Jawatan
1.	Sektor Undang-undang	Pegawai Undang-Undang Kanan (Sivil)
2.	Sektor Khidmat Pengurusan	Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan)
3.	Sektor Hartanah	Wakil 1 (Pengurusan Hartanah)
		Wakil 2 (Pengarah/pengurus projek)
4.	Sektor Baitulmal	Pengarah (Sektor Baitulmal)
		Pengurus (Bahagian Harta Baitulmal)
		Pengurus (Bahagian Kewangan)

Latar Belakang MAIS

Pada awal penubuhannya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dikenali sebagai satu badan yang tetap dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Ia ditubuhkan di bawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) sebagaimana berikut: "Hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor". Penubuhan Majlis ketika itu adalah bertujuan menasihati DYMM Sultan dalam hal-hal yang bersabit dengan Agama Islam dan Adat Melayu. Nama dan identiti badan ini kemudiannya ditukar kepada satu pertubuhan perbadanan yang bernama Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan kepada seksyen 5 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut: "Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai itu boleh dari masa ke semasa dipecahkan, ditukar dan diubah dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu boleh digunakan sebagai meterai perbadanan bagi Majlis".

MAIS juga merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor

(JAIS) ke MAIS dan telah disahkan oleh Mesyuarat MAIS pada 14 April 2005. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal.

Isu Pelaksanaan Ta'widh dan Gharamah

Secara umumnya, MAIS tidak membezakan pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* dalam erti kata yang lain mereka tidak membezakan antara denda dan ganti rugi. Apa yang dilaksanakan oleh MAIS hanyalah *ta'widh*, dan denda sahaja, malah denda tersebut juga difahami sebagai *ta'widh*. Justeru, pelaksanaan *gharamah* tidak berlaku dalam praktis MAIS.

a. Situasi dan kaedah pelaksanaan

Terdapat beberapa situasi-situasi yang menuntut MAIS untuk melaksanakan *ta'widh* yang melibatkan sektor-sektor di MAIS iaitu:

1. Hartanah

i. Jual beli hartanah

Dalam jual beli hartanah, *ta'widh* dikenakan kerana kelewatan dalam membuat pembayaran dan kegagalan membuat pembayaran dalam tempoh yang telah ditetapkan setelah sesuatu perjanjian jual beli ditandatangani. Sebagai contoh dalam terma perjanjian jual beli, seksyen (1) menyebutkan tentang baki harga jualan mestilah diselesaikan dalam waktu yang telah ditetapkan. Seterusnya seksyen (2) menerangkan tentang *ta'widh* dikenakan sekiranya pembeli tidak membayar dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Praktis yang dilaksanakan adalah mengikut perjanjian jual beli hartanah iaitu perjanjian jual beli (*Sales & Purchases Agreement*). Jual beli hartanah adalah salah satu aktiviti utama yang melibatkan pelaksanaan *ta'widh* di MAIS. Seperti contoh, MAIS menjual sebahagian aset atau hartanah MAIS kepada pihak yang terlibat dalam perjanjian jual beli. Seterusnya terdapat beberapa aset yang melibatkan proses jual beli di MAIS dengan pihak yang terlibat seperti premis dan hartanah. Pengenaan *ta'widh* akan dikenakan sekiranya pembeli gagal melunaskan pembayaran dalam tempoh 3 bulan dari tarikh perjanjian jual beli sama ada dalam bentuk pembayaran penuh ataupun baki belian. Sekiranya gagal pembeli akan dikenakan *ta'widh.*

Majoriti amaun *ta'widh* yang dikenakan di MAIS adalah sebanyak 8% terutamanya dalam konteks jual beli hartanah dan juga pengurusan projek. Pengenaan *ta'widh* dalam proses jual beli bergantung kepada keputusan peguam panel dilantik yang menguruskan perjanjian jual beli. MAIS juga tertakluk kepada keputusan yang dicadangkan oleh panel peguam disebabkan MAIS tidak mempunyai garis panduan khusus berkenaan amaun *ta'widh* yang sepatutnya dikenakan. Amaun yang dikenakan sekitar 8% peratus dan kebanyakan praktis semasa MAIS terhadap *ta'widh* adalah 8% peratus.

Kadar *ta'widh* yang ditetapkan bagi jual beli hartanah juga dibuat mengikut ketetapan yang telah diputuskan oleh jawatankuasa baitulmal yang membantu MAIS untuk membuat segala bentuk kewajipan yang berkaitan dengan kewangan. Secara umumnya terdapat dua jawatankuasa yang membantu MAIS dalam urusan yang berkaitan dengan kewangan, iaitu: jawatankuasa baitulmal dan jawatankuasa pelaburan. Selain itu, jawatankuasa pelaburan

juga boleh memutuskan kadar amaun yang ingin ditetapkan yang melibatkan aktiviti-aktiviti pelaburan.

ii. Pengurusan projek
Ta'widh dikenakan dalam pengurusan projek disebabkan oleh '*breach of contract'* dan juga kelewatan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Kesemua praktis *ta'widh* dalam pengurusan projek merujuk kepada Jabatan Kerja Raya JKR, iaitu *Base Lending Rate.*

iii. Penyewaan
Bagi kes penyewaan, tiada *ta'widh* dikenakan, tetapi disebut sebagai caj denda berganda hanya kepada penyewa sudah tamat tempoh penyewaan tetapi masih lagi mendiami premis. Maka denda berganda dikenakan kepada penyewa tersebut. Selain itu MAIS juga mengenakan caj pengurusan sekiranya penyewa gagal atau lambat menyelesaikan sewa bulanan berserta GST ke atas semua jumlah yang perlu dibayar mengikut tarikh yang ditetapkan. Pelaksanaan sewaan berganda adalah mengikut amalan semasa sewaan berganda oleh Majlis Daerah.

Manakala tempoh pembayaran yang dikenakan adalah berbeza mengikut perjanjian. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya tempoh pembayaran yang dinyatakan di dalam perjanjian adalah selama 3 bulan selepas tandatangan ataupun selepas 6 bulan. Berbeza pula dengan pajakan, yang mana tempoh pembayaran adalah merujuk kepada apa yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Selain itu, tempoh pembayaran tidak akan dipanjangkan melainkan dengan kebenaran jawatankuasa yang telah disebutkan seperti di atas. Dalam beberapa kes yang tidak mampu untuk membayar, pihak pembeli akan memohon untuk menangguhkan kepada sebulan atau dua bulan tanpa dikenakan *ta'widh*. Terdapat juga kes-kes yang mana pihak jawatankuasa membenarkan penangguhan tetapi mereka harus membayar 50 peratus daripada jumlah tunggakan. Malah ada juga keadaan jawatankuasa membenarkan pembayaran 50 peratus tersebut tanpa dikenakan *ta'widh*.

Bagi aktiviti penyewaan, pembayaran lewat tidak dikira sebagai *ta'widh* tetapi ia dikenali sebagai denda disebabkan oleh pembayaran lewat. Ini bermaksud, nilai bayaran yang dikenakan adalah sama dan tiada penambahan daripada nilai pokok. Denda sewa berganda dikenakan hanya kepada sewaan yang telah tamat tempoh sahaja iaitu apabila sesuatu perjanjian penyewaan yang telah tamat tempoh namun penyewa masih lagi mendiami premis penyewaan, maka mereka akan dikenakan sewa berganda. Malah, mereka juga harus membayar segala tunggakan-tunggakan yang ada ataupun perjanjian tersebut akan ditamatkan serta merta oleh pihak MAIS. Manakala bagi penyewaan, amaun denda tidak ditentukan, tetapi disebut sebagai denda berganda.

2. Pembekalan

Dalam aspek pembekalan, ta'widh lazimnya akan dikenakan bagi kelewatan dalam melaksanakan perkhidmatan yang telah dipertanggungjawabkan. Pembekalan dalam konteks MAIS melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

i. Perkhidmatan, seperti contoh perkhidmatan ICT, keselamatan dan pembersihan.
ii. Penyelenggaraan, seperti contoh penyelenggaraan bangunan atau lif.
iii. Peralatan seperti contoh pembekalan peralatan mesin cetak.

Bagi sektor perkhidmatan, denda yang dikenakan adalah disebabkan oleh prestasi perkhidmatan yang lambat. Denda yang dikenakan adalah dengan memotong pembayaran

bulanan yang perlu diberikan kepada pembekal. Meskipun ianya masih lagi bukan dikira sebagai pembatalan kontrak.

Pada bahagian pembekalan, *ta'widh* yang dikenakan adalah berbeza mengikut bentuk-bentuk pembekalan yang sedia ada, seperti contoh pembekalan servis perkhidmatan iaitu ICT, keselamatan dan pembersihan, pembekalan mesin fotokopi dan juga penyelenggaraan lif dan bangunan-bangunan MAIS. Pengiraan *ta'widh* adalah berbeza berdasarkan cadangan yang telah diberikan daripada wakil setiap bahagian yang terlibat. Sebagai contoh pembekalan mesin fotokopi, wakil yang bertanggungjawab menjaga perkara tersebut adalah bahagian pentadbiran. Justeru, wakil bahagian pentadbiran akan turut serta dalam jawatankuasa sebut harga yang memutuskan tender ataupun tawaran kepada mana-mana pihak untuk mencadangkan kadar denda di dalam surat tawaran iaitu RM100 sehari bagi setiap kelewatan. Ada juga denda yang dikenakan mengikut peratus seperti 4 peratus namun ia berbeza mengikut jenis perkhidmatan. Malah dalam bahagian lain pula turut dinyatakan bahawa MAIS boleh mengenakan denda sebanyak RM100 ringgit sehari bagi setiap kelewatan atau kadar maksimum sebanyak 10% daripada jumlah harga kontrak. Ini bermaksud terdapat had yang boleh dikenakan iaitu tidak melebihi 10%.

Dalam perkara ini, kadar denda ditentukan terlebih dahulu melalui jawatankuasa sebut harga dan bukanlah ditentukan oleh bahagian undang-undang. Sekiranya ia ditentukan oleh bahagian undang-undang, kemungkinan berlaku kesalahan dalam menentukan kadar denda. Perkara tersebut akan dikembalikan kepada jawatankuasa sebut harga ataupun pihak yang boleh membuat keputusan berkenaan pembekalan. Bagi pembekalan, kadar *ta'widh* yang biasa dikenakan adalah sebanyak RM100 bagi setiap hari kelewatan dan tidak melebihi 10 peratus daripada harga kontrak. Adakalanya amaun *ta'widh* ini berubah-ubah mengikut wakil setiap bahagian yang bertanggungjawab meletakkan amaun *ta'widh* dalam jawatankuasa sebut harga. Jumlah kumulatif denda Denda Lewat yang boleh dikenakan oleh Majlis terhadap perunding hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada harga kontrak. Berikut adalah asas pengiraan denda lewat:

$$\text{Denda} = (\text{kadar denda lewat \%}) / 365 \times (\text{Harga kontrak}) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

3. Pembiayaan kewangan kepada anak syarikat MAIS

Bagi kes pembiayaan kewangan kepada anak syarikat MAIS, *ta'widh* dikenakan disebabkan oleh kelewatan dalam membuat bayaran semula pinjaman dalam tempoh yang telah ditetapkan. Dalam kes ini, *ta'widh* yang dikenakan adalah sama seperti praktis di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia sepertimana yang telah disebutkan dalam *promissory notes*. Dalam *promissory note* tersebut menyatakan bahawa ta'widh yang dilaksanakan bagi kes pembiayaan kepada anak syarikat MAIS adalah mengikut praktis institusi kewangan Islam iaitu Bank Negara Malaysia. Bagi pembiayaan kewangan, *ta'widh* dikenakan adalah sebanyak 1% daripada jumlah pinjaman yang dipohon oleh anak syarikat. Amaun 1% ini berdasarkan proposal yang telah disyorkan oleh peguam dan melihat kepada amalan semasa. Bagi pembiayaan kewangan amaun yang dikenakan adalah sebanyak 1% daripada jumlah pembiayaan yang telah diberikan.

b. Tuntutan terhadap kos sebenar

Dalam kes MAIS, hampir kesemua amaun *ta'widh* yang dinyatakan tidak merujuk kepada tuntutan kos sebenar mahupun kos yang hilang yang sebenarnya wujud, namun begitu, ianya tidak dinyatakan secara jelas dan tidak ditetapkan dalam mana-mana garis panduan pelaksanaan.

Menurut responden, kos sebenar yang dikenakan adalah disebabkan kegagalan untuk bayar ditentukan oleh wakil setiap bahagian yang terlibat dengan *ta'widh*. Hal ini kerana mereka lebih mengetahui tentang proses dan aktiviti tersebut dengan secara jelas. Seperti contoh, sekiranya *ta'widh* melibatkan perkhidmatan ICT, maka bahagian ICT yang menentukan jumlah amaun yang harus dikenakan. Mereka hanya perlu kemukakan kepada pihak undang-undang. Maka, sebenarnya tiada apa-apa kuantum yang merujuk kepada kos sebenar, dan ia adalah sekadar amalan kebiasaan.

Bagi kes penyewaan, apabila notis pertama dan kedua telah dikeluarkan kepada penyewa, dan pembayaran masih belum dilakukan, perkara ini akan dibawa kepada bahagian undang-undang. Bahagian undang-undang akan mengeluarkan surat notis bagi penyewa membuat pembayaran dalam tempoh 14 hari bersama kos peguam iaitu RM100 sehari. Sekiranya penyewa gagal berbuat demikian, hal tersebut akan dibawa ke mahkamah untuk membuat sebarang tuntutan.

Selain itu, sekiranya berlaku tunggakan, tuntutan hanya dibuat terhadap kadar sewa yang tertunggak sahaja. Notis akan dikeluarkan kepada penyewa sebanyak tiga kali. Sekiranya gagal untuk membayar walaupun notis ketiga telah dikeluarkan, maka pihak peguam pula yang akan mengeluarkan notis. Selepas itu, mereka haruslah membuat pembayaran dan termasuk juga kos kepada notis peguam tersebut. Notis peguam ini juga dianggap sebagai kos sebenar. Namun ia tidak pernah dituntut sebagai ganti rugi oleh MAIS.

Secara keseluruhannya, bagi semua situasi yang berlaku di MAIS, item-item yang merujuk kepada kos sebenar tidak dapat dipastikan secara jelas dan mendalam. Hampir kesemua aktiviti dan situasi tuntutan kepada *ta'widh* bukanlah merujuk kepada kos sebenar. Hanya penyewaan sahaja yang dinyatakan secara jelas tentang notis peguam sebagai salah satu kos sebenar yang mereka terpaksa tanggung. Sebagai contoh, bagi jual beli hartanah, tiada item-item yang merujuk kepada kos sebenar yang dituntut. Hal ini kerana, denda 8% adalah mengikut praktis konvensional dalam perjanjian jual beli. Ini memberikan gambaran bahawa *ta'widh* 8% yang dikenakan tidak merujuk kepada mana-mana kos sebenar walaupun asas kepada *ta'widh* adalah tuntutan ganti rugi. Walaupun wujud kos sebenar seperti yang telah disebutkan oleh responden iaitu perkara yang melibatkan pengeluaran notis peguam. Namun, MAIS tidak menuntut kos sebenar dalam hal ini.

c. Penyaluran Ta'widh

Bagi penyaluran *ta'widh*, wang yang diterima disalurkan kepada baitulmal. Wang yang telah disalurkan kepada baitulmal dikira sebagai pendapatan kepada MAIS. Meskipun masih tidak terdapat apa-apa spesifik penggunaan hasil daripada *ta'widh* yang telah diterima. Wang *ta'widh* yang masuk ke dalam MAIS dikira wang sudah dikira bersih. Tambahan pula, sudah menjadi tanggugjawab MAIS untuk berkhidmat kepada masyarakat.

Persoalan timbul tentang penggunaan *ta'widh* haruslah digunakan kepada *maslahah* umum disebabkan oleh amaun *ta'widh* yang diterima tidak diketahui sama ada ianya mematuhi Syariah atau pun tidak disebabkan ketiadaan garis panduan khusus mengenainya. Disebabkan oleh keraguan tersebut, pegawai undang-undang berpandangan adalah baik wang *ta'widh* yang diterima digunakan secara khusus kepada perkara-perkara yang bersifat *maslahah* umum berbanding dengan digunakan untuk membayar gaji ataupun emolumen pegawai.

Isu Tadbir Urus

Berkenaan dengan proses kepatuhan dalaman ataupun luaran, masih tiada apa-apa mekanisme atau pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan kepatuhan Syariah dalam pelaksanaan *ta'widh* di MAIS. Sandaran mereka hanyalah berdasarkan persetujuan di antara parti yang telah berkontrak. Pada pandangan MAIS, pihak yang dikenakan *ta'widh* sudah bersetuju dengan *ta'widh* yang dikenakan dan pemakluman awal telah dibuat terlebih dahulu seperti mana yang telah disebutkan di dalam perjanjian. Malah proses kepatuhan ini berada di bawah pemantauan individu yang telah dipertanggungjawabkan (*PIC*) bagi setiap bahagian yang terlibat. Walaupun di peringkat MAIS wujud ISO Syariah yang berperanan untuk memastikan kepatuhan syariah dalam aspek-aspek yang melibatkan dokumentasi MAIS, namun begitu dalam aspek *ta'widh*, mereka tidak mempunyai fungsi atau peranan dalam memastikan semua dokumentasi *ta'widh* mematuhi piawaian syariah atau fatwa.

Namun begitu, terdapat juga sesetengah perjanjian menuntut kepada MAIS untuk merujuk kepada penasihat syariah seperti jawatankuasa baitulmal, dalam kes pinjaman dengan bank ataupun *tawarruq*. Meskipun begitu, bagi praktis kebiasaan untuk *ta'widh* tiada keperluan merujuk kepada penasihat syariah. Malah, tidak ada mana-pihak yang memantau sama ada kontrak yang dimeterai dalam sesuatu perjanjian mematuhi syariah atau tidak. Rangka perjanjian juga dilaksanakan mengikut praktis biasa seperti perjanjian jual beli dan disemak oleh peguam panel yang telah dilantik.

Isu Peraturan

Sehingga kini, masih tiada ada peruntukan undang-undang khusus mahupun enakmen yang menuntut MAIS melaksanakan *ta'widh*. Namun, bagi penjualan hartanah, kebiasaannya mereka merujuk kepada jadual *Solicitor Remuneration Orders* (SRO). Hanya sewaan berganda sahaja merujuk kepada Akta Undang-Undang Sivil 1956, Seksyen 28 (4). Tambahan pula, turut dinyatakan bahawa sewaan berganda ini juga merujuk kepada praktis yang biasa dilaksanakan oleh mana-mana majlis daerah di Selangor.

Begitu juga dengan fatwa, masih tidak ada fatwa yang telah dikeluarkan oleh mana-mana pihak termasuk jawatankuasa fatwa MAIS sendiri berkenaan pelaksanaan *ta'widh*. MAIS juga turut menyatakan mereka hanya merujuk kepada fatwa berkenaan *gharamah*. Bahkan fatwa tersebut merujuk kepada resolusi syariah yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dalam meletakkan sesuatu hukum dan juga pelaksanaannya, perlulah terlebih dahulu difahami dahulu tentang latar belakang sesebuah organisasi ataupun secara spesifiknya bentuk entiti undang-undang (*legal entity*) sesebuah organisasi, badan, syarikat dan seumpama dengannya. Hal ini amatlah penting bagi memastikan perletakan hukum dan juga natijah pelaksanaan hukum tersebut sesuai dan tepat dengan konteksnya. Entiti undang-undang merujuk kepada seseorang individu ataupun kumpulan yang mempunyai hak undang-undang, kewajipan berkenaan dengan kontrak, perjanjian, pembayaran, transaksi, obligasi, penalti dan saman.

Persoalan timbul berkenaan entiti undang-undang MAIS sama ada MAIS ini dikira sebagai badan kerajaan atau badan korporat. Sekiranya MAIS merupakan badan kerajaan yang mana natijahnya sebagai pemerintah mereka mempunyai kuasa sepenuhnya untuk melaksanakan apa jua bentuk hukuman ataupun merangka apa jua undang-undang bagi menangani kes-kes yang melibatkan

kemungkiran kontrak tanpa perlu ada pertikaian tentang keharusan tindakan tersebut. Apa jua bentuk polisi, undang-undang ataupun enakmen yang bakal dilaksanakan oleh sesebuah kerajaan sudah pasti adalah berdasarkan kepentingan umum.

Dalam bahagian yang lain pula, menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, bahagian 'Majlis boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.', iaitu Seksyen 40 yang menyatakan: "Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menerima pakai dengan membuat apa-apa ubahsuaian yang difikirkan patut mana-mana peraturan, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri." Ini menunjukkan MAIS mempunyai kuasa sebagai badan berkanun untuk membuat apa-apa peraturan dan menerima pakai dengan membuat pengubahsuaian terhadap mana-mana peraturan, dasar, pekeliling yang dibuat oleh sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Tambahan pula, dalam seksyen yang lain, iaitu Seksyen 122(1) menyatakan bahawa: "Majlis boleh, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat peraturan-peraturan, yang hendaklah disiarkan dalam Warta bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.". Ini bererti MAIS mempunyai kuasa untuk membuat apa jua bentuk peraturan berdasarkan enakmen ini. Dalam seksyen seterusnya iaitu Seksyen (2) turut dinyatakan beberapa perkara yang boleh dibuat sebagai peraturan MAIS. Dalam Seksyen (2/k) turut menyatakan bahawa: "perkara-perkara lain yang difikirkan perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Enakmen ini."

Namun begitu, dalam pada masa yang sama, menurut enakmen ini di bawah Seksyen 5(1) menjelaskan bahawa MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (a body corporate) yang mempunyai kuasa untuk mentadbir segala wang dan harta Baitulmal. Oleh sebagai badan korporat MAIS mempunyai hak untuk memeterai sesuatu kontrak dan tertakluk kepada obligasi hasil daripada memeterai kontrak tersebut. Sebaliknya jika MAIS berperanan sebagai perbadanan ataupun badan korporat, ini bermaksud MAIS sebagai badan korporat mempunyai hak untuk membuat dan memeterai sesuatu kontrak dan mempunyai kewajipan dan obligasi terhadap kontrak yang telah dimeterai.

Oleh itu kajian ini mencadangkan MAIS sebagai sebuah badan kerajaan membuat undang-undang berkenaan penalti kewangan namun dari segi pelaksanaanya mengikut panduan badan korporat seperti institusi kewangan Islam. Bahagaian seterusnya membincangkan secara lebih mendalam tentang candangan penambahbaikan dari segi pelaksanaan mengikut badan korporat, tadbir urus dan peraturan.

Penambahbaikan Terhadap Pelaksanaan Ta'widh

Pelaksanaan penalti kewangan dalam situasi MAIS sebagai sebuah badan korporat menuntut MAIS melaksanakan penalti kewangan dalam empat bentuk penalti kewangan berikut:

1. *Ta'widh*: caj ganti rugi
2. *Gharamah*: caj denda
3. *Syarat Jaza'i*: caj denda lewat
4. *Iltizam bitabbaru'*: caj penalti yang disalurkan kepada kebajikan

Selain itu, MAIS juga boleh melaksanakan penggabungan antara *ta'widh* dan *gharamah* sebagaimana yang dipraktikkan dalam institusi-institusi kewangan Islam dan juga menurut resolusi yang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, perlu ditekankan bahawa, sekiranya MAIS ingin menggabungkan *ta'widh* dan *gharamah*, kadar kombinasi amaun

ta'widh dan *gharamah* perlulah diselaraskan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh badan yang berautoriti.

1. *Ta'widh*

MAIS dibenarkan mengenakan caj ganti rugi (*ta'widh*) berasaskan kos sebenar yang dialami oleh MAIS disebabkan oleh penangguhan sengaja oleh penghutang dalam kontrak yang melibatkan pembiayaan hutang dan juga dalam kontrak-kontrak yang melibatkan jual beli. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar *ta'widh* dikenakan dalam konteks MAIS bagi situasi yang melibatkan:

a. Pembiayaan kewangan kepada anak syarikat
b. Jual beli hartanah
c. Penyewaan (denda lewat bayar sewaan)

Namun begitu, dalam menentukan kadar amaun kos sebenar yang boleh dikenakan ganti rugi oleh MAIS, ia haruslah mengikut garis panduan yang telah disediakan oleh pihak berautoriti. Kajian ini mencadangkan agar satu garis panduan khusus diwujudkan oleh jawatankuasa fatwa bagi pelaksanaan *ta'widh* khususnya terhadap kaedah tuntutan kepada ganti rugi berdasarkan kos sebenar bagi mengelakkan berlakunya riba disebabkan oleh penambahan dalam bentuk caj penalti terhadap hutang pokok.

2. *Gharamah*

Gharamah yang akan dilaksanakan oleh MAIS merujuk kepada caj penalti yang dikenakan bagi mengelakkan penangguhan sengaja dalam membuat pembayaran hutang dan juga jual beli. Selain itu *gharamah* juga bertujuan untuk mendisiplinkan pelanggan membuat pembayaran mengikut waktu dan tempoh yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Menurut perspektif syariah, *gharamah* yang dikenakan tidak boleh dikira sebagai sumber pendapatan kepada pihak pembiaya. *Gharamah* haruslah disalurkan kepada kebajikan. Sekiranya terdapat usaha agar *gharamah* dikira sebagai pendapatan kepada pihak pembiaya, perkara ini akan dikira sebagai ketidakpatuhan syariah. Namun begitu, situasi MAIS adalah berbeza dan unik berbanding dengan apa yang dialami oleh institusi-institusi kewangan Islam khususnya di Malaysia. Sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, MAIS merupakan sebuah badan korporat yang mempunyai kuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal. Dalam hal ini, pengkaji berpandangan bahawa MAIS juga adalah sebuah baitulmal yang mana mereka juga harus menerima wang hasil daripada gharamah. Kajian ini mencadangkan agar *gharamah* dikenakan dalam konteks MAIS bagi situasi yang melibatkan:

a. Pembiayaan kewangan kepada anak syarikat
b. Jual beli hartanah
c. Penyewaan (denda lewat bayar sewaan)

Meskipun begitu, kadar amaun *gharamah* haruslah ditentukan oleh ditentukan oleh pihak berautoriti. Bagi kes MAIS, jawatankuasa fatwa dilihat sebagai badan berautoriti yang harus menetapkan garis panduan pengenaan *gharamah* dan juga kadar amaunnya.

3. *Syarat Jaza'i*

Kajian ini mencadangkan agar MAIS mengenakan *Syarat jaza'i* (syarat balasan) khusus kepada kontrak yang tidak melibatkan hutang. Contohnya kelewatan pelaksanaan kerja-kerja atau tiada langsung pelaksanaan kerja kontrak pembuatan dan tempahan atau pembuatan (*istisna'*). Ganti rugi dituntut berdasarkan tempoh kelewatan pelaksanaan kerja. Penentuan

kadar adalah dikira berdasarkan kepada hari atau bulan bermula dari tempoh kelewatan. Oleh itu, pelaksanaan *syarat jaza'i* bagi kes hanya dikenakan kepada kes-kes berikut:

a. Pelaksanaan projek
b. Pembekalan barang dan perkhidmatan

Manakala, bagi penentuan kadar amaun penalti pula ditentukan oleh pihak yang berkontrak dan hasil kutipan penalti boleh digunakan oleh MAIS sebagai pendapatan.

4. *Iltizam bitabarru'*

Pihak yang berkontrak dengan MAIS beraku janji untuk memberikan *tabarru'* (sebagai penalti) sekiranya tidak menunaikan tanggungjawab dalam pembayaran hutang dan apa jua obligasi selepas termeterainya sesuatu kontrak. *Tabarru'* (sedekah) tersebut dilakukan bagi tujuan *maslahah.* Keharusannya berdasarkan pandangan ulama bahawa hasil wang penalti yang dikutip haruslah disalurkan kepada kebajikan dan tindakan tersebut termasuk dalam *iltizam bitabarru'* bagi mengelakkan berlakunya riba ataupun perbuatan menyerupai riba (Mohd Noor dan Haron, 2016; Ismail et al., 2014; Rahman, 2009) . Wang yang sudah disalurkan kepada pihak lain selain daripada pembiaya tidak boleh dianggap sebagai riba kerana pembiaya tidak mendapat apa-apa manfaat daripada hutang tersebut. *Iltizam bitabarru'* boleh dimasukkan ke dalam semua jenis kontrak yang dilaksanakan oleh MAIS.

Kadar amaun bagi penalti *iltizam bitabarru'* ditentukan pihak yang berkontrak dengan MAIS yang menentukan secara sukarela amaun yang perlu dibayar sebagai *tabarru'* kepada *maslahah ammah* semasa memeterai kontrak. Sebelum penyaluran *tabbaru'* kepada *maslahah ammah*, jawatankuasa fatwa perlu meluluskan kos sebenar yang diambil sebagai pendapatan berasaskan portfolio (portfolio basis). Hasil kutipan sedekah atau *tabbaru'* disalurkan kepada kepentingan umum dan tidak boleh digunakan untuk urusan dalaman MAIS, seperti pemberian gaji.

Penambahbaikan dari aspek tadbir urus

Bagi merealisasikan pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* menurut prinsip-prinsip sebagai sebuah badan korporat, MAIS perlu membuat pengasingan akaun, iaitu akaun pendapatan dan akaun *maslahah*. Akaun pendapatan digunakan bagi penyaluran hasil tuntutan yang melibatkan *ta'widh* dan syarat jaza'i sebagai pendapatan kepada MAIS. Manakala bagi akaun *maslahah* pula akan digunakan untuk penyaluran *gharamah* dan *iltizam bitabarru'*. Pengasingan akaun ini dilihat dapat memudahkan MAIS untuk mengawal selia penggunaan wang penalti yang disalurkan kepada MAIS terutamanya dari segi penggunaannya tanpa perlu mewujudkan ahli Majlis Syariah untuk menentukan kepatuhan syariah.

Selain itu, penambahbaikan yang perlu dipertimbangkan oleh MAIS bagi menambah baik tadbir urus dan tatakelola pelaksanaan *ta'widh* ini dengan mewujudkan pengurusan risiko (*risk management*). Seterusnya, MAIS perlu mengenal pasti apakah risiko-risiko syariah terutamanya dalam aspek kajian ini.

Penambahbaikan terhadap aspek peraturan

Pelaksanaan penalti kewangan sama ada dalam bentuk undang-undang, peraturan, enakmen ataupun fatwa adalah berasaskan prinsip *Siasah Syar'iyyah*. Al-Zaila'i (1997) telah menyebutkan bahawa *Siasah Syar'iyyah* adalah satu langkah yang diambil oleh seseorang pemerintah berdasarkan

kepentingan walaupun tidak terdapat dalil khusus tentangnya. *Siyasah* juga merujuk kepada tindakan yang boleh menjamin kepentingan orang ramai dan menjauhkan keburukan walaupun tidak ada hadis Rasulullah SAW atau wahyu tentangnya (Ibn Qayyim, 2002). *Siasah Syar'iyyah* dalam konteks ini adalah tentang kewajaran seseorang pemerintah atau badan-badan di bawah pentadbirannya mengambil langkah mengenakan hukuman penalti kewangan bagi menangani kes-kes berkaitan kemungkiran kontrak walaupun tidak ada nas yang jelas sama ada daripada al-Quran dan as-Sunnah tentang keharusan tindakan tersebut. Dalam merangka sesuatu polisi berpandukan *siyasah syariah*, memahami *Fiqh Waqi'* (fiqh semasa) adalah penting bagi memahami realiti dan hakikat sesuatu hukum.

Berkenaan isu kemungkiran kontrak yang berlaku dalam MAIS adalah sangat penting untuk difahami apakah realiti yang berlaku berkenaan isu ini dan juga sejauh manakah isu ini telah berlaku dan memudaratkan pihak yang berkontrak. Hal ini telah dijelaskan oleh para ulama kontemporari yang berpegang kepada keharusan melaksanakan penalti kewangan kepada kes penangguhan sengaja. Mereka telah memberikan pandangan bahawa tindakan sengaja melewatkan pembayaran semula hutang oleh penghutang yang mampu bayar adalah tindakan yang zalim dan tidak memberi keadilan kepada pihak yang memberi hutang.

Justeru, pembentukan polisi yang berorientasikan syariah merupakan salah satu bentuk ijtihad yang dibina berdasarkan *maslahah* dan *sadd zara'i* yang meliputi segala aspek kehidupan manusia seperti politik, ekonomi, kewangan dan sebagainya (Ibnu Qayyim, 2002). Pelaksanaan penalti kewangan sebagai undang-undang di bawah panduan *Siasah Syar'iyyah* adalah harus berdasarkan kepentingan umum yang perlu dijaga oleh pihak-pihak yang berkontrak termasuklah pihak pemerintah, kerajaan dan juga badan-badan bawahnya.

Oleh itu, MAIS boleh menjadikan penalti kewangan sebagai peraturan atau undang-undang MAIS sama ada dalam bentuk fatwa yang digazetkan dan peraturan dalaman MAIS. Sementara itu, caj penalti yang dikenakan ditentukan sendiri oleh MAIS berdasarkan praktis semasa yang dirasakan relevan bagi setiap situasi MAIS. Hasil wang penalti dalam konteks pelaksanaan ini disalurkan kepada MAIS dan MAIS boleh menggunakannya sebagai pendapatan kepada MAIS.

Lain-lain cadangan penambahbaikan

Dapatan kajian mendapati bahawa tiada kaedah khusus yang telah ditetapkan bagi menentukan kos sebenar. Oleh itu kajian ini mencadangkan satu parameter tuntutan kos sebenar bagi *ta'widh*. Berikut adalah parameter penentuan kos sebenar bagi ta'widh:

i. *Ta'widh* haruslah dikenakan berdasarkan kerugian sebenar yang dialami oleh MAIS disebabkan oleh penangguhan sengaja dalam membuat pembayaran.
ii. *Ta'widh* yang dikenakan hanyalah kepada penghutang yang mampu dan sengaja.
iii. *Ta'widh* boleh dituntut berdasarkan kos langsung (*direct cost*) dan kos tidak langsung (*indirect cost*). Kos langsung ialah kos yang dikeluarkan melibatkan kos-kos pentadbiran dan pengurusan. Kos tidak langsung ialah kos yang dibayar kepada pihak ketiga seperti yuran undang-undang (*legal fees*), percukaian sekiranya (*taxation*) ada dan seumpamanya.
iv. Tuntutan kepada kos sebenar dilaksanakan berdasarkan portfolio (portfolio basis)
v. Kadar amaun yang dituntut mestilah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh fatwa.
vi. Mewujudkan pusat pengumpulan segala dokumen yang berkaitan dengan perjanjian (*repository centre for legal documents*) bagi memudahkan proses menyemak semula segala dokumen yang berkaitan dengan perjanjian.

RUMUSAN

Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti isu dan permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan *ta'widh* dan *gharamah* di MAIS. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tiga isu utama yang dalam *ta'widh* dan *gharamah* di MAIS. Isu pelaksanaan, isu tadbir urus dan isu peraturan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa masalah kemungkiran kontrak yang berlaku dalam MAIS melibatkan dua bentuk kontrak iaitu:

1. Kontrak-kontrak yang melibatkan hutang
    a. Jual beli hartanah
    b. Pembiayaan kewangan kepada anak syarikat MAIS
    c. Penyewaan (lewat bayar sewa)

2. Kontrak-kontrak yang tidak melibatkan hutang
    a. Pembekalan barang dan perkhidmatan
    b. Penyewaan (denda berganda)
    c. Pelaksanaan projek

Dalam praktis MAIS, didapati berbeza-beza bagi setiap situasi. Hal ini kerana, setiap praktis yang dilaksanakan merujuk kepada amalan semasa berikutan ketiadaan garis panduan khusus tentang pelaksanaannya. Bahkan, dari aspek tadbir urus dalaman, masih tiada apa-apa mekanisma diwujudkan bagi mengawal selia operasi *ta'widh* dalam MAIS. Kawal selia kebanyakan berlaku di peringkat jabatan sendiri. Selain itu, tidak terdapat sebarang undang-undang ataupun fatwa yang memperuntukkan mereka melaksanakan penalti. Meskipun, bagi kes penyewaan iaitu denda berganda, denda yang dikenakan adalah berdasarkan peruntukan undang-undang Sivil 1956.

Akhir sekali, kajian ini mencadangkan MAIS melaksanakan *ta'widh* dan *gharamah* mengikut prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam badan korporat. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan MAIS melaksanakan penambahbaikan terhadap isu tadbir urus dengan membuat pengasingan akaun bagi meningkatkan aspek tata kelola *ta'widh* dan *gharamah*. Akhir sekali kajian ini mencadangkan satu penambaikan terhadap aspek peraturan dengan membuat peraturan baru berkenaan *ta'widh* dan *gharamah* dalam bentuk undang-undang atau fatwa yang digazetkan.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh geran penyelidikan MAIS. Oleh itu, kami ingin merakam segunung penghargaan kepada MAIS atas sokongan yang telah berikan bagi memastikan kelancaran dalam menyempurnakan kajian ini. Harapan kami agar kerjasama ini akan terus berkekalan dan dapatan kajian ini akan memberikan sumbangan yang bermakna pada ilmu pengetahuan.

RUJUKAN

AAOIFI. (2010). *Shari'ah Standards for Islamic Financial Institutions*. Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions.

Abu Daud, S. A. (n.d.). *Sunan Abi Daud* . M. M. Abd al-Hameed (Ed.). Al-Maktabah al-Asriyah.

Ad-Darir, A. M. (1985). Al-Ittifaq ala ilzam al-Madin al-Mu'sir bi ta'widh Dhoror al-Mumatilah. *Majalah Jami'ah al-Malik Abdul Aziz al-Iqtisod al- Islami*.

Al-Bukhari, M. I. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah wa Sunanihi wa Ayyamihi* . M. Z. Nasir al-Nasir (Ed.). Daar Tauq al-Najat.

Al-Hamawi, U. (2012). *Al-Shart al-Jazai fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah Muqaranah*. Daar al-Nawadir.

Al-Hattab, A. (1984). *Tahrir al-Kalam fi Masail al-Iltizam*. Daar al-Gharb al-Islami.

Al-Mani, A. (2003). *The problem of Late Payment in Islamic Banks* [Paper presentation]. Islamic Fiqh Academy of The Organization of The Islamic Conference, Doha.

Al-Mani', A. (1985). *Matl al-Ghaniy Zulmun wa anna hu Yuhillu 'Irdu hu wa 'uqubatahu.* . Majmu' al-Fatawa wa Buhuth.

Al-Misri, R. (1985). *Al-Nizom al-Masrafi al- Islami bahs fi dirasat fi al-Iqtisod al-Islami*. al-Markaz al-'Alami li abhath al-Iqtisod al-Islami.

Al-Misri, R. Y. (1986). *al-Riba' wal hasmi al-Zamani fi al-Iqtisod al-Islami*. Dar Hafiz lil nashar wa al-Tauzi'.

Al-Qurrahdaghi, A. M. (2006). *Buhuth fi Fiqh al-Bunuk al-Islamiah*. Dar al-Bashair al-Islamiah.

Al-Tabtabae, M. A. (2006). *Al-Ta'widh 'an al-Dharar wa al-Gharamah 'ala al-Ta'khir fi al-Duyun: Dirasah Tatbiqiyyah 'ala al-Mu'assasat al-Maliyyah al-Islamiyyah fi Daulati al-Kuwait, Al-Qadaya al-Mu'asarah fi al-Tamwil al-Islami* [Paper presentation]. Perhimpunan Persidangan Ilmuwan Sharia Sedunia, Kuala Lumpur.

Azman, M. N., & Haron, M. N. (2016). A Framework for Determination of Actual Costs in Islamic Financing Products . *Journal of Islamic Finance*, *5*(2), 37–52. https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004

Az-Zarqa, M. (1999). *Fatawa Mustafa al-Zarqa Aitna biha Majd Ahmad Makki*. Daar al-Qalam.

Bank Negara Malaysia. (2010). *Resolusi Shari'ah Dalam Kewangan Islam*. http://www.bnm.gov.my/guidelines/05_shariah/cir_012_3.pdf

Hammad, H. N. (1985). *al-Mu'ayyidat al-Syar'iyyah li haml al-Madin al-Mumatil 'ala al-Wafa wa butlan al-Hukm bi al-Ta'awidh al-Mali an Darar al-Mumatilah*.

Hasan, A., Haron, M. N., Faysal, M., & Mana, B. (2018). Classification of Defaulters in The Payment. *Al-Shajarah Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)*, 85-103. https://journals.iium.edu.my/shajarah/index.php/shaj/article/view/610

Ibn Qayyim, S. A. (2002). *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasa al-Shariah aw al-Farasah al Marziyyah fi Ahkam al-Siyasah al-Shariah. Tahqeeq wa Taliq Sayyid Imraan*. Daar al-Hadith.

Ismail, A. G., Sanep, A., & Jaafar, A. (2011). *Kamus Kewangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail, N. U., Mat Zin, M. N., & Yaacob, S. E. (2014). Kaedah Penyelesaian Kemungkiran Kontrak (Default Payment) Dalam Islam: Sorotan Literatur.". *Islamiyyat*, *30*(1), 41–48. https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2014-3601-04

Kamali, M. H. (2017). Bulletin on Islam and contemporary issues. *IAIS*.

Laldin, M. A. (2006). Isu-isu Semasa dalam Perbankan Islam. In Prosiding Dialog Cendikiawan Syariah Antarabangsa.

MAIS. (n.d.). Majlis Agama Islam Selangor. http://www.mais.gov.my/

Saad, M. A. (2006). *Al-Shart al-Jazai wa Athruhu fi al-Uqud al-Muasirah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Daar Kunuz Ishbeliya li al-Nashr wa al-Tawzi.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2017). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*. https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=447943b0-bdf1-4dee-a824-43c06bef2847

Syaaban, Z. (1989). Ta'liq Bahs Mustafa Ahmad al-Zarqa Hal Yaqbal Syar'an al-Hukm 'ala al Madin al-Mumatil bi al-Ta'widh ala ad-Dain. *Majalah Jami'ah al-Malik Abdul Aziz, al-Iqtisod al-Islami*.

Usmani, M. T. (2011). *Buhutun fi Qazaya Fiqhiyyah Muasarah*. Dar al-Fikr.

BIODATA KETUA PENYELIDIK

FATWA HIBAH SELANGOR: PENYELESAIAN ISU FIQH DALAM PELAKSANAAN HIBAH

NASRUL HISYAM NOR MUHAMAD (Ph.D) memperoleh Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Malaya dalam jurusan Syariah dan Undang-undang pada 2002 sebelum Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam) pada 2003. Seterusnya, beliau menamatkan pengajian di peringkat Sarjana (Pentadbiran Zakat dan Baitulmal) dan Doktor Falsafah (Undang-undang Mal). Beliau kini merupakan pensyarah di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan ahli kepada kumpulan penyelidikan Syariah, Undang-undang dan Ekonomi di universiti tersebut. Beliau aktif dalam bidang penulisan akademik selain menjalankan beberapa penyelidikan serta menjadi penasihat syariah dan terlibat dalam beberapa jawatan kuasa dalam bidang kepakaran beliau di pelbagai peringkat, antara yang terkini ialah Pengerusi Jawatankuasa bagi mendraf Undang-undang Hibah negeri Selangor dan Ketua Penyelidik bagi mendraf Undang-undang Hibah Negeri Sembilan.

KEBERKESANAN MODUL TRANSFORMASI EHSAN DARI ASPEK PERUBAHAN TINGKAH LAKU PELATIH DI RUMAH PEMULIHAN MAIS

SALASIAH HANIN HAMJAH (Ph.D) merupakan seorang pensyarah di Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Dakwah dan Kaunseling Islam. Beliau memiliki ijazah Doktor Falsafah (Dakwah & Kaunseling) daripada Universiti Sains Malaysia (2008). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (First Class) daripada Universiti Malaya (1994) dan Sarjana Usuluddin juga daripada Universiti Malaya. Beliau adalah Kaunselor Berdaftar (00628) Perakuan Amalan (00459) (K.B.P.A) daripada Lembaga Kaunselor Malaysia dan Naib Presiden Persatuan Kaunseling Syarie (PAKSI). Menerima lebih 15 anugerah termasuk Anugerah Khas Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 1435H/2014M bagi Kategori Saidatina Khadijah dan Anugerah Rakan Strategik Blueprint Masyarakat Sejahtera Putrajaya daripada Perbadanan Putrajaya (2022). Beliau kini memegang jawatan sebagai Peneraju Kluster Warisan dan Masyarakat Madani, Pusat IDEA, UKM dan merupakan mantan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Pengajian Islam, UKM (2014-2017). Beliau banyak menulis karya ilmiah termasuk jurnal terindeks (melebihi 120 artikel), buku (29 buah) dan melebihi 260 lain-lain penulisan termasuk prosiding, akhbar, majalah, bab dalam buku dan laporan penyelidikan (sehingga 2023). Antara buku karya asli beliau yang sering menjadi rujukan ialah Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut al-Ghazali; Proses, Pendekatan dan Kemahiran Kaunseling Islam; Modul Kaunseling Islam menurut al-Ghazali dan Dakwah dan Perubahan Sosiobudaya. Beliau mempunyai pengalaman menjalankan lebih 58 penyelidikan berkaitan kaunseling, dakwah, spiritual, kekeluargaan dan isu sosial masyarakat. Beliau terlibat dengan pelbagai agensi luar UKM seperti MAIS, Perbadanan Putrajaya, JAKIM, PERKIM, YADIM, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, JAWI, JAIS, MAINS dan MAIK dalam hal berkaitan penyelidikan dan khidmat Masyarakat.

PELAKSANAAN PENDIDIKAN KHAS UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHAS DI SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR KELOLAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

NORSHIDAH MOHAMAD SALLEH (Ph.D) adalah pensyarah kanan dalam bidang pendidikan khas di Universiti Kebangsaan Malaysia. Mula berkhidmat dari tahun 2001 hingga tahun 2021 di Jabatan Pendidikan dan Komuniti Fakulti Pendidikan UKM. Bersara wajib pada tahun 2021 dan masih berkhidmat sebagai pensyarah sambilan di Fakulti Pendidikan UKM sehingga kini. Bidang kepakaran beliau adalah pendidikan khas untuk murid berkeperluan khas penglihatan. Mendapat pendidikan hingga Ph.D daripada UKM dalam bidang pendidikan khas. Sebelum menjadi pensyarah di Fakulti Pendidikan, pernah berkhidmat sebagai guru Kementerian Pendidikan Malaysia di beberapa buah sekolah di Langkawi dan Alor Setar Kedah serta di Kuala Lumpur. Pernah dilantik memegang jawatan pentadbiran sebagai Penyelaras Program Prasiswazah dan Penyelaras Program PITO di Fakulti Pendidikan UKM. Selain mengajar, beliau juga banyak menulis dan menjalankan kajian dalam bidang pendidikan khas berkaitan pendidikan murid berkeperluan khas penglihatan, kolaborasi dan konsultasi dalam pendidikan khas serta pendidikan inklusif. Sepanjang perkhidmatan di UKM, beliau banyak terlibat dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam pembinaan kurikulum untuk murid pendidikan khas sekolah rendah dan menengah dan juga murid prasekolah.

KAJIAN PROJEK PEMBINAAN MODUL PENGAJIAN MASJID BERSTRUKTUR NEGERI SELANGOR

MOHD. NOH ABDUL JALIL (Ph.D) merupakan pemegang ijazah kedoktoran Usuluddin dan Perbandingan Agama daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Kini beliau berkhidmat sebagai Profesor Madya di jabatan tersebut. Beliau mengajar kursus Agama-agama Dunia dan Dakwah Islamiah di UIAM. Selain mengendalikan kuliah di UIAM, beliau juga terlibat dengan kerja-kerja penyelidikan di peringkat negeri dan antarabangsa. Setelah menyelesaikan penyelidikan bersama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada tahun 2021, beliau seterusnya diamanahkan untuk mengetuai satu projek penyelidikan berkenaan seorang tokoh terkemuka Islam India bermula pada tahun 2022 sehingga 2024. Projek ini ditaja sepenuhnya oleh Zahra Foundation, India. Beliau juga pada masa ini ditugaskan sebagai penyelaras Pusat HAMKA di UIAM yang merupakan salah satu Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) di Kulliyyah Ilmu Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, UIAM. Dr. Mohd Noh juga telah memegang beberapa jawatan pentadbiran di peringkat jabatan dan universiti. Bermula pada bulan Januari 2019, beliau telah diamanahkan untuk memegang jawatan Timbalan Dekan, Pembangunan Pelajar dan Libatsama Masyarakat, Kulliyyah Ilmu Berteraskan Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, UIAM sehingga kini. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Majlis Usuluddin Malaysia (MUM).

KAJIAN AMALAN RADHA'AH DALAM KALANGAN MASYARAKAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR

NURHIDAYAH MUHAMMAD HASHIM (Ph.D) adalah pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam. Dari segi latar belakang pendidikan, beliau mempunyai dua ijazah Undang-undang daripada UIA iaitu LL.B (Hons) dan juga LL.B (Shariah) (Hons), Sarjana Syariah daripada UM, Diploma Lanjutan Syariah & Amalan (DLSA) daripada UiTM dan PhD daripada Universiti Melbourne, Australia. Kajian PhD beliau adalah berkenaan undang-undang keluarga melibatkan perceraian dan nafkah anak selepas ibu bapa bercerai, perbandingan di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah Malaysia serta melihat kepada amalan *Child Support* di Australia. Beliau pernah dilantik sebagai Dekan ACIS selama 2 tahun pada Dis 2019 sehingga Dis 2021 dan juga AJK Kerja BSK di bawah JKSM. Sepanjang kerjaya sebagai pensyarah, beliau telah menerbitkan 7 buah buku, lebih dari 20 artikel ilmiah dalam pelbagai jurnal dan terlibat dalam banyak penyelidikan melibatkan hal-ehwal perkahwinan, perceraian dan nafkah anak di Malaysia.

KAJIAN PELAKSANAAN TA'WIDH DAN GHARAMAH DALAM KONTEKS MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

DATIN RUSNI HASSAN (Ph.D) adalah Dekan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau tersenarai sebagai 10 Wanita Paling Berpengaruh dalam Perniagaan dan Kewangan Islam di peringkat global. Beliau juga adalah penyelidik aktif dan jurulatih pakar dalam bidang perbankan dan kewangan Islam. Mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam bidang akademik, beliau telah mengajar, menerbitkan dan menyelia karya akademik terutamanya dalam bidang Syariah, tadbir urus dan aspek perundangan perbankan dan kewangan Islam. Penerbitan beliau termasuk buku, bab dalam buku dan artikel yang diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa. Beliau disenaraikan sebagai 10 penyumbang Terbaik untuk penyelidikan dalam Kewangan Islam dalam pangkalan data Scopus. Dari segi industri, beliau terlibat secara aktif sebagai Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah Institusi kewangan Islam tempatan dan antarabangsa. Beliau merupakan ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari 2010 hingga 2016 dan juga Jawatankuasa Syariah untuk beberapa institusi di Malaysia termasuk Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) serta Wakaf dan koperasi Islam. Di peringkat antarabangsa, beliau ialah Jawatankuasa Syariah untuk Institusi Kewangan di Maldives. Sumbangan beliau kepada Kewangan Islam di Maldives telah diiktiraf oleh Kerajaan Maldives apabila beliau dianugerahkan Pengiktirafan Kebangsaan bagi Sumbangan Cemerlang Wanita untuk Membangun dan Mengekalkan Industri Kewangan Islam di Maldives pada 2018. Hasil kerja dan sumbangan beliau kepada Kewangan Islam telah diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila beliau tersenarai dalam senarai Top 10 Wanita Paling Berpengaruh dalam Perniagaan dan Kewangan Islam selama 6 tahun berturut-turut sejak 2018 hingga 2023 oleh Cambridge IFA.

PUSAT PENYELIDIKAN

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
WISMA MAIS, SEKSYEN 3
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3400
E-mel : penyelidikan@mais.gov.my

9 789832 381624